

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

| | | |
|----------------|---------------|-------------------------|
| Bil. 25 | Selasa | 20 Disember 2005 |
|----------------|---------------|-------------------------|

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengangkat Sumpah (Halaman 1)
- Mengalukan Ahli-ahli Baru (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 25)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebeaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 87)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Selasa, 20 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam
- Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin
- Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara dan kepada Yang Berhormat Puan Siw Chun di atas pelantikan semula beliau. Saya percaya pelantikan ini merupakan pengiktirafan yang tinggi dalam kerjaya Yang Berhormat masing-masing.

Yang Berhormat-Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa Dewan Negara adalah institusi pemerintahan. Bermakna Yang Berhormat menganggotai sebuah institusi pemerintahan. Hayatilah peranan yang sebaik mungkin dalam mendukung dan menghayati ikrar dan sumpah Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan maklumat terkini tentang bagaimana pihak kementerian bercadang untuk 'Impak Sosial' (seperti 'impak alam sekitar') kepada masyarakat dapat dilakukan supaya sesetengah projek pembangunan yang merosakkan masyarakat dapat dihentikan.

Setiausaha Parlimen Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dasar sosial negara menggariskan panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan suatu kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang.

Untuk mengurangkan kesan-kesan sosial negatif yang mungkin berlaku sebelum, semasa dan selepas sesuatu program atau projek fizikal dijalankan, pihak kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya satu kajian mengenai cadangan pelaksanaan penilaian impak sosial dijalankan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam proses melaksanakan kajian tersebut. Penemuan kajian akan membantu pihak kerajaan memutuskan sama ada pelaksanaan SIA sesuai untuk semua projek program pembangunan ataupun hanya wajar dilaksanakan untuk projek tertentu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad Haji Ahmad, selepas itu Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kementerian mengenai status kemiskinan di bandar atau *urban poverty*, dengan izin. Apakah peratusnya mengikut kaum dan perancangan khusus kementerian untuk membantu golongan miskin bandar ini?

Puan Chew Mei Fun: Ini adalah satu soalan yang spesifik yang mana saya tidak ada angkanya, oleh itu saya mohon untuk jawab secara bertulis. Untuk membantu membanteras *urban poverty* ini, kementerian kita sedia ada banyak bantuan am atau bantuan kanak-kanak, bantuan untuk pelan pelancaran dan sebagainya untuk membantu mereka. Selain daripada itu, saya juga difahamkan sekarang membasmi kemiskinan bandar ini juga adalah satu program di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad bangun tadi?

Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
[Menunjukkan isyarat tidak]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Di antara perkara-perkara yang boleh membawa kerosakan kepada masyarakat

ialah pelesenan yang diberi oleh kerajaan mewujudkan kelab-kelab malam dan sebagainya. Jadi, apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah ini supaya gejala-gejala negatif tidak terus merebak dalam negara kita?

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan, oleh itu saya tidak dapat menjawab tetapi kalau kita mewujudkan atau kita melaksanakan sekiranya Kabinet meluluskan program SIA ini, mungkin di masa hadapan kita akan dapat mengkaji sebelum apa-apa program yang dijalankan oleh kerajaan, adakah ia akan mendatangkan apa-apa impak sosial yang tidak diingini oleh kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas melalui proses pembangunan hampir lima dekad kemiskinan bandar atau *urban poverty* ialah satu fenomena yang muncul yang kita mesti tangani sekarang. Terima kasih.

2. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan usahawan atau usaha sama usahawan tempatan yang berjaya mendapat kontrak negara asing. Daripada bilangan kontrak tersebut, berapakah telah ditandatangani dengan bantuan dan usaha kementerian dan apakah usaha kementerian yang telah dan akan diambil untuk membantu usahawan-usahawan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikumpulkan oleh CIDB, dengan izin, *Construction Industrial Development Board* atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, sehingga kini sebanyak 76 kontraktor tempatan telah berjaya menembusi dan mendapat tawaran kontrak pembinaan di 30 buah negara. Ia melibatkan 316 projek bernilai RM30.05 bilion. Daripada jumlah ini, satu projek telah diperolehi secara kerajaan dengan kerajaan iaitu projek membaik pulih dan membina lebuh raya di seksyen NH5 antara Thana-Nellore dan antara Vijayawada-Nandigama di Andhra Pradesh, di India.

Di samping itu, CIDB juga sedang dalam peringkat perundingan bagi pelaksanaan projek kereta api di Republik Islam Iran dan sedang menyediakan laporan kajian kemungkinan bagi penswastaan Lebuhraya Faisalabad-Khanewal di Republik Pakistan. Selain daripada projek tersebut, CIDB juga sedang berunding dengan pihak-pihak berkenaan bagi mendapatkan projek di Syria, Indonesia dan Bosnia Herzegovina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peranan utama kementerian menerusi CIDB adalah untuk mempromosi, memudah cara dan menggalakkan penyertaan kontraktor tempatan di luar negara menerusi pelbagai program seperti pelaksanaan misi antarabangsa, seminar, penyelidikan pasaran, pembangunan kapasiti dan sebagainya.

Selaras dengan maklumat tersebut,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, telah memberi gambaran yang cukup baik mengenai tahap kejayaan borong kita di luar negara. Bolehkah Yang Berhormat benarkan sedikit pertanyaan tambahan?

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Kementerian menerusi CIDB sentiasa berusaha mendapatkan projek-projek secara kerajaan dengan kerajaan iaitu, dengan izin, 'G to G' bagi memberi peluang kepada kontraktor Malaysia mendapat tempat di negara berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih dan saya ucapkan tahniah kepada kementerian, kerajaan dan juga usahawan-usahawan yang berjaya untuk mendapatkan kontrak. Soalan tambahan saya. Adakah kontrak-kontrak negara asing tersebut, kontrak itu ada dijalankan dan dilaksanakan dengan sempurna dan ditunaikan dengan kepuasan pelanggan yang tinggi atau ada juga kontrak yang dikendalikan itu sudah jadi projek sakit yang akan menjejaskan keyakinan negara asing terhadap usahawan-usahawan Malaysia. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya peranan CIDB memang menggalakkan lebih ramai kontraktor tempatan untuk melibatkan diri di projek-projek di luar negara. Setakat ini, kemajuan ini adalah sangat baik. Ini kerana kita membuat projek di negara asing, kita perlu, kecuali 'G to G', melalui proses tender juga dan ada juga saingan dengan pihak kontraktor yang lain dari negara yang lain. Setakat ini kita tengok, lebih ramai lagi akan menyertai program-program keluaran CIDB untuk mengadakan projek di luar negara. Buat masa sekarang Menteri sendiri masih di Bosnia-Herzegovina, hari ini....

Tuan Yang di-Pertua: Belum ada kes-kes kegagalan yang menjejaskan imej.

Dato' Yong Khoon Seng: Yang itu saya hendak sampai sana. Kalau dalam satu saingan di negara yang kita ada, kita punya standard memang tinggi. Ada pula kontraktor mungkin tidak untung tetapi mereka akan melaksanakan projek ini dan siapkan projek walaupun tidak untung.

Tuan Yang di-Pertua: Sehingga kini belum ada kontrak yang menjejaskan imej negara.

Dato' Yong Khoon Seng: Tidak ada, malah imej kontraktor negara kita ini adalah baik sekali.

3. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah implikasinya untuk tidak menaikkan kos petroleum sehingga 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, implikasi ke atas langkah kerajaan jika tidak menaikkan harga runcit petroleum sehingga tahun 2006, sekiranya harga minyak mentah dunia terus meningkat ialah peningkatan dalam tanggungan subsidi kerajaan ke atas produk petroleum. Ini kerana kenaikan harga tersebut terpaksa ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dengan mengambil kira subsidi yang diberikan oleh Petronas bagi tujuan penjanaan elektrik. Sekiranya harga produk petroleum dikekalkan, jumlah pengeluaran cukai dan subsidi yang perlu

ditanggung oleh kerajaan sepanjang tahun 2006 adalah dianggarkan melebihi RM26 bilion, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu sekali lagi Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff. Lepas itu susah sedikit hendak bagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Oleh kerana implikasi kepada kewangan kerajaan begitu serius, maka kenapa kerajaan tidak mengambil inisiatif yang lebih khusus untuk memperkukuhkan lagi sistem pengangkutan awam kita supaya sebahagian daripada subsidi ini boleh disalurkan untuk memperbaiki dan menggalakkan orang menggunakan pengangkutan awam. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kerajaan dan juga kerajaan-kerajaan negeri memang sentiasa berusaha untuk membangunkan dan meningkatkan prestasi perkhidmatan-perkhidmatan awam. Memang di peringkat Lembah Klang sendiri dan pihak Kerajaan Pusat ada rancangan untuk membangunkan prasarana ataupun pengangkutan awam. Ini memakan masa, Tuan Yang di-Pertua, dan perlukan perbelanjaan yang banyak. Memanglah seelok-eloknya memang kalau kita kurangkan subsidi, maka *saving*, dengan izin, daripada subsidi itu boleh digunakan untuk prasarana pengangkutan awam. Ini memang baik tetapi oleh kerana keadaan tidak mengizinkan dan kerajaan sebenarnya suatu kerajaan yang penyayang, maka kerajaan sanggup untuk memberi subsidi supaya meringankan beban kepada rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana kita maklum bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar minyak, jadi setakat ini apakah perundingan yang telah dibuat antara negara kita dengan OPEC supaya harga petroleum di pasaran itu stabil dan boleh mengekalkan harga minyak ini tidak terlalu tinggi dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah dunia. Ini adalah berkenaan dengan *supply and demand*, Tuan Yang di-Pertua. Bila berlaku bencana, contohnya, atau berlaku peperangan, memang *supply* dari negara-negara yang terlibat tidak akan diperolehi, maka harga minyak akan meningkat. Sebab itulah ada usaha-usaha pihak lain termasuk pihak Kerajaan Malaysia untuk mewujudkan satu bahan bakar yang baru. Contoh yang terakhir ialah tentang bio-diesel, Malaysia memang agresif untuk membangunkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak orang lupa kerajaan sebagai pemerintah memang berkuasa, banyak kuasa tetapi kadang-kadang tidak boleh lawan kuasa pasaran.

4. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan usaha untuk menanam kesedaran dan kefahaman rakyat bahawa isu Agenda Melayu bukan bertujuan memberi keutamaan tidak adil pada satu-satu kaum tetapi bertujuan meningkatkan keupayaan sosioekonomi sejumlah besar penduduk Malaysia dan merapatkan jurang perbezaan sosioekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam, Yang Berhormat Dato' Armani bin Haji Mahiruddin dan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong kerana dilantik semula sebagai Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia memang faham falsafah di sebalik dasar-dasar kerajaan untuk membangunkan negara dan mengagihkan pendapatan, selaras dengan pertumbuhan agihan dan kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan rakyat Malaysia memahami kenapa dasar-dasar ini dilaksanakan dari masa ke semasa. Kerajaan mempunyai iltizam yang tinggi untuk merapatkan jurang antara bumiputera dengan bukan bumiputera, khusus dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Ini adalah kerana kaum bumiputera berada jauh di belakang sama ada dari segi pendapatan, guna tenaga, pemilikan modal saham ataupun pemilikan hartanah.

Walaupun kejayaan telah dicapai dalam tempoh lebih 30 tahun sejak DEB dilaksanakan, kerajaan masih lagi belum berpuas hati kerana jurang antara bumiputera dengan bukan bumiputera itu masih ada. Oleh yang demikian, dalam tempoh RMK9 yang sekarang sedang dirangka, pendekatan untuk mengagihkan pendapatan bagi menaikkan taraf hidup bumiputera akan diteruskan.

Antara dasar-dasar yang akan dilaksanakan termasuklah pendekatan untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kaum, konsep *income treaty*, umpamanya menjelang tahun 2020, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia berhasrat untuk memastikan bahawa jurang bumiputera dengan bukan bumiputera ini akan dirapatkan, walaupun tidak dihapuskan sama sekali menjelang tahun 2020 supaya semua rakyat Malaysia akan dapat mengecapi kemajuan dan faedah daripada pembangunan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pihak Dewan Negara, saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat sudi tampil untuk menjawab sendiri soalan, [*Tepuk*] sekali gus mengalu-alukan kehadiran dua orang menteri. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah bin Mohamad, selepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani dan selepas itu Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bank Dunia dalam laporannya dalam tahun ini, 2005, telah pun mengiktiraf serta memperakui bahawa dasar ataupun ideologi sosioekonomi yang dinamakan pertumbuhan dengan pengagihan adalah

sesuatu yang dapat dengan secara berkesan membantu mendekatkan jurang perbezaan sosioekonomi di antara penduduk-penduduk di tiap-tiap negara. Ini sudah pun diberikan sebagai satu saranan untuk negara-negara lain di mana *disparity* itu begitu ketara sekali. Ini adalah satu ubahan atau perubahan dalam *position, shift of position* dalam World Bank, ILO, UNDP dan lain-lain. Perakuan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya, perakuan ini, Yang Berhormat, dapat...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan daripada seorang ahli ekonomi kepada seorang lagi ahli ekonomi.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Adakah perakuan ini dapat membantu kita menjalankan atau melaksanakan program ekonomi seperti yang dicadangkan dan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tanpa mendapat bantahan yang tidak sebenarnya ataupun tidak bertempat. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia menjadi pelopor dalam banyak perkara. Dalam melaksanakan dasar ekonomi, pertumbuhan disertai dengan agihan ini, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terdahulu daripada mana-mana negara. Biasanya institusi antarabangsa, mereka tertinggal di belakang sedikit. Umpamanya, apabila kita melaksanakan dasar untuk menetapkan kadar mata wang pada 1 September 1998, ia ditentang hebat oleh pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), tetapi akhirnya diterima sebagai dasar yang bertepatan.

Begitu jugalah satu masa dahulu dasar *growth with equity and distribution*, dengan izin, ini ditentang hebat oleh banyak pihak termasuklah beberapa pegawai di Bank Dunia. Hari ini jelas bahawa dasar kita ini berkesan dan yang penting dalam konteks negara kita, kita buat apa yang tepat, apa yang betul untuk negara kita. Yang penting, semua dasar ini adalah untuk mencapai perpaduan negara, dalam konteks negara berbilang kaum, dalam konteks terdapat jurang perbezaan pendapatan dan kemudahan yang begitu ketara antara kaum dan kawasan dalam negara kita. Dasar yang dimulakan pada tahun 1971 itu telah banyak merapatkan jurang pendapatan dan itu telah berjaya untuk merapatkan perpaduan di antara kita. Menjadikan Malaysia sebuah negara aman dan stabil, boleh kita maju dengan lebih hebat lagi pada masa depan.

Jadi saya hendak tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah pelopor dalam banyak perkara dan dalam aspek pembangunan, termasuklah konsep pertumbuhan dengan agihan ini, jelas kepada kita bahawa strategi kita tepat dan sekarang ini diperakukan oleh institusi antarabangsa termasuklah Bank Dunia sebagai satu kaedah bagi membangunkan negara dan juga memastikan adanya keamanan dan kestabilan dalam sebuah negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad mengalah kerana membenarkan pertanyaan tambahan daripada Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan kerana hendak mendengar pertanyaan daripada yang bukan bumiputera.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selalu memberi pandangan bahawa tidak ada mana-mana satu kaum yang akan disekat atau dihentikan daripada memajukan diri apabila kerajaan meneruskan usaha membantu kaum bumiputera, khususnya mereka yang masih ketinggalan.

Masalah yang timbul ialah pelaksanaan dasar-dasar di peringkat bawahan oleh sektor awam atau pihak swasta yang menyebabkan banyak masalah kepada rakyat sehingga hasrat baik kerajaan tidak dapat mencapai matlamatnya. Soalan tambahan saya, apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membetulkan segala kelemahan dan kebocoran yang wujud selama ini semasa melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kerajaan memberi jaminan bahawa dalam melaksanakan dasar-dasar untuk mengagihkan pendapatan, kita tidak mengetepikan kepentingan mana-mana pihak, kita tidak merompak hak mana-mana pihak dan ini terbukti dalam kita melaksanakan dasar-dasar kita semenjak tahun 1971 apabila DEB mula dilaksanakan.

Masalah pelaksanaan ini sering kali dibangkitkan oleh rakyat Malaysia dan kita telah memberi penekanan perlunya diperbaiki lagi *delivery system* atau sistem penyampaian, kebocoran, ketirisan, salah guna kuasa umpamanya rasuah. Ini semua merupakan ketirisan dan kebocoran yang boleh menggagalkan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan sedar bahawa ada isu-isu pelaksanaan yang perlu kita tangani dan kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya. Kerajaan hari ini bertekad untuk mengurangkan lagi masalah pelaksanaan ini dan jika ada masalah-masalah seperti ini, Yang Berhormat bolehlah membangkitkan dalam Dewan ataupun dalam forum-forum lain ataupun membangkit sendiri dengan pemimpin-pemimpin kita termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita yakin bagi isu-isu pelaksanaan ini akan dapat kita kurangkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian pada akhirnya kita amalkan prinsip kongsi kuasa.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abd. Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya, apakah yang menyebabkan agenda Melayu yang mana sudah lama dilaksanakan tetapi tidak mencapai matlamat, dan apakah perancangan untuk mengatasi dan menentukan tercapainya matlamat yang telah dirancang oleh pihak kerajaan? Walau bagaimanapun kita lihat Dasar Ekonomi Baru

Tuan Yang di-Pertua: Walau bagaimanapun, tidak usahlah.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abd. Ghani: Kita dapati bahawa Dasar Ekonomi Baru

.....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan...

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abd. Ghani: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abd. Ghani: Apakah perancangan kerajaan untuk menentukan yang mana sudah lama agenda Melayu dijalankan, tetapi tidak mencapai matlamatnya. Apakah perancangan kerajaan untuk menentukan pencapaian yang telah dirancang oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, agenda untuk mengagihkan pendapatan, kemudahan dan juga peluang tidak tercapai sepenuhnya. Adalah tidak tepat kalau kita mengatakan bahawa kita tidak mencapai matlamat, yang lebih tepat tidak tercapai sepenuhnya dan kerajaan akan memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk memastikan jurang pendapatan antara kaum dapat kita kurangkan.

Dalam bidang pendidikan kita dapati bahawa agenda untuk mengangkat martabat bumiputera telah mencapai beberapa kejayaan. Umpamanya kalau kita lihat dalam sektor profesional umpamanya bilangan doktor atau bilangan jurutera di kalangan bumiputera telah bertambah dengan ketara berbanding dengan tahun 1970, dan dengan ini menunjukkan bahawa dalam bidang pendidikan kita telah banyak mencapai kejayaan. Dalam bidang ekonomi juga mencapai kejayaan daripada kira-kira 2% milik saham bumiputera dalam tahun 1970 dan dalam tahun 2002, angka terkini yang ada pada kerajaan hari ini pada tahap 18.7%. Matlamatnya itu 30%, mungkin tidak tepat kalau kita katakan bahawa kita boleh mencapai sasaran yang lebih tepat dan tidak tercapai sepenuhnya. Kerajaan berazam untuk memastikan segala matlamat yang telah ditetapkan itu tercapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah punca sebenar Pusat Makanan Halal di Pedas, Negeri Sembilan masih belum beroperasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pusat pemprosesan makanan halal di Pedas, Negeri Sembilan dibangunkan secara usaha sama di antara Kerajaan Negeri Sembilan dan syarikat swasta. Sehingga kini beberapa syarikat bersetuju untuk melabur di kawasan ini. Pembangunan kawasan ini adalah berasaskan konsep pemprosesan secara berpusat di mana aktiviti penyembelihan ternakan seperti ayam, lembu, kambing dan sebagainya hanya dibenarkan di pusat berkenaan.

Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pemantauan halal oleh pihak JAKIM dan pengurusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran akibat sisa buangan penyembelihan. Kebanyakan pelabur-pelabur ini dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2006. Pelaksanaan projek mengambil sedikit masa kerana pengusaha perlu membuat kajian yang menyeluruh dan mendapatkan pembiayaan daripada sumber kewangan swasta. Ini telah menyebabkan kelewatan syarikat-syarikat beroperasi di pusat pemprosesan berkenaan.

Walau bagaimanapun, dengan pembangunan projek ladang *Beef Valley* di Gemas, Negeri Sembilan, operasi di pusat pemprosesan makanan halal di Pedas akan dapat dipercepatkan kerana ia saling berkaitan terutamanya dari segi aktiviti sampingan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada kelainan di antara sebab dan helah. *That is a difference between reason and excuse.* Kalau Yang Berhormat setakat ini tetap memberi sebab atau *reason*, kalau Yang Berhormat teruskan nanti jadi helah atau *excuse*.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, *sentence* itu tinggal dua atau tiga patah perkataan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dari segi aktiviti sampingan yang menyumbang kepada pengeluaran makanan halal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hassan Shukri selepas itu Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad.

Tuan Hassan bin Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya apakah jenis-jenis makanan yang dijangka akan dikeluarkan oleh pusat ini apabila pusat ini beroperasi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya katakan tadi, penglibatan kementerian ini hanyalah atas kaitan dengan '*Beef Valley*' atau 'Lembah Daging'. Bermakna ia berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Yang kita pantau di sini di bawah kementerian adalah ternakan ayam, kambing, lembu dan bebiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya ingin bertanya berapakah purata sumbangan yang telah diberikan oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam pemprosesan makanan halal dan meningkatkan pendapatan eksport negara?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini agak terkeluar dari soalan asal. Silakan Yang Berhormat, hendak *respond*?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh murid-murid di sekolah rendah dan menengah dalam usaha kementerian memperkenalkan program PPSMI (Pengajian dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) sejak tahun 2004-2005.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, pelajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah mula dilaksanakan pada tahun 2003. Semenjak dilaksanakan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan pemantauan secara berterusan untuk memastikan keberkesannya termasuk pencapaian murid. Pencapaian murid dalam PPSMI hingga hari ini boleh diukur dari beberapa aspek.

Antaranya ialah tahap kefahaman mereka tentang kandungan pelajaran, keupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris serta persepsi mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran terdapat beberapa pencapaian yang positif tetapi juga wujud beberapa kelemahan.

Dapatan dari pemantauan menunjukkan bahawa murid-murid dapat mengikuti pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Sebahagian besar murid juga semakin berminat dengan kaedah pengajaran dalam bahasa Inggeris dan penggunaan ICT. Murid-murid juga semakin yakin menggunakan bahasa Inggeris dalam berinteraksi di bilik darjah.

Bagaimana pun masih terdapat sebahagian murid yang menghadapi kesulitan, walaupun mereka memahami kandungan pelajaran, tetapi mereka sukar untuk berinteraksi serta terlibat dalam perbincangan yang menggunakan bahasa Inggeris. Pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris menunjukkan prestasi yang meyakinkan.

Pada peringkat awal pelaksanaan, pencapaian mereka didapati lebih rendah jika dibandingkan *cohort* pelajar sebelum PPSMI. Pencapaian mereka juga semakin merosot apabila menaiki Tahun 2, Tahun 3 atau Tingkatan 2. Walau bagaimanapun prestasi murid di Tingkatan 3 semakin bertambah baik setelah beberapa usaha dibuat. Ini memberi gambaran bahawa sekiranya lebih banyak inisiatif dibuat, prestasi pelajar akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Datuk Hajah Dayang Mahani. Selepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng dan selepas itu Puan Hajah Samsiah.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih atas jawapan tersebut. Memandangkan penguasaan bahasa Inggeris begitu penting dan ianya di antara sebab kelemahan siswazah tidak mendapat pekerjaan, juga dikenal pasti bahawa kekurangan guru terlatih dan bertauliah dalam bidang ini amat ketara. Sejauh manakah kejayaan kerajaan mengatasi masalah ini supaya masa depan murid-murid lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Sejauh mana perlu dijawab dalam konteks pelaksanaan dasar ini hanya setahun jagung.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tambahan. Saya memang setuju bahawa bahasa Inggeris adalah satu bahasa yang cukup penting dalam masa kini di mana keadaan bahasa Inggeris telah menjadikan satu bahasa yang lebih sangat penting.

Memang Kementerian Pelajaran telah mengambil banyak langkah untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Inggeris antara diajar di Kementerian Pelajaran kita. Jadi, beberapa usaha telah dilaksanakan dan akan diteruskan pada masa-masa akan datang untuk memastikan penguasaan bahasa Inggeris akan dapat ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah yang telah dicadangkan yang akan dilaksanakan untuk memperkukuhkan lagi program ini. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang banyak usaha telah kita laksanakan dan kita akan terus memantau tentang prestasi atau pelaksanaan PBSMI. Sebenarnya tujuan pelaksanaan PBSMI ialah untuk menjamin bahawa para pelajar kita lebih pandai, lebih tepat untuk menguasai ilmu dalam matematik dan sains. Dalam hal ini memang banyak kaedah yang telah kita lakukan.

Kementerian telah memberikan ICT untuk membantu pengajaran dan pembelajaran dan juga banyak *software* pun telah disediakan. Dari segi guru, Kementerian Pelajaran juga memberikan banyak perhatian bahawa kita dapat melahirkan lebih banyak guru yang bertauliah yang berkemampuan untuk mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Samsiah.

Puan Hajah Samsiah bin Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Bekas guru besar.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Soalan tambahan saya ialah apakah halangan-halangan ataupun cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kementerian sepanjang program PBSMI ini dilaksanakan sama ada dari dalam ataupun dari luar. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan berbanyak terima kasih kepada Senator Yang Berhormat. Memang kalau kita lihat dari segi halangan daripada untuk melaksanakan PBSMI, kalau kita lihat dari sudut pendidikan sahaja memang kita tidak banyak masalah sebenarnya, guru sebenarnya ada antara mereka juga telah mempunyai keyakinan yang cukup tinggi untuk mengajar dua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris dan juga murid seperti yang saya jawabkan tadi, kebanyakan murid telah menunjukkan minat untuk diajar dua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris, hanya ada sikit kalau kita lihat dari sudut politik, dari sudut yang tidak berasaskan kepada pendidikan, maka ia akan timbul masalah.

Saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat, kita lihat dari sudut pendidikan kebaikan murid kita, anak-anak kita supaya mereka dapat pendidikan yang lebih baik, yang lebih sesuai untuk menghadapi cabaran dalam dunia yang tanpa sempadan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Orang muda tidak susah belajar, orang tua saja ingat mereka susah belajar.

Dato' Hon Choon Kim: Saya amat setuju.

7. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai tuntutan berkaitan 44 jenis elaun yang dikemukakan kepada agensi pusat khususnya Perbendaharaan dalam memberi galakan kepada generasi muda menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator; dan terima kasih di atas soalan ini. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pertahanan dan kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan anggota tentera Malaysia sama ada dari segi gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan lain. Oleh sebab itu kementerian khasnya angkatan tentera telah mengubahsuai perkara-perkara yang dikehendaki selaras dengan kehendak rasional dalam pandangan dan tugas angkatan tentera.

Saya telah maklumkan dalam Dewan ini pada sidang yang dulu bahawa kita mula mengambil kakitangan angkatan tentera dengan serendah kelulusan SPM. Dalam masa yang sama kita memberi peluang kepada rakyat yang lain, yang ingin menyertai angkatan tentera walau pun dengan kelulusan akademik universiti. Selain daripada itu kita telah meluluskan skim gaji yang telah diberi oleh kerajaan pada bulan Jun tahun ini dan begitu juga elaun-elaun siang diperlukan.

Elaun perkhidmatan mengikut gred bermula daripada seorang askar biasa sampai kepada pangkat Jeneral. Ini ditambah dengan gaji termasuk elaun kalau sekiranya anggota tentera itu telah diberi tugas berkhidmat di luar negara sama ada di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu dan ditambah dengan elaun Bangsa-bangsa Bersatu sebanyak RM135 ataupun USD 80 dan ditambah dengan elaun *hardship* oleh kerajaan kita. Elaun-elaun ini juga ada kepada anggota-anggota yang mempunyai kepakaran dan kelulusan dalam profesional masing-masing - *in the trade allowance*. Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa seorang pemohon yang telah diterima menjadi anggota tentera dan telah lulus dalam kursus, bermula dengan gaji RM800.00 SPM dan ditambah dengan elaun bulanan RM80.00. Lain-lain elaun seperti yang terdapat pada anggota-anggota lain.

Pada dasarnya kerajaan telah memberi kelulusan 14 permohonan elaun dan 8 permohonan lagi sedang dipertimbangkan dan dukacitalah lima permohonan tidak dapat dipertimbangkan. Saya percaya daripada apa yang telah saya sebutkan dan pertimbangan yang

telah diberi oleh kerajaan kita mendapat sambutan yang baik daripada rakyat. Semalam saya telah maklumkan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau terdapatnya sebahagian daripada rakyat Malaysia yang tidak berminat untuk menyertai angkatan tentera, tetapi pada asasnya pada amnya, sambutannya adalah menggalakkan, sama ada daripada segi semangat patriotismenya ataupun daripada segi kemudahan dan pendapatan yang diberi dalam masa bekerja sebagai seorang angkatan tentera.

Pada tahun ini sahaja sebanyak 211,000 orang telah menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Saya ingin juga maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bukan sahaja mengambil anggota tentera dari kalangan lelaki-lelaki tapi kita juga mengambil daripada kalangan wanita. Ramai anggota wanita yang telah menyertaitiga peringkat....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak membenarkan satu soalan tambahan, pertanyaan tambahan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebelum tambah saya ingin menjelaskan bahawa agak mengembirakan pada hari ini ada terdapat empat orang wanita menjadi pemandu jet pejuang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Tuan Osman bin Bungsu: Soalan tambahan saya, berdasarkan perkhidmatan askar **Senoi Prag** batalion terdiri daripada masyarakat Orang Asli yang telah menabur bakti khidmat begitu cemerlang....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu:sebelum dan selepas kemerdekaan. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah tuntutan gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan yang dirancangkan yang telah dibuat itu termasuk dalam kumpulan ini dan adakah kementerian bercadang untuk membesarkan pasukan **Senoi Prag** ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sama ada ianya daripada kalangan **Senoi Prag** ataupun kalangan orang Melayu, ataupun orang India dan Cina, Iban, Kadazandusun dan Murut adalah tentera Malaysia dan apabila gaji dibayar, ia tidak mengikut keturunan kaum tapi saya telah menjelaskan status dan kemudahan serta peluang yang diberi berdasarkan kepada kemampuan dan syarat yang telah diperuntukkan.

Kita bercadang untuk memberi kemudahan-kemudahan seperti yang telah saya jelaskan. Tapi saya yakin bahawa untuk ketika ini kita tidak bercadang untuk membesarkan daripada kalangan kaum ataupun keturunan **Senoi Prag**. Angkatan tentera kita, kita tidak perbesarkan tetapi kita berpandaidan dan kita meningkatkan kemudahan-kemudahan daripada segi penggunaan senjata moden dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, tadi saya menidakkan peluang beliau. Silakan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Realitinya pada hari ini remaja bukan bumiputera, tidak begitu berminat dalam angkatan tentera kerana mungkin saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin risikonya besar takut soal nyawa.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Dan yang kedua, penglibatan bumiputera ramai dalam angkatan tentera disebabkan oleh pihak swasta mengenakan syarat-syarat yang ketat yang menyebabkan bumiputera terjurus kepada angkatan tentera. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, ada satu ungkapan di situ masalah mati terjurus maut. Sama ada bumiputera atau bukan bumiputera ini menjadi faktor umpamanya tidak menyertai dalam angkatan tentera. Kita telah menyebut tadi bahawa pada tahun ini 211, 305 orang yang menyertai angkatan tentera. Kalau ini menjadi faktor ia menolak sangkaan itu dan perkara lain yang terdapat budaya dalam negara kita ini, polis terpaksa bertindak tegas kerana perlumbaan maut berlaku secara sukarela iaitu *race motor*. Ini tidak dapat gaji dan sebagainya tapi mereka mendapat imbuhan-imbuhan tertentu tapi mereka sanggup menyertai dalam perlumbaan motor haram dan sebagainya.

Saya ingin menekankan bahawa sambutan yang telah kita dapati daripada masyarakat umum, agak berkurangan daripada masyarakat bukan bumiputera tapi daripada kalangan bumiputera adalah amat menggalakkan dan kita yakin inspirasi dan semangat ini akan berterusan. Dicantum dengan semangat patriotisme dan keturunan anak watan dalam negara ini, mereka akan terus untuk menjadi anggota tentera bagi mempertahankan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah cuba mencungkilkan apakah psikologi di sebalik banyak bumiputera mahu menyertai angkatan tentera. Jadi tidak apalah. Saya beralih kepada Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu:

8. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program yang telah dirancang dan disediakan di bawah RMK ke-9 untuk mempertingkatkan lagi prestasi atlet di Sarawak terutama sekali para belia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato Sri Empiang Jabu. Kementerian melihat untuk mempertingkatkan mutu sukan di negara ini termasuk juga di Sarawak perlu ada tapak asas yang luas di peringkat akar umbi. Sebelum tapak asas yang luas dapat dicapai kita perlu membudayakan sukan dan rekreasi kepada seluruh masyarakat di negara ini. Bila bilangan masyarakat kita yang bergiat dalam sukan barulah, kita dapat memilih bakat yang terbaik

daripada kalangan yang ramai. Kementerian sekarang ini sedang giat berusaha menarik masyarakat untuk berkecimpung dalam sukan dengan memberi kesedaran tentang kepentingan kecerdasan, bagi melahirkan rakyat yang sihat serta produktif seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Lihat kepada konteks pertanyaan asal dan tuan tanya saya rasa penekanan yang dikehendaki ialah mengenai Sarawak.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, ini memang berkenaan dengan Sarawak dan seluruh negara. Kita memang ada dasar yang sama dan termasuk untuk Sarawak dan negeri-negeri lain di Semenanjung. So, jawapan yang diberi kepada Sarawak ini memang sama dengan dasar untuk negeri-negeri lain.

Bagi membolehkan rakyat dapat melibatkan diri dalam aktiviti sukan, perlu ada kemudahan sukan yang baik dan mencukupi serta mudah digunakan pada bila-bila masa. Menyedari masalah ini, kementerian melalui Rancangan Malaysia Kesembilan telah mencadangkan pembinaan pusat sukan komuniti di seluruh negara bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri yang berjumlah sebanyak 513 DUN dan tidak ketinggalan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha juga dijalankan oleh kementerian mencari atlet berbakat dilaksanakan melalui program seperti program mengenal pasti bakat, program mencari bakat dan program latihan atlet. Program-program mengenal pasti bakat adalah untuk mencungkil bakat muda seawal umur 10 yang dilakukan di peringkat daerah dan negeri kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah ini diambil untuk mewujudkan atlet-atlet yang berpotensi bukan sahaja di negara ini tetapi di arena antarabangsa. Terima kasih.

9. **Dato' Hajah Saripah Aminah** binti Haji Syed Mohamed minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah cadangan kerajaan untuk menaikkan kadar takrif elektrik pada tahun depan akan membebaskan rakyat.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan amat prihatin dengan beban kewangan rakyat akibat peningkatan harga barangan dan peningkatan kos perkhidmatan secara amnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih mengkaji dengan teliti permohonan pihak Tenaga Nasional Berhad untuk menaikkan kadar tarif elektrik di Semenanjung Malaysia. Kajian ini akan mengambil kira semua faktor yang terlibat dan kerajaan akan memastikan sebarang peningkatan dalam kadar tarif tidak akan membebaskan rakyat f terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kos elektrik itu begitu tinggi oleh kerana bayaran yang dibuat kepada ITP atau Penjana kuasa

swasta itu yang pada masa sekarang telah menjualkannya kepada harga yang nampaknya agak tinggi. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada pembayaran kepada IPP, itu hanyalah merupakan satu faktor. Tetapi faktor-faktor lain terutamanya kenaikan harga bahan mentah seperti harga gas yang pada hari dibekalkan oleh Petronas kepada tenaga sumber utamanya iaitu lebih kurang dengan harga RM6.40 bagi satu unit mm BTU padahal pada harga pasarnya adalah RM30 bagi mm BTU.

Selain daripada itu, harga-harga bahan mentah lain seperti harga besi, aluminium, kulpur yang telah meningkat sebanyak 45% hingga ke 100% pada hari ini dan juga selain daripada itu kita lihat kali terakhir Tenaga nasional Berhad menaikkan kadar mereka adalah pada tahun 1997 yang mana kalau kita lihat dari segi CPI (Consumer Price Index) kompaunnya telah meningkat sebanyak 17.6% walhal Tenaga Nasional Berhad belum lagi meningkatkan sebarang tarif elektrik. Atas sebab-sebab ini Tenaga Nasional Berhad mengemukakan permohonan untuk meningkatkan tarif elektrik.

Walau bagaimanapun bagi pihak kementerian melalui Suruhanjaya dan Komunikasi sedang memperhalusi dengan teliti akan kesan jika peningkatan tarif ini dan bagaimana untuk mengimbangkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Suruhanjaya Tenaga bukan Suruhanjaya Komunikasi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Suruhanjaya Tenaga sedang memperhalusi kadar yang dibuat permohonan oleh Tenaga Nasional Berhad untuk dikemukakan oleh pihak Menteri setelah tamat diperhalusi kelak. Terima kasih.

10. Puan Safinah binti Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah bilangan kemalangan dalam negara sejak tahun 2003 mengikut pecahan umur mangsa yang terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan Polis Diraja Malaysia, bilangan kemalangan jalan raya dalam negara pada tahun 2003 berjumlah 298,653 kes sementara itu jumlah kemalangan keseluruhan pada tahun 2004 pula sebanyak 326,014 kes. Bilangan kemalangan pada tahun 2003 mengikut pecahan umur adalah seperti berikut:

| UMUR | KEMALANGAN MAUT | KECEDERAAN PARAH |
|-------------------|-----------------|------------------|
| SEHINGGA 10 TAHUN | 34 | ,114 |
| 11-20 TAHUN | 1,336 | 2,522 |
| 21-30 TAHUN | 2,290 | 3,104 |

| | | |
|------------------|-------|-------|
| 31-40 TAHUN | 1,697 | 2,360 |
| 41-50 TAHUN | 1,309 | 1,831 |
| 51-60 TAHUN | 659 | 972 |
| 61-70 TAHUN | 329 | 452 |
| 71 TAHUN KE ATAS | 172 | 152 |

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

Tuan Yang di-Pertua: Kemalangan yang paling tinggi di antara lingkungan umur 20-30?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: 21 hingga 30 Tuan Yang di-Pertua, iaitu...

Tuan Yang di-Pertua: Pemandu yang paling merbahaya ialah pemandu yang berumur di antara 20 hingga 40.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, dia kalau mengikutkan kepada perangkaan bagi 2004, inilah golongan yang mana kita nampak begitu tinggi dari segi maut dan juga kecederaan yang parah. Tidak perlulah saya sebut 2004, kalau Yang Berhormat perlu pada angkanya, saya akan bagi selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Puan Safinah binti Jusoh.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Mulia Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah kebelakangan ini kita dikejutkan dengan kemalangan disebabkan oleh *road bully*. Kita mahu tanya iaitu dalam golongan manakah yang terlibat dengan kejadian ini dan apakah langkah-langkah yang telah diatur oleh pihak kementerian, dalam proses memberi lesen akan datang ini, kepada pemandu-pemandu yang memohon lesen untuk memandu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Road rage*.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, terima kasih itu adalah satu soalan yang begitu baik Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, memang pihak kementerian menerusi pihak perkhidmatan JPJ dan juga dengan kerjasama daripada pihak polis, telah mengambil berat tentang *road bully* ini. Apa yang saya sebut tadi dari segi perangkaan itu, inilah di antaranya golongan antara umur yang mana apabila mereka menaiki atau menunggang motosikal ataupun membawa kenderaan, mereka masuk ke dalam kenderaan, mereka boleh dikatakan menimbulkan satu perasaan yang begitu agresif dan mereka membawa laju dan mereka juga begitu ego dalam mereka memandu kenderaan ini. Ini adalah suatu sikap yang kita mengkaji secara mendalam pada hari ini, apakah menyebabkan perkara-perkara ini berlaku termasuklah *road bully* ini.

Kerajaan juga pada hari ini meningkatkan kempen-kempen di jalan raya sebab kerajaan telah mengujudkan suatu jabatan khusus iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang telah menyediakan beberapa kempen untuk memberi kesedaran kepada anak-anak muda ini sama

juga kita sekarang mengkaji apakah cara-cara untuk kita memberi fahaman yang sebenarnya pada anak-anak muda ini. Penunggang motosikal, kita telah menaikkan umur daripada 16 tahun kepada 17 tahun. Mereka boleh mendapatkan satu lesen.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pengangkutan. Insya-Allah, segala tindakan-tindakan ini ataupun apa yang telah kita rancang agar mendapat satu kesan yang begitu baik di masa-masa depan.

11. Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menganggarkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.5% tetapi pakar-pakar ekonomi luar negeri hanya menganggarkan sebanyak 2.5% sahaja. Kenapa terlalu jauh bezanya, apakah kerajaan telah optimistik. Jika pertumbuhan 2.5% dan kadar inflasi 3.7% bermakna kita akan menghadapi pertumbuhan yang negatif.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai anggaran kadar pertumbuhan 5.5% KDNK seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2006, Insya-Allah unjuran pertumbuhan KDNK benar bagi tahun 2006 akan dapat dicapai berdasarkan kepada prestasi ekonomi semasa negara yang semakin memberangsangkan.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencapaian KDNK bagi tempoh Januari hingga September 2005, terus kekal, kukuh sebanyak 5.3% dan prestasi ini telah melebihi anggaran 5% bagi keseluruhan tahun 2005. Kerajaan yakin momentum pertumbuhan ekonomi negara yang semakin cergas ini akan berterusan bagi suku keempat tahun ini dan seterusnya pada keseluruhan tahun 2006..

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kenaikan 5.5% ini adakah sudah mengambil kira inflasi di dalam negara dan bolehkah Yang Berhormat memberikan sedikit gambaran bagaimanakah keadaan ekonomi kita pada tahun hadapan dengan adanya kenaikan harga minyak, kenaikan takrif *electricity* dan kenaikan BLR oleh Bank Negara itu sendiri, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut keadaan sebenarnya, apabila di buat *projection* untuk KDNK, ini telah termasuk dia ambil kira inflasi sekali gus, sebenarnya kalau inflasi naik sedikit, lepas itu turun sedikit, dia telah pun diambil kira, jadi, mana perangkaan yang diberi sama ada 5.3% 5.5% adalah perangkaan yang tepat sebenarnya yang sudah kira, tidak payah tolak lagi inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut unjuran hari ini untuk suku ketiga, kalau ikut unjuran yang telah dibuat oleh para penganalisis ekonomi yang ada di negara kita, dan sekarang ini, saya sebut contoh *Maybank Securities* contohnya *projection* mereka pada suku ketiga tahun ini ialah 4.5%, CIMB Securities 4.7%, RHB Research Institut 4.9%, dan banyak lagilah 15 penganalisis

ekonomi dalam negara kita dan akhirnya apa yang kita lihat sebenarnya ialah 5.3%, maknanya unjuran dia itu agak meleset sedikit.

Kemudian pada tahun hadapan sebagai unjuran lagi, penganalisis ekonomi untuk tahun hadapan MIER unjurannya ialah 5.5%. AM-Securities 6%, Malaysian Development Bank, 5.3%, unjuran kerajaan ialah 5.55%, makna lebih kurang sama. Saya yakin KDNK kita akan dalam sekitar itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih atas penerangan tadi. Dalam laporan ekonomi 2005 dan 2006, di mana pelaburan swasta menjadi satu komponen yang *significant* dalam KDNK. Pelaburan swasta 2004 perubahannya 25.8% tahun ini dijangka 7.6% sahaja. Satu penurunan yang agak besar.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan dia?

Tuan Lee Sing Chooi: Macam mana kerajaan hendak capai agar 13% kenaikan pelaburan swasta, dari tahun ini hanya 7.6% sahaja, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara bergantung kepada beberapa faktor dan pelbagai perkara dan ini termasuklah kerajaan perbelanjaan swasta dan juga FDI yang masuk. Kalau kita lihat, angka FDI kita amat yakin pertumbuhan ekonomi kita akan terus meningkat. Kalau kita lihat pada Januari hingga September 2004, FDI kita ialah 5.6 bilion. Tetapi, pada jangka masa yang sama, Januari hingga September 2005, hendak meningkat kepada 10.3 bilion, maknanya meningkat yang cukup yang amat mendadak, lebih daripada, hampir dua kali ganda. Jangkaan ini akan berterusan hingga ke hujung tahun dan seterusnya pada tahun 2006. Maka ekonomi kita akan bertumbuh pesat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

[Soalan No.12 - Puan Mariah binti Haji Abdullah tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Sayang, seribu kali sayang, kerana pertanyaan ini menyentuh satu perkara yang tentu banyak pihak yang hendak mendengar jawapannya.

13. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan langkah-langkah tegas yang diambil oleh kementerian untuk memastikan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera tetap mantap kualitinya dan terima kasih gagal melaksanakan projek-projek penting.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menggariskan strategi bagi membangun usahawan binaan yang berkualiti dan berwibawa serta mencapai tahap yang boleh bersaing di pasaran terbuka.

Sehubungan dengan itu, langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) program pembangunan kontraktor binaan bagi meningkat pengetahuan, keupayaan dan kemahiran kontraktor diberi kursus latihan teknikal yang dianjurkan oleh PKK. Di samping itu penekanan juga diberi dalam meningkatkan motivasi dan tahap pengurusan bagi membantu kontraktor dalam menguruskan syarikat dengan lebih cekap. PKK juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan kontraktor dalam menganjurkan kursus dan latihan teknikal dan kemahiran;
- (ii) kita menyemak semula syarat-syarat pendaftaran kontraktor, iaitu dengan meningkatkan keperluan modal dan juga keperluan pegawai teknikal bagi setiap kelas pendaftaran. Syarat-syarat ini akan dilaksanakan sedikit masa lagi bagi kontraktor Kelas 'F'. Kerajaan juga telah bersetuju sebagai syarat modal dinaikkan dari 5001 kepada 10,000 dan penguatkuasaannya adalah mulai Januari 2006. Di samping itu kerajaan juga telah bersetuju untuk PKK mengambil langkah-langkah khusus untuk kontraktor Kelas 'F' iaitu mengurangkan bilangan kontraktor, mengehendkan nilai kontrak itu secara undi, mempertingkatkan kemahiran kontraktor dan meningkatkan pemantauan oleh agensi pemberi projek;
- (iii) kita mengadakan sistem maklumat *online* di PKK bagi membolehkan Kementerian sentiasa mengawasi prestasi kontraktor dan adanya sistem ini, semua agensi pelaksanaan boleh mengakses kepada *profile* kontraktor dan boleh juga mengemaskinikan laporan prestasi mengenai projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor yang berdaftar melalui laman web PKK, *profile* kontraktor ini boleh diguna oleh agensi-agensi pelaksanaan untuk membuat perancangan dan pemilihan kontraktor dalam perolehan kerajaan;
- (iv) tindakan tatatertib terhadap kontraktor-kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan mengikut ketetapan kontrak.

Tindakan ini termasuklah mengenakan amaran, penahanan daripada memasuki tender, pembatalan taraf bumiputera, pembatalan pendaftaran dan menyenaraihitamkan mereka dalam sistem pendaftaran PKK, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Abdul Rashid saya benarkan satu sahaja.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan terlalu banyak sudah 'gembar' dengan kontraktor-kontraktor sampai telinga saya pun bunyi kontraktor sahaja.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Pertanyaan tambahan. Di antara langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi satu langkah yang tidak popular iaitu mengurangkan bilangan kontraktor kelas F. Bagaimanakah caranya supaya bilangan kontraktor kelas A yang ada tidak dikurangkan, tetapi prestasi mereka terus dapat dipertingkatkan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Satu cadangan yang baik dan memang itulah dalam perhatian kerajaan supaya kontraktor-kontraktor kelas A diberi penambahbaikan dalam semua aspek pengurusan, kewangan, pejabat dan kursus-kursus yang lebih intensif supaya mereka inilah yang dapat memayung kontraktor-kontraktor kelas F daripada lambakan kelas F yang berlebihan, yang hanya menyalah guna, menyalah kuasa dan kadang-kadang tidak pun mempunyai modal dan pejabat yang baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masyarakat Malaysia terdiri daripada cikgu, doktor, askar, ustazah, ahli seni jadi tidak bolehlah kita beri sepenuh masa kepada yang cari makan melalui dapat kontrak. Kita perlu bagi perhatian kepada seluruh rakyat itulah anggapan dan pandangan saya.

14. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh manakah kejayaan kementerian dalam melaksanakan satu industri satu kampung dan berapakah nilai komersialnya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program satu daerah satu industri telah mengalami beberapa perubahan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1997, dengan nama awalnya Program Satu Kampung Satu Produk kemudian ianya diubah kepada Program Satu Kampung Satu Industri dan kemudiannya diperluaskan kepada satu daerah satu industri.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menetapkan lima produk berikut sebagai projek perintis SDSI, iaitu labu sayung dan keluaran tembikar oleh pengusaha-pengusaha di Kuala Kangsar, produk kraf berasaskan perkumpulan wanita pekebun kecil RISDA di seluruh negara, ukiran kayu masyarakat Orang Asli oleh suku Mah Meri di Pulau Carey, kraf tangan dan anyaman kulit kayu talon kaum Murut di Lawas, Sarawak dan makanan diproses seperti minuman berkhasiat dan kuih tradisional oleh usahawan-usahawan sedia ada di kawasan tajaan kementerian dan agensinya. Walaupun program ini telah lama dilaksanakan namun kejayaannya masih tidak sepenuhnya.

Sehubungan itu pada tahun 2004 kerajaan telah memutuskan supaya diwujudkan satu rangka kerja baru penyelarasan pelaksanaan program SDSI yang akan diselaraskan oleh Unit

Penyelarasan dan Pelaksanaan ICU, Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji semula konsep serta mekanisme pelaksanaan program ini. Kementerian-kementerian yang terlibat dalam program SDSI termasuklah Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pada masa yang sama semua kerajaan negeri juga diminta membuat penentuan produk atau perkhidmatan yang akan dibangunkan di bawah program ini untuk dikemukakan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan. Melalui penyelarasan yang dibuat oleh ICU kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan serta penglibatan kerajaan negeri, pelaksanaan program SDSI yang lebih tersusun dan berkesan akan dapat dilihat bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Siti Zailah satu sahaja ringkas.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak habiskan soalan 16 sehingga ke soalan 16 kerana Timbalan Menteri tidak sempat jawab soalan 12 tadi.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya. Dari segi pasaran produk kita dapati bagaimana di antara masalah utama industri kecil ini hasil-hasil tempatan ini ialah masalah dari segi pasaran. Jadi apakah usaha kerajaan supaya industri kampung ini mendapat tempat di pasaran dalam dan luar negara, dan adakah keutamaan diberi supaya produk ini mendapat tempat terutama di pasar raya-pasar raya utama? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sememangnya merupakan satu daripada cabaran yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil termasuklah yang berada dalam program SDSI ini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar umpamanya menyedari masalah tersebut telah melantik FELCRA Berhad sebagai agen pemasaran dan juga sebagai mengkaji dan membangunkan produk-produk di bawah program ini. Umpamanya FELCRA Berhad telah menyewa satu ruang niaga di KLCC bagi memasarkan produk-produk tersebut dan didapati bahawa pasarannya telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan, walaupun ini merupakan satu sahaja aspek pemasaran yang dilakukan oleh kementerian. Umpamanya barang-barang yang dijual di sana telah mendapat sambutan dari pelancong-pelancong. Ada barang-barang yang dijual sehingga mencapai harga RM3,500 seperti ukiran kayu masyarakat Orang Asli, begitu juga dengan batik, sutera songket yang harganya sampai RM1,500. Pada masa yang sama kerajaan berusaha untuk meningkatkan kualiti mutu barang-barang tersebut. Dan kita berbangga kerana 11 barangan ini telah mendapat pengiktirafan *sale of excellent* dari UNESCO dalam tahun 2004 yang diadakan di Bangkok dan ini semuanya akan menjurus kepada usaha meningkatkan kualiti dan pemasaran barang-barang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

15. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan positif yang dicapai setelah kerajaan menghapuskan dasar tambahan ringgit. Berdasarkan pengalaman tersebut, apakah dasar berkenaan akan diguna pakai masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama dasar kadar pertukaran negara kekal tertumpu ke arah menggalakkan kadar pertukaran mata wang asing yang stabil. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka kadar pertukaran mata wang ringgit yang stabil adalah penting untuk menyokong kegiatan dan pertumbuhan ekonomi. Justeru, kadar pertukaran ringgit di bawah apungan terurus sejak 21 Julai 2005 bertujuan untuk memudahkan perdagangan, pelaburan dan aliran modal. Sementara pada jangka masa sederhana dan panjang kadar pertukaran yang lebih fleksibel di bawah apungan terurus dijangka memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

Pilihan rejim kadar pertukaran mata wang pada satu-satu masa adalah bergantung kepada keadaan yang dihadapi pada masa itu. Dasar pertambahan ringgit telah diperkenalkan setelah mengambil kira kadar yang dihadapi pada waktu itu khususnya krisis kewangan Asia. Sementara keputusan untuk mengapung dan mengurus mata wang ringgit berbanding sekumpulan wang wajaran perdagangan adalah perlu bagi memastikan supaya negara berada pada kedudukan terbaik untuk memberikan kesan respons serta mendapat faedah daripada perubahan struktur yang berlaku dalam persekitaran serantau dan antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

16. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan pendirian dan alasan kementerian terhadap cadangan menambah bilangan ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan di kawasan yang maju dan mempunyai bidang tugas yang banyak serta liputan kawasan yang luas dibandingkan dengan pihak berkuasa tempatan di kawasan yang belum membangun.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi

Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri peluang masa saya jawab dalam ini. Tuan Yang di-Pertua pelantikan ahli majlis bagi sesebuah PBT adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebab sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Bilangan ahli majlis bagi sebuah PBT ialah tidak kurang daripada 8 orang dan tidak lebih daripada 24 orang. Seksyen 10 Akta 171 menetapkan syarat-syarat dan kelayakan yang perlu dipenuhi bagi pelantikan ahli majlis. Antara syarat utama adalah pemastautin tetap di kawasan PBT, mempunyai pengetahuan luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan serta telah mencapai kejayaan membangunkan dalam sesuatu profesion.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian sedang dalam pertimbangan untuk melaksanakan cadangan menambah bilangan ahli majlis

dalam sesebuah PBT, dengan menilai dan mengkaji setiap aspek serta implikasi perundangan kewangan dan perjawatan yang mungkin timbul sebagai akibat pelaksanaan cadangan ini.

Walau bagaimanapun, bilangan ahli majlis yang terhad bukan menghalang kepada PBT untuk memberikan perkhidmatan yang baik. Ini ialah kerana, bagi menghadapi beban tugas yang semakin bertambah, sesebuah PBT boleh meningkatkan kemampuannya melalui pengguna ICT, penambahan jawatan ataupun pengwujudkan bahagian baru dalam struktur organisasinya berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing. Kementerian juga pada masa yang sama akan sentiasa memberi bantuan khidmat nasihat dan peruntukan kewangan bagi projek-projek pembangunan agar PBT mampu memberi perkhidmatan yang baik pada setiap masa. Ahli majlis yang sedia ada juga perlu memainkan peranannya secara profesional dan bertanggungjawab. Sekian.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa cukup minta maaf Yang Berhormat.

[Masa Untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[19 Disember 2005]***

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat yang diperturunkan kuasa-kuasa untuk menjawab bagi pihak Menteri Penerangan.

11.28 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan ungkapan saya itu, itu di bawah Perlembagaan negara.

Puan Noriah binti Kasnon: Betul Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jins Shamsuddin dan

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin amat prihatin apabila menyentuh beberapa perkara mengenai RTM khususnya mengenai pembelian filem tempatan untuk siaran RTM. Kerajaan sentiasa berusaha bagi membantu pengusaha filem tempatan dengan melaksanakan beberapa langkah melalui RTM sendiri. RTM telah menyediakan slot khas sepanjang tahun di TV1 dan TV2 bagi menyiarkan filem-filem tempatan semasa musim perayaan seperti sempena Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidil Adha, slot count down dan slot pentas Asia.

Tuan Yang di-Pertua antara filem-filem yang telah dan akan disiarkan adalah seperti berikut:-

| Filem | Tarikh Ditayangkan |
|-----------------------------------|--------------------|
| Mr. Cinderella | 12 Februari 2005 |
| Mr. Cinderella 2 | 12 Jun 2005 |
| Azura | 9 Oktober 2005 |
| Driving School | 23 Oktober 2005 |
| Jutawan Fakir | 6 November 2005 |
| MX3 | 13 November 2005 |
| Mami Jarum | 1 Januari 2006 |
| Perempuan | 29 Januari 2006 |
| Esok Masih Ada | 12 Februari 2006 |
| Tiada Esok Bagimu | 26 Februari 2006 |
| Laila Isabella | 2 November 2005 |
| Buli | 3 November 2005 |
| Tujuh Perhentian | 26 Disember 2005 |
| Puteri Gunung Ledang | 10 Januari 2006 |
| KL Menjerit (sempena Maal Hijrah) | 10 Januari 2006 |

Bagi tujuan penayangan filem-filem tempatan ke negara-negara ASEAN pula Kementerian Penerangan melalui COCI iaitu dengan izin, *Committee On Culture and Information* sememangnya sentiasa berbincang bagi mendapatkan tempat untuk membolehkan filem-filem tempatan ditayangkan di negara-negara anggota ASEAN, tetapi sehingga kini usaha tersebut memang masih belum menampakkan hasil kerana negara-negara anggota ASEAN masih belum memberikan *respond* yang positif, Yang Berhormat.

Setakat ini masih agak sukar untuk kita menggunakan platform COCI untuk menjual filem-filem kita. Mungkin kerana difikir tidak begitu menguntungkan negara-negara terbabit. Walau bagaimanapun, semasa lawatan-lawatan kerja, Yang Berhormat Menteri Penerangan telah memulakan inisiatif untuk berbincang dan berunding terus dengan negara-negara tersebut ke arah ini. Terdapat usaha mengadakan kerjasama penerbitan TV antara RTM dengan stesen luar, mengadakan *joint production* dengan izin untuk penerbitan konsert-konsert muzikal secara bersama seperti dengan Singapura, Indonesia dan Brunei.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Penerbitan drama Melayu telah pun diusahakan bersama dengan Indonesia dan Singapura iaitu "Kirimkan Kata Cinta" sebanyak 13 episod yang telah pun selesai ditayangkan. Di samping krew dan artis kedua-dua negara terlibat, penggambaran juga telah dibuat di lokasi kedua-dua buah negara. Sementara itu kerjasama juga sedang dijalankan dengan negara Brunei di mana penggambaran sebuah telemovie telah pun selesai iaitu Serpihan Kaca yang dijangka disiarkan di RTM pada 27 Januari 2006 ini. Persefahaman melalui *joint program* dengan stesen luar lebih jelas dilihat melalui kesepakatan menganjurkan konsert-konsert muzikal secara usaha sama iaitu melalui penerbitan televisyen seperti "Muzikal Extravaganza" dengan negara Singapura, "Senandung Muhibah" dengan negara Brunei dan "Ekspresi Gemilang" dengan Indonesia baru-baru ini dan kesemuanya akan diadakan sebanyak dua kali setahun.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy a/l Marimuthu berhubung ketidaksesuaian tarian klasik India di dalam sebuah rancangan Deepavali yang tidak melambangkan tarian klasik India yang sebenarnya. Adalah dimaklumkan bahawa program tersebut bukan disiarkan oleh televisyen RTM Yang Berhormat. TV RTM memang ada menerbitkan rancangan konsert sempena Deepavali baru-baru ini iaitu *Deepavali Special Endrom Iniyeve..* Saya harap betul sebutan saya. Tetapi rancangan itu hanya memuatkan persembahan lagu-lagu baru dan mengimbas lagu-lagu tahun 60-an dan 70-an dan tidak ada langsung segmen untuk tarian klasik India seperti yang dinyatakan dan mungkin ianya adalah siaran program televisyen swasta yang lain, yang bukan di bawah kawal selia Kementerian Penerangan.

Nampaknya itu sahaja yang telah sempat disentuh oleh dua orang Ahli Yang Berhormat Senator semasa membahaskan Bajet 2006 di Dewan yang mulia ini. Semua saranan, pandangan dan teguran amat dihargai dan akan diberi perhatian pada masa-masa hadapan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Sekarang dipersilakan Kementerian Sumber Manusia.

11.33 pagi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Senator Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah membangkitkan isu mengenai kemungkinan *Malaysia Airline System* (MAS) menjalankan tindakan pemberhentian pekerjaannya melalui *Voluntary Separation Scheme* (VSS). Bagi makluman Dewan yang mulia ini, undang-undang buruh dan perhubungan perusahaan negara, ini mengiktiraf hak milik majikan untuk menyusun semula organisasi bagi memastikan operasi syarikat terus berjalan lancar dan berdaya saing. Perkara seperti pemberhentian pekerja lazimnya berlaku apabila sesebuah syarikat itu mengalami kerugian, masalah kewangan dan aliran tunai yang tenat atau pun terdapat peralihan atau perubahan dalam operasi syarikat.

Secara tidak langsung, ini akan melibatkan urusan pengurangan atau pemberhentian pekerja, sebagai salah satu langkah untuk menjimatkan kos operasi dan memastikan syarikat terus berdaya saing. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan supaya pekerja MAS yang diwakili oleh kesatuan sekerja iaitu *Malaysia Airline System Employee Union* membincangkan perkara ini dengan pihak pengurusan MAS bagi mencari penyelesaian yang terbaik untuk faedah kedua-dua pihak. Sekiranya perbincangan di antara kedua-dua pihak mencapai jalan buntu, mana-mana pihak dalam pertikaian itu bolehlah melaporkan perkara ini kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk tindakan lanjut.

Apabila perkara ini dilaporkan kepada pihak Pengarah Perhubungan Perusahaan, beliau akan memanggil kedua-dua belah pihak untuk rundingan damai. Sekiranya tidak dapat diselesaikan, Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan akan melaporkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia untuk memutuskan sama ada pertikaian itu wajar dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan atau tidak mengikut peruntukan undang-undang yang digariskan di bawah seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ini tidak ada menerima sebarang cadangan daripada *Malaysia Airline System* (MAS) untuk melaksanakan VSS. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan seksyen 63, Akta Kerja 1955 semua majikan yang bercadang untuk melaksanakan pemberhentian pekerja secara sukarela iaitu VSS, pemberhentian sementara dan pengurangan gaji, perlu melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mana-mana tindakan diambil. Ini bagi memastikan kebajikan dan hak pekerja sentiasa terjaga. Di samping itu, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa memantau syarikat-syarikat yang mengalami masalah agar tidak mengambil tindakan yang boleh menjejaskan hak dan juga kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah membangkitkan isu mengenai Skim Latihan Graduan. Sukacita dimaklumkan bahawa Skim Latihan Graduan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran para graduan yang menganggur supaya dapat meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Bagi memastikan kursus yang ditawarkan sentiasa relevan, berkaitan dan memenuhi keperluan majikan, satu jawatankuasa kerja yang terdiri daripada wakil-wakil majikan, persatuan majikan dan penyedia latihan telah dibentuk bagi membangunkan kurikulum atau pun sukatan latihan yang ditawarkan di bawah skim ini. Maklum balas dan input daripada wakil majikan dan persatuan majikan adalah amat berguna, amat berfaedah untuk memastikan latihan-latihan yang ditawarkan sentiasa memenuhi keperluan semasa majikan.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia amat peka dengan keperluan semasa majikan dan sentiasa membuat penambahbaikan kepada kursus-kursus yang sedia ada agar selari dengan keperluan majikan. Di bawah Skim Latihan Graduan I umpamanya, hanya tiga kursus sahaja yang ditawarkan iaitu bahasa Inggeris, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan bahasa Mandarin. Ini berlaku pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, jumlah kursus telah ditambah kepada lapan kursus kepada Skim Latihan II iaitu berlaku pada tahun 2002 dan juga 2003 dan kini 2005, 13 kursus pada Skim Latihan Graduan III diperkenalkan. Bidang-bidang yang ditawarkan di bawah Skim Latihan Graduan III ini adalah seperti berikut:

- (i) Sijil bahasa Inggeris;
- (ii) Sijil Pembangunan Eksekutif;
- (iii) Sijil Pemasaran;
- (iv) Sijil Perakaunan Perniagaan;
- (v) Sijil *Microsoft Certified System Engineer*;
- (vi) Sijil *SISCO Certified Network And Professional*;
- (vii) Sijil *Linux System Administrator*;
- (viii) Sijil *Web Publishing* dan *Web Application Development*;
- (ix) Sijil Perancangan Kewangan dan Pengurusan Harta;
- (x) Sijil Pemandu Pelancong dan Pengurusan Acara;
- (xi) Sijil Keusahawanan;
- (xii) Sijil bahasa Mandarin. Ini baru diperkenalkan dan
- (xiii) Sijil Insurans pun baru diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian keberkesanan yang dilakukan ke atas graduan yang telah menamatkan latihan di bawah Skim Latihan Graduan, mendapati skim ini telah mencapai sasaran bagi memperluaskan peluang mendapatkan pekerjaan. Sebagai contohnya, di bawah Skim Latihan Graduan I dan juga Skim Latihan Graduan II, sebanyak 74% graduan telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan kita jangkakan di bawah Skim Latihan Graduan III, lebih banyak

peratus peningkatannya akan berlaku. Ini disebabkan wujudnya pertambahan kursus-kursus yang baru, yang lebih bersesuaian yang diperlukan oleh majikan hasil daripada kajian yang kita lakukan dengan begitu teliti sekali. Ia juga dilakukan oleh kementerian ini dari masa ke semasa agar skim ini benar-benar mencapai sasaran bagi keperluan majikan tetapi juga untuk mengurangkan kadar pengangguran semaksimal mungkin.

Di samping itu, kursus-kursus kemahiran yang dikendalikan di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Kementerian ini juga diterima baik dan menampung keperluan majikan, terutamanya bagi sektor perindustrian. Berdasarkan kepada maklum balas graduan lepasan ILJTM, iaitu maklum balas yang diterima semasa majlis konvokesyen, baru dua hari lepas kita ada dekat KLCC, didapati mereka yang telah berjaya mendapat pekerjaan dalam pelbagai bidang pekerjaan adalah melebihi 90% setelah enam bulan menamatkan pengajian. Ini satu pencapaian yang cukup baik dan luar biasa sekali. Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya cuma ingin mendapat penjelasan graduan menganggur yang mendapat latihan ini. Dimaklumkan tadi mereka ada kesannya dan berjaya mendapat pekerjaan. Tetapi saya ingin penjelasan lanjut. Kebanyakan mereka ini mendapat kerja di sektor awamkah di sektor swasta? Dengan kata lain apakah, maksudnya sektor swasta ini memberi laluan kepada mereka yang mendapat latihan di skim ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya mereka memperoleh pekerjaan di kedua-dua sektor iaitu di sektor awam, kerajaan dan juga sektor swasta. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, *ratio* ataupun nisbah pekerjaan itu berlaku dalam keadaan 1:9. 1 untuk awam, 9 untuk swasta. Begitulah juga apa yang berlaku kepada lepasan graduan di bawah skim ini. Jadi itu tidak menjadi masalah dari segi penerimaan bagi kedua-dua pihak swasta dan juga awam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah mengenal pasti punca utama graduan menganggur berkait rapat dengan ketidaksepadanan, *mismatch* antara kemahiran yang dimiliki graduan dan keperluan pasaran buruh semasa. Punca-punca lain yang telah dikenal pasti menyumbang kepada masalah ini adalah kelemahan komunikasi terutama kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris, kekurangan dalam kemahiran berinteraksi, kemahiran menganalisis, keyakinan diri, tiada pengalaman kerja, sikap terlalu memilih kerja dan ketidakanggupan untuk berhijrah ke luar bandar besar untuk mencari pekerjaan.

Dalam menangani masalah-masalah ini, Kementerian Sumber Manusia mengadakan lebih banyak sesi dialog dan perbincangan dengan majikan-majikan serta mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara kementerian dengan majikan bagi mengenal pasti keperluan industri supaya kualiti guraian dapat ditingkatkan dan diterima oleh industri terutama syarikat-syarikat

antarabangsa berstatus MSC. Kementerian ini juga membuat kajian analisis jawatan-jawatan kosong yang diiklankan menerusi akhbar-akhbar harian utama dan maklumat dilaporkan oleh majikan melalui *electronic labor exchange, job tarring system* bagi mengenal pasti jawatan-jawatan yang sering diiklankan serta syarat kelayakan kemahiran yang diperlukan majikan.

Di samping itu Kementerian Sumber Manusia bekerjasama dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam membuat kajian supaya dapat menggubal dasar mengenai perancangan tenaga manusia dalam tempoh jangka panjang di samping menangani soal pengangguran semasa dan guna tenaga tidak setara di kalangan siswazah dalam tempoh jangka pendek.

Persoalan berkaitan kegagalan siswazah untuk mendapatkan pekerjaan sebenarnya disumbangkan oleh pelbagai faktor. Hasil pendaftaran siswazah oleh MTEN menunjukkan tiga faktor utama yang boleh menjejaskan peluang mendapatkan pekerjaan ialah pertama, keperluan pengalaman kerja menduduki 49.6%, kedua, kefasihan Bahasa Inggeris 33.4% dan ketiga, kesesuaian bidang pengajian 32.2%.

Ini menggambarkan kepada kita secara kesimpulannya bahawa pengalaman bekerja merupakan faktor yang sangat penting dalam memberi ruang dan peluang kepada pencari-pencari kerja. Selain itu masalah *skill mismatch* juga merupakan faktor penting. Daripada kajian-kajian yang dijalankan, didapati berlaku jurang antara bidang kelayakan dan kemahiran yang dimiliki oleh siswazah berbanding keperluan pasaran. Jurang ini termasuklah berkaitan *soft skill* seperti kemahiran berkomunikasi, memiliki sikap positif, kepimpinan dan sebagainya.

Sukacita dimaklumkan bahawa dasar kerajaan adalah supaya pekerja tempatan diberi keutamaan dalam penggajian sektor swasta berbanding dengan pekerja asing. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, majoriti pekerja asing yang digaji adalah di dalam pekerjaan yang kurang diminati oleh pekerja tempatan seperti.....

Puan Safinah binti Jusoh: Minta laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang pengalaman bekerja. Jadi bagi sayalah maknanya untuk yang baru keluar daripada universiti dan juga yang baru sahaja menerima latihan memanglah mereka ini tidak ada pengalaman bekerja. Jadi bagaimanakah tindakan kementerian untuk mencadangkan kepada syarikat-syarikat ataupun pihak-pihak yang mengambil iaitu pihak majikan supaya tidak menjadikan kriteria pengalaman kerja itu sebagai syarat utama untuk pengambilan sebarang pekerjaan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Satu soalan yang saya anggap cukup baik sekali. Dalam soal ini pihak Kementerian Sumber Manusia mengadakan suatu skim baru apabila menyedari hal bersangkutan pengalaman ini merupakan faktor terpenting iaitu antara tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Sumber Manusia mengadakan Skim Latihan Dual

Nasional (SLDM). Di bawah skim ini pihak Kementerian Sumber Manusia menggalakkan pencari-pencari kerja itu bekerja ataupun mendapatkan latihan di syarikat-syarikat selama dua tahun dan selepas dua tahun mereka ini boleh bekerja di syarikat berkenaan ataupun mereka keluar daripada syarikat berkenaan untuk cari kerja di tempat lain.

Di bawah skim ini juga pihak majikan diminta untuk membayar sugu hati bulanan sebanyak RM350 untuk selama enam bulan, diikuti enam bulan kedua RM50 lagi menjadi RM400, enam bulan ketiga RM50 lagi RM450, enam bulan yang keempat iaitu mengakhiri selama dua tahun menjadikan RM500. Di bawah skim ini juga pihak Kementerian Sumber Manusia menyediakan tempat-tempat latihan seperti di institut-institut latihan ILP, Institut Latihan Perindustrian di bawah *Advanced Technology Centre*, kita ada 27 ILP, kita ada *Advanced Technology Centre* ada empat, juga di bawah *Japanese Malaysian Technical Institute* ada satu. Jadi semua tempat ini kita berikan latihan teori sebanyak 20% dan mereka akan menjalankan praktikal iaitu sebanyak 80%.

Teori berlaku dalam kadar dua bulan sahaja. Bermakna satu tahun sepuluh bulan berlaku latihan secara praktikal itu iaitu di majikan-majikan yang ada di seluruh negara. Setakat hari ini kita telah pun menjalankan dialog-dialog dan saya sendiri telah turun padang di tiga zon iaitu di sebelah utara, sebelah Pantai Timur dan juga di sebelah selatan dan kita akan terus mengadakan dialog-dialog ini. Di samping itu juga kita mensasarkan iaitu pada tahun ini sahaja sebelum kita tutup tirai 2005 sekurang-kurangnya 600 mereka yang tidak mempunyai pengalaman ini mendapat pengalaman sebenarnya telah pun memenuhi sasaran dan kita mendapat sambutan yang begitu baik sekali daripada majikan-majikan.

Menjelang 2015, sasaran Kementerian Sumber Manusia iaitu melatih seramai lebih kurang 16,000 sama ada graduan yang memiliki ijazah atau diploma, hatta mereka yang tidak mempunyai ijazah ataupun diploma untuk menyahut bahawa latihan praktikal pengalaman ini cukup penting dan berhasil. Kajian di beberapa buah negara, khususnya kita mengambil model daripada Jerman, mereka yang telah mengalami latihan secara praktikal ini lazimnya dalam tempoh enam bulan, 85% daripada mereka mendapat pekerjaan. Dengan ini daripada percubaan kita sebelum kita lancarkan kes ini ternyata ianya berjaya. Saya kira itu menjawab soalan Puan Safinah, terima kasih.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih kepada jawapan pertanyaan Yang Berhormat, cuma saya ada satu lagi pertanyaan. Apakah ada rancangan daripada pihak kementerian mengadakan '*Job Fair*' di institusi-institusi pengajian tinggi. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Satu pembaharuan yang kita buat di institusi pengajian tinggi iaitu kita mengadakan 'Pesta Pekerjaan' iaitu apabila ada ataupun mereka tamat kerja biasanya mereka ini diberikan ijazah di dalam majlis yang dinamakan majlis konvokesyen

dan kita mengambil kesempatan dalam majlis konvokesyen itu untuk kita mengadakan Pesta Pekerjaan'. Ini kita telah lakukan di bawah Kementerian kita sendiri dan Insya-Allah kita akan lakukan kepada majlis-majlis konvokesyen terutama di institut pengajian tinggi yang ada 18 buah di negara kita ini untuk kita laksanakan dan ini kita bawa majikan-majikan itu untuk mengadakan 'Pesta Pekerjaan' ataupun 'Sure Kerja' di tempat ataupun dalam majlis konvokesyen itu sendiri, bukan masa menyampai hadiah atau sijil tetapi *within a week* biasanya mereka itu ada pesta-pesta macam-macam budayalah, krafiah, macam-macam, sukanlah. Jadi kita hendak mengambil kesempatan dalam soal ini untuk memastikan bahawa graduan yang mencari pekerjaan ditampilkan juga dengan usaha-usaha untuk mencari kerja. Terima kasih.

Saya sambung lagi, seperti di sektor perladangan, pembinaan dan perkilangan yang melibatkan kerja-kerja yang sukar, berbahaya, kotor dan banyak menggunakan tenaga kudrat. Ini menyebabkan sektor tersebut terus bergantung pada tenaga pekerja asing. Walau bagaimanapun kerajaan sedang membuat perancangan dan pendekatan yang komprehensif supaya negara mampu menawarkan guna tenaga yang secukupnya kepada permintaan industri-industri utama di negara ini. Sehubungan itu Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja telah memperkenalkan satu lagi program iaitu Program *Sure Kerja* iaitu pekerjaan untuk rakyat Malaysia bagi memastikan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan seterusnya mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Senator Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed telah membangkitkan isu mengenai Dasar Ekonomi Baru yang telah menetapkan 30% jawatan di semua sektor dikhaskan untuk kaum bumiputera. Beliau ingin mengetahui sama ada kerajaan telah lalai untuk memastikan 30% jawatan di peringkat pengurusan sektor swasta dikhaskan untuk bumiputera. Beliau juga membangkitkan isu mengenai gabungan bank dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan tidak ada pekerja diberhentikan dalam urusan gabungan bank.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberi perhatian dan memantau serta menggalakkan majikan-majikan sektor swasta supaya memastikan komposisi kaum yang seimbang mengikut Dasar Ekonomi Baru iaitu 30% jawatan dikhaskan untuk bumiputera terutama bagi jawatan di peringkat pengurusan. Di samping itu melalui forum, seminar dan persidangan tripartite yang dianjurkan oleh Kementerian ini serta lawatan promosi ke industri-industri oleh pegawai-pegawai Kementerian ini berlaku. Soal pengambilan pekerja bumiputera, isu-isu pembangunan sumber manusia, keselamatan pekerjaan dan kebajikan pekerja sentiasa dibincangkan.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sedar tentang arus perubahan dan kesan daripada globalisasi di mana syarikat-syarikat di Malaysia harus berubah dari mengekalkan daya saing mereka. Perkara ini juga berlaku kepada industri perbankan di

Malaysia. Kerajaan tiada halangan terhadap penggabungan tersebut dengan hakikat bahawa industri harus wujud dan peluang-peluang pekerjaan kepada warga tempatan dapat dikekalkan.

Kementerian ini sedar bahawa penggabungan bank akan mengakibatkan pemberhentian pekerja dalam beberapa bahagian yang bukan merupakan *core business* bank tersebut. Sehubungan dengan itu, kementerian sentiasa memastikan supaya pemberhentian kerja dilakukan mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Semua majikan perlu melaporkan tindakan pemberhentian pekerja kepada pihak kementerian ini sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tindakan diambil dan mematuhi prinsip *Life In First Out* (LIFO) bagi memastikan keadilan dalam pelaksanaan pemberhentian tersebut.

Dari segi pembayaran pampasan, kementerian ini akan memastikan supaya semua pekerja yang terlibat dalam pemberhentian kerja dibayar faedah pampasan sekurang-kurangnya seperti mana peruntukan undang-undang buruh yang sedia ada. Di samping itu, kementerian ini juga sentiasa berbincang dengan syarikat-syarikat yang terbabit supaya menyediakan kursus pra-pemberhentian kerja untuk mengurangkan tekanan terhadap pekerja yang terlibat. Kementerian ini dengan kerjasama bank-bank akan mengadakan temu duga setempat untuk memudahkan penempatan semula pekerja yang diberhentikan kerja di samping menyediakan latihan-latihan kemahiran dengan kerjasama pihak swasta supaya pekerja-pekerja yang diberhentikan dapat menyesuaikan diri untuk digaji di sektor lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani kesan globalisasi, syarikat-syarikat perbankan telah mengambil langkah drastik bagi membolehkan mereka terus berdaya saing dan mempertingkatkan kecekapan di dalam institusi perbankan dan juga kewangan. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah penggabungan di antara bank-bank tempatan yang terdapat di negara ini. Akibat daripada penggabungan sektor perbankan tersebut, maka aktiviti-aktiviti seperti penstrukturan semula organisasi, pengecilan saiz operasi, sistem kerja baru dan penggunaan sistem automasi tidak dapat dielakkan. Ia dilakukan dalam usaha mempertingkatkan daya saing, kecekapan dan *survival* syarikat perbankan tersebut. Dalam pelaksanaan aktiviti tersebut, pihak bank terpaksa mengurangkan jumlah kakitangan dan tenaga kerja. Justeru itu pihak bank khususnya bank-bank tempatan akan menawarkan Skim Pemberhentian Secara Sukarela, *Voluntary Separation Scheme* (VSS) kepada para pekerja.

Sepanjang tempoh 2004 dan 2005 tiada pemberhentian, *retrenchment* dicatat dalam sektor perbankan berbanding dengan tawaran pemberhentian secara sukarela, VSS. Dalam melaksanakan VSS tersebut, pekerja diberi kebebasan untuk memilih sama ada ingin menerima tawaran tersebut atau sebaliknya. Bagi pihak bank pula, pelaksanaan skim tersebut menuntut sejumlah pampasan akan dibayar kepada para pekerja adalah melebihi apa yang telah diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja akan sentiasa memantau pelaksanaan VSS yang ditawarkan oleh pihak majikan. Pihak majikan diwajibkan melaporkan dan melengkapkan Borang PK,

Employment Retrenchment Notification 2004 dan menghantar borang tersebut ke pejabat Jabatan Tenaga Kerja berhampiran dalam tempoh 30 hari sebelum pelaksanaan VSS dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lee Sing Chooi ini mengetahui tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dan jabatan untuk memperbaiki mutu sistem penyampaian, *delivery system*. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini melalui mahkamah perusahaan telah memperkenalkan *voluntary mediation* menjalankan sebagai satu cara penyelesaian kes-kes pertikaian perusahaan. Dengan cara ini, penyelesaian kes di capai dengan lebih cepat dan pihak yang terlibat juga berasa puas hati dengan keputusan yang dicapai oleh kerjasama mereka sendiri.

Mediasi mula dijalankan pada bulan September 2004 dan sehingga Disember 2004, sebanyak 95 kes dijalankan mediasi dan dapat diselesaikan sebanyak 40 kes. Manakala, bagi tahun 2005 sehingga November 2005 sebanyak 162 kes menjalankan mediasi dan dapat diselesaikan 78 kes. Di samping itu, kementerian ini melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan telah mengadakan perkhidmatan *online* dalam sistem Persijilan Kemahiran Malaysia iaitu ESBKM dan portal MLVK.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik telah membangkitkan isu graduan menganggur yang kebanyakan mereka terdiri daripada kaum bumiputera. Beliau ingin tahu apakah dan adakah bangsa Melayu suka mengambil jurusan-jurusan yang senang untuk mereka melepasi di universiti dan tidak mahu menerokai ilmu-ilmu yang lebih susah untuk mendapatkan ijazah yang lebih *marketable*. Sukacita dimaklumkan bahawa pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja di bawah kementerian ini, bukanlah penganggur secara keseluruhannya. Mereka terdiri daripada kumpulan yang mencari kerja dengan berbagai alasan seperti ingin meningkatkan kerjaya, menukar selera, menukar lokasi tempat kerja dan sebagainya. Sehingga 19 Disember 2005, sejumlah 33,947 pendaftar aktif telah mendaftar, di mana 29,138 orang adalah berbangsa Melayu, 1,075 orang adalah Cina, 910 orang India dan 2,824 adalah dari lain-lain etnik.

Sejumlah 18,555 daripada 33,947 pendaftar tersebut adalah daripada institusi pengajian awam dan bakinya 15,390 pendaftar lagi adalah dari institusi pengajian tinggi swasta. Ini bermakna lepasan institusi pengajian tinggi awam lebih banyak menganggur ataupun mencari kerja daripada institusi pengajian tinggi swasta. Pencari kerja yang mendaftar menurut jurusan bidang yang tertinggi adalah seperti berikut;

- (i) *Accounting;*
- (ii) *Business & Administration;*
- (iii) *Commerce;*
- (iv) *Management;*
- (v) *Information Technology;*
- (vi) *Computer Science;*

(vii) *Software Engineering*

Adalah merupakan bidang pengajian yang tertinggi membuat pendaftaran mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun, kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai dengan pencari bidang pengajian mengikut bangsa buat masa ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi...

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, di jemput Dr. Mohd Fuad bin haji Ahmad.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Dasar Ekonomi Baru kita telah meletakkan hak pemilikan ekuiti bumiputera sebagai sasaran. Apakah pihak kementerian perlu melihat kepada sasaran untuk meningkatkan keupayaan bumiputera untuk menjana pendapatan juga kerana pemilikan kekayaan dan keupayaan, menjana pendapatan adalah dua perkara yang berbeza. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang hal ini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Fuad dan memang aspek pendapatan merupakan satu perkara yang penting. Sebab itu dari segi bidang pekerjaan bukan sahaja berlaku di dalam sektor awam, malahan juga di dalam sektor swasta, kita turut memastikan bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus hal pengurusan di peringkat tinggi dalam sektor swasta itu juga dapat berlaku dan dilakukan. Sejauh yang kita terima memang diikuti oleh majoriti ataupun kebanyakan majikan-majikan yang ada.

Kita juga sedang merancang bahawa keseimbangan pekerjaan terutama dalam sektor swasta ini dapat dilakukan dan ia akan menjadi satu dasar dan kita akan terap dan gariskan di bawah dasar buruh kebangsaan yang banyak diberikan tugas dan tanggungjawab itu di bawah kementerian ini untuk memastikan bahawa perolehan jawatan yang sekali gus yang dinyatakan itu membawa maksud perolehan pendapatan juga merupakan satu aspek penunjuk ataupun indeks kepada mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru sebanyak 30 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat senator yang lain yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai segala teguran, komen, pandangan, cadangan yang membina dan akan mengambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya dari masa ke semasa. Saya sangat berterima kasih di atas keprihatinan yang telah ditunjuk sekali lagi terima kasih. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, di atas jawapan yang diberi. Yang Berhormat bukan sahaja datang ke Parlimen untuk memberi jawapan tetapi juga turun

padang untuk memberi maklumat tentang program-program yang telah dijalankan oleh pihak kementerian. Terima kasih Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

12.07 tgh.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2005 di Dewan Negara pada 12 hingga 19 Disember yang telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Jins Shamsudin telah membangkitkan mengenai isu penapisan filem. Beliau menyatakan bahawa terdapat sebuah filem yang telah diharamkan untuk tayangan umum oleh Lembaga Penapisan Filem dan juga Lembaga Rayuan Filem tetapi masih ditayangkan oleh sebuah stesen televisyen. Beliau juga telah mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula pertindihan kuasa di antara LPF dan stesen-stesen swasta yang mempunyai lembaga penapisan sendiri supaya perkara sebegini tidak akan berulang di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan penapisan filem dilaksanakan adalah bagi melindungi penonton terutama mereka yang di bawah umur daripada unsur-unsur negatif yang terdapat dalam sesuatu filem. Kerajaan melalui perintah menteri, bertarikh 14 Mei 1997 telah mengecualikan filem yang hendak ditayangkan di stesen ASTRO dari di tapis oleh Lembaga Penapisan Filem. Walau bagaimanapun, kelulusan ini diberi dengan meletakkan syarat, ASTRO hendaklah mengikut garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini kerana ASTRO merupakan sebuah stesen televisyen berbayar dan mereka yang melanggan kepada saluran ASTRO sahaja yang dapat menonton program-program di ASTRO.

Dalam hal ini, kawalan terhadap program-program yang hendak ditonton adalah terletak kepada pelanggan ASTRO sendiri. Sekiranya mereka merasakan sesuatu program atau saluran ASTRO itu tidak sesuai ditonton, maka mereka tidak seharusnya melanggan kepada saluran atau program-program tersebut. Mengenai cadangan yang sama ada kementerian harus menarik balik pengecualian kepada ASTRO dari menapis sendiri filem yang hendak ditayangkan, kementerian akan memberi perhatian ke atas cadangan ini. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa terdapat mekanisme lain yang boleh mengawal kandungan yang hendak disiarkan di ASTRO.

Tuan Yang di-Pertua, majlis penyelarasan dan memantau siaran di stesen televisyen kerajaan dan swasta, termasuk ASTRO, satu jawatankuasa pemantauan siaran televisyen telah ditumpukan di bawah Kementerian Tenaga, Air, dan Komunikasi yang dianggotai oleh kementerian-kementerian yang terlibat dalam industri filem dan penyiaran termasuk Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri. Di samping itu, pemantauan siaran televisyen juga dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Dengan pemantauan yang dibuat ia dapat merapatkan jurang antara keputusan penapisan yang dibuat oleh stesen ASTRO dan stesen televisyen lain yang ditapis oleh LPF. Dengan itu ia dapat menghilangkan keraguan mengenai tangkapan wujudnya *double standard* dalam penapisan stesen ASTRO dengan stesen televisyen lain.

Mengenai terdapatnya kes tayangan filem yang telah diharamkan oleh LPF tetapi ditayangkan di sebuah stesen televisyen swasta iaitu ASTRO perkara ini jarang berlaku. Pihak stesen televisyen swasta ASTRO walaupun diberikan pengecualian dari tapisan, mereka mempunyai tanggungjawab untuk mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Di samping itu, pihak LPF juga dari masa ke semasa memaklumkan senarai filem yang tidak diluluskan kepada ASTRO supaya pihak ASTRO memantaunya dengan tidak menayangkan filem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Muthusamy a/l Marimuthu telah menyentuh mengenai kelemahan Jabatan Pendaftaran Negara berhubung kesilapan maklumat agama di dalam MyKad, beliau mencadangkan supaya;

- (i) setiap pejabat Jabatan Pendaftaran Negara menyediakan mesin pembaca data agar orang ramai boleh menyemak data-data yang terkandung di dalam MyKad untuk mengelakkan sebarang kesilapan maklumat;
- (ii) satu perintah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara kepada setiap pemegang untuk menyemak MyKad masing-masing apabila diambil dari kaunter-kaunter agar butiran di dalam *chip* tidak mempunyai sebarang kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat agama seseorang mula di rekodkan semasa kanak-kanak lahir. Maklumat ibu bapa diberikan oleh pemaklum semasa mendaftarkan kelahiran. Maklumat yang diminta termasuklah mengenai agama ibu bapa. Penentuan agama kanak-kanak dianuti agama yang sama, maka penentuan agama kanak-kanak tidak menghadapi sebarang masalah. Walau bagaimanapun, jika ibu bapa menganut agama yang berbeza, maka agama kanak-kanak akan ditentukan oleh agama bapa.

Maklumat agama ini akan kekal disimpan di dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara sehingga kanak-kanak tersebut berumur 18 tahun. Selepas berumur 18 tahun, kanak-kanak akan memilih agama yang dianutinya dan kemasukan rekod baru akan dibuat melalui proses pertukaran. Garis panduan ini hanyalah pelbagai bagi penganut bukan Islam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) diperkenalkan, pemohon juga diminta memenuhi borang JPN KP01, borang ini juga memerlukan maklumat agama yang akan diisi oleh pemohon itu sendiri. Catatan agama ini akan disimpan dalam rekod sebagai agama semasa permohonan. Proses yang sama juga dilaksanakan semasa pertukaran

MyKad yang mempunyai satu aplikasi. Semasa MyKad diperkenalkan pula, pemohon tidak dikenakan syarat untuk mengisi borang.

Walau bagaimanapun, petugas yang bertugas di kaunter akan meminta supaya pemohon memberikan maklumat yang telah disediakan di dalam sistem maklumat yang diminta diperuntukkan di bawah Peraturan 3(cc) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 90 (Pindaan) 2001, termasuk memberikan butir-butir agama pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan ini, pemohon dikehendaki memberikan maklumat agamanya, dan pindaan akan dibuat apabila terdapat perbezaan agama dengan rekod lama. Maklumat agama bagi pemohon bukanlah agama Islam akan disimpan di dalam *chip* dan maklumat yang terdapat di dalam *chip* boleh dikeluarkan melalui cetakan komputer iaitu *print-out* jika diperlukan oleh pemohon. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat sedikit kelemahan di dalam mendaftar dan menyimpan maklumat agama di dalam sistem kelahiran dan pengeluaran dokumen oleh pihak JPN. Kelemahan ini adalah kesilapan yang biasanya berlaku di kaunter-kaunter JPN.

Di antara kesilapan yang dilakukan ialah sistem *generate* yang dipakai semasa pendaftaran anak yang dilahirkan di mana agama kanak-kanak akan ditentukan melalui agama bapa. Masalah kerap kali timbul apabila ibu dan bapa menganuti agama yang berlainan. Yang kedua, semasa pertukaran kad pengenalan kepada MyKad, tugas petugas di kaunter dikehendaki mendapatkan maklumat terbaru sebagai rekod pemohon termasuklah maklumat agama.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat banyak aduan yang dibuat baru-baru ini, KPN telah mengambil tindakan positif dengan mengeluarkan arahan terbaharunya melalui Pekeliling Arahan JPN Bil.4 Tahun 2005, secara umumnya arahan ini adalah untuk memperbaiki dan memperkemaskan bagi perkhidmatan di kaunter dan garis panduan untuk meminta maklumat agama di dalam rekod jabatan. Dengan cara ini, kelemahan yang berlaku di kaunter akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim telah membangkitkan isu berhubung ...

Tuan M. Munusamy: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab soalan saya dengan panjang dan beberapa maklumat telahpun diberi. Saya juga telah bercadang supaya mesin pembaca data (alat pengimbas) dipasang di semua jabatan-jabatan pendaftaran. Adakah kementerian bercadang untuk memasang mesin-mesin tersebut untuk memudahkan pihak yang memegang MyKad itu untuk mendapatkan maklumat-maklumat *print-out*, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di seluruh pejabat JPN telah menyediakan alat pengimbas Mykad. Mereka diminta supaya menyemak atau memeriksa MyKad apabila MyKad itu sudah sedia diambil sebelum mereka meninggalkan pejabat JPN. Jadi, mana-mana JPN mereka boleh gunakan alat pengimbas MyKad itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bermakna Yang Berhormat, setiap pejabat JPN telahpun ada?

Datuk Tan Chai Ho: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: ...meter yang membaca maklumat-maklumat tadi?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebut memohon, ya... diminta menyemak MyKad sebelum mereka ambil MyKad. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim telah membangkitkan isu....

Tuan Lee Sing Chooi: Minta maaf, minta maaf. Sebelum dapat MyKad mereka menyemak semua data-data, itu betul. Tapi bagi orang yang sudah mengambil MyKad dahulu itu, jika ada kesilapannya, macam mana mereka hendak dapat tahu kalau tidak ada alat-alat pembaca itu? Bolehkah mereka pergi ke mana-mana pejabat pendaftaran untuk memastikan data-data di MyKad itu adalah yang terkini dan betul? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kepada orang yang sudah ambil MyKad, mereka boleh membeli alat pengimbas itu di pasaran. Sekarang mereka boleh dapat dengan harga yang murah. Jadi mereka boleh semak melalui alat pengimbas itu, jika ada apa-apa kesilapan boleh dirujuk kepada pejabat JPN.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat, kalau kepada mereka yang tidak mampu, mereka hendak menyemak maklumat-maklumat tadi, bolehkah mereka balik semula ke JPN untuk menyemaknya?

Datuk Tan Chai Ho: Boleh Tuan Yang di-Pertua, kerana alat-alat pengimbas itu dipasang di kaunter-kaunter di pejabat JPN.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Pun telah jawab, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim telah membangkitkan isu berhubung terdapat banyak kaunter Imigresen di KLIA, tetapi kebanyakannya tidak beroperasi sehingga menyebabkan kesesakan apabila ketibaan pelancong di KLIA. Beliau mencadangkan perkhidmatan kaunter diperbaiki supaya dapat memberikan imej yang baik terhadap negara di kalangan pelancong-pelancong. Tuan Yang di-Pertua, di KLIA terdapat 58 kaunter ketibaan dan 46 kaunter berlepas.

Jabatan Imigresen telah menetapkan Piagam Pelanggan, di mana pelawat yang pasportnya mempunyai *machine-readable zone* (MRZ), tempoh pemeriksaan tidak melebihi 50

saat. Bagi pasport yang tidak mempunyai MRZ, tempoh peperiksaan memakan masa 45 saat. Jabatan Imigresen juga telah menetapkan Piagam Pelanggan tidak melebihi 50 minit di dalam barisan mula yang ditandakan. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kaunter banyak, tetapi kita masih kekurangan kakitangan di mana kaunter ketibaan seramai 33 orang kakitangan sahaja dan 25 kaunter kosong. Sementara itu, kaunter berlepas sebanyak 46 kaunter dan pegawai petugas hanya seramai 26 orang sahaja. Ini bermakna 20 kaunter akan kelihatan kosong.

Oleh yang demikian, Jabatan Imigresen Malaysia akan sentiasa memperbaiki mutu perkhidmatan kaunter dari semasa ke semasa bagi mengelakkan kesesakan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim juga turut membangkitkan mengenai pengeluaran kad khas kepada pelabur-pelabur asing bagi memudahkan urusan di KLIA dan juga menyediakan kemudahan *Green Lane* kepada pelabur-pelabur tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Imigresen memang telah menyediakan *Premier Lane* kaunter khas di KLIA kepada penumpang kelas pertama pemegang kad *Asia Pacific Business Travel Card* (APTC) dan pemegang *Golden Card*. Kad ABTC dikeluarkan kepada ahli-ahli perniagaan dari negara-negara *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC) yang menyertai skim APTC. Sementara *Golden Card* adalah kad khas yang dikeluarkan kepada pegawai-pegawai pedagang asing yang bekerja di negara ini.

Selain daripada itu, Jabatan Imigresen juga ada menyediakan kaunter eksekutif. Yang dikhaskan kepada pegawai dagang asing untuk berurusan secara terus dengan Jabatan Imigresen dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan pengeluaran pas kerja, serta tanggungan mereka. Melalui kelulusan di kaunter eksekutif ini, mereka tidak perlu mengambil nombor giliran dan berbaris seperti di kaunter-kaunter yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah Mohd. Sultan, telah mencadangkan supaya sistem nombor di kaunter bagi proses permohonan pasport diperbaiki. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen memang sentiasa memperbaiki sistem perkhidmatan kaunter termasuklah urusan permohonan pasport. Sistem layanan secara bersepadu di mana sesuatu kaunter itu tidak perlu hanya khusus melayan satu urusan sahaja, tetapi juga melayan pelbagai urusan yang berkaitan. Cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah selaras dengan usaha yang Jabatan Imigresen laksanakan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telahpun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Seterusnya sukacita Yang Berhormat dari Kementerian Pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak ke seluruh warga Kementerian Pelajaran dan kaum guru di seluruh negara, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menghargai keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan demi menambahbaik sistem pendidikan negara.

Dalam perbahasan bajet 2006 kali ini, terdapat tiga aspek utama dijadikan fokus perbahasan iaitu:

- (i) pembangunan pendidikan;
- (ii) profesion perguruan; dan
- (iii) pembangunan insan.

Seboleh mungkin saya akan memberi penjelasan sepenuhnya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di samping ulasan ringkas beberapa isu yang telah berulang kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini.

Mengenai pembangunan pendidikan, dalam usaha membangunkan sektor pendidikan negara yang berkualiti, yang bertaraf dunia seperti yang ditimbulkan, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Fuad, kerajaan sentiasa berusaha menyediakan pelbagai kemudahan di semua peringkat pendidikan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia akan memastikan peruntukan yang disediakan dapat menjayakan pelbagai rancangan yang disusun dalam sektor pendidikan negara sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Untuk menghadapi cabaran peringkat global, APM telah menyediakan pelan pembangunan pendidikan 2001 ke 2010 yang bertujuan meningkatkan akses ekuiti dan kualiti pendidikan merangkumi semua aspek asas.

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu dan Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah membangkitkan isu sekolah-sekolah daif, yang usang khususnya di luar bandar yang kurang kemudahan asas seperti infrastruktur, air dan elektrik. Agenda mengimbangi jurang pendidikan antara kawasan luar bandar dengan bandar akan dilakukan secara berterusan dan bersepadu dengan komitmen dan kerjasama semua pihak. Program pembangunan pendidikan luar bandar dan projek-projek membaik pulih sekolah-sekolah usang serta kekurangan kemudahan asas yang tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan cuba dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi mengatasi masalah kemudahan elektrik, ABM membekalkan gen set di sekolah-sekolah secara berperingkat. Kementerian Pelajaran juga telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah dalam usaha menyediakan kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon khususnya di luar bandar dan pedalaman.

Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus menyentuh tentang pra sekolah dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran hanya mengendalikan kelas pra sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun kelas-kelas pra sekolah atau tadika dikendalikan oleh agensi-agensi lain dan swasta mesti mendaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Berkaitan dengan peruntukan kepada pra sekolah, Kementerian Pelajaran seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Norraesah binti Mohamad, Kementerian sentiasa berusaha mengadakan lebih banyak kelas pra sekolah terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Di samping menyediakan guru-guru yang terlatih dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Kementerian Pelajaran juga berusaha memantapkan kokurikulum pra sekolah kebangsaan dengan memberi pendedahan awal terhadap tiga kemahiran utama iaitu membaca, menulis dan mengira. Objektif utama penekanan terhadap aspek ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada murid-murid sebelum mereka mengikuti pembelajaran di tahun satu. Pendekatan ini sedikit sebanyak membantu mengatasi masalah penguasaan murid dalam 3M seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

Mengenai penubuhan sekolah menengah sains dan teknologi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad, buat masa ini Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk menubuhkan sekolah tersebut. Walau bagaimanapun Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) sedia ada memberi penekanan kepada aliran sains dan teknologi. Begitu juga sekolah-sekolah teknik mata-mata pelajaran tersebut. Juga ditawarkan di sekolah-sekolah menengah aliran bagi pelajar menengah sains atas.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan tadi. Saya ingin jelas sedikit dengan satu soalan iaitu sungguh pun dikatakan bahawa kedudukan pra sekolah di luar bandar itu sudah pun diberi satu fokus yang lebih bermakna daripada Kementerian, namun kita lihat ini adalah satu *empirical evidence* kita lihat bahawa mereka selepas daripada pra sekolah pergi ke sekolah, jurang perbezaan antara mereka di luar bandar dengan yang bandar itu begitu ketara sekali. Oleh kerana saya jelas kepada kita bahawa apa yang mereka pelajari ataupun tahap kualiti perguruan dan juga prasarana mungkin tidak begitu lengkap dan sofistikated seperti yang terdapat di bandar.

Oleh kerana permulaan itu sudah berbeza begitu jauh, maka apabila mereka meningkat kepada, *secondary* dan selanjutnya, jurang itu akan lebih lagi berjauhan. Maka saya rasa

kualiti guru dan kualiti prasarana di luar bandar harus diberi tekanan yang jauh lebih besar dari yang sudah pun diperuntukkan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih, memang saya mengakui, Kementerian bersetuju bahawa memang ada, masih ada jurang di antara bandar dan luar bandar. Memang tak dapat kita nafikan. Oleh kerana itu, Kementerian Pelajaran telah mengadakan kelas pra sekolah supaya kemudahan pra sekolah itu diberikan kepada anak-anak di luar bandar dahulu di mana kemudahan pra sekolah mungkin tidak wujud untuk anak-anak kita yang berada di luar bandar.

Tambahan pula Kementerian juga mula untuk melatih guru di maktab perguruan supaya guru yang lebih mahir untuk mengajar anak-anak kita untuk pendidikan awal.

Memang perkara itu, perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang kita sedar dan ini memang sudah jadi satu fokus, satu usaha utama untuk kita mengatasi untuk tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali mengenai pembelian komputer untuk sekolah-sekolah luar bandar. Kementerian Pelajaran telah membina makmal komputer secara berperingkat di sekolah-sekolah seluruh negara. Di samping itu juga semua sekolah dibekalkan dengan komputer bagi melaksanakan PPSMI iaitu Pembelajaran Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih ke memartabatkan profesion perguruan. Dalam usaha memperkasa dan memartabatkan profesion perguruan, tiga perkara utama akan dititikberatkan iaitu kapasiti dan kualiti perguruan, kebajikan serta pengiktirafan kepada guru. Mengenai beban tugas guru seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Ngah, satu kajian mengenai tugas dan tanggungjawab guru yang dijalankan di atas lebih kurang 16 ribu orang guru di 400 buah sekolah berbagai jenis di seluruh negara baru selesai dijalankan. Hasil kajian tersebut mendapati tugas dan tanggungjawab guru telah meningkat kalau dibandingkan 20 tahun yang lalu.

Peningkatan ini adalah kesan daripada pembubaran pelbagai dasar, perubahan sistem dan bertambahnya jumlah mata pelajaran. Hasil daripada kajian tersebut, Kementerian sedang menyediakan kertas cadangan menambah baik tugas dan tanggungjawab guru sejajar dengan hasrat memartabatkan profesion keguruan ke arah melahirkan kecemerlangan pendidikan di negara kita ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin meminta kerajaan menambah bilangan guru kaunseling. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jawatan guru kaunseling sepenuh masa telah diwujudkan di sekolah menengah seluruh negara mulai tahun 1996. Memandangkan peranan pimpinan kaunseling amat penting di sekolah. Mulai tahun 2002, jawatan guru bimbingan sepenuh masa telah diwujudkan di sekolah rendah. Sehingga April

2005, seramai 5,605 orang guru pimpinan dan kaunseling sepenuh masa ditempatkan di sekolah menengah manakala 4,494 orang guru pimpinan sepenuh masa ditempatkan di sekolah rendah.

Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin juga telah menggesa Kementerian Pelajaran menyemak penempatan guru khususnya yang ditempatkan di luar bandar. Untuk makluman sehingga 31 Januari 2005, terdapat seramai 93,301 guru di Semenanjung, 18,573 orang di Sabah dan 18,186 orang di Sarawak yang berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar. Guru-guru ditempatkan adalah merupakan guru-guru yang telah menerima latihan yang mempunyai kelayakan dalam bidang perguruan serta pendidikan sama ada di peringkat diploma atau ijazah. Kementerian menyeru keyakinan terhadap kualiti guru-guru kita kerana mereka telah dilatih mengikut opsyen atau bidang masing-masing dan dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan.

Penempatan dan pertukaran guru-guru adalah berdasarkan kepada surat siaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran bertarikh 29 Januari 2005. Antara lain menyatakan penempatan guru mengikut keperluan perkhidmatan dan seterusnya keperluan *option*. Jika di luar bandar keperluan perkhidmatan amat tinggi, penempatan hendaklah mengikut keperluan tersebut mengikut keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan insentif kepada guru-guru seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus dan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha menyediakan pelbagai insentif kepada guru-guru yang berkhidmat sama ada di bandar, luar bandar dan pedalaman. Termasuklah di sekolah-sekolah Orang Asli. Guru-guru tersebut diberi insentif-insentif tambahan selain menikmati insentif sedia ada seperti kakitangan awam lain.

Berkenaan dengan bayaran insentif subjek pendidikan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Samsiah binti Samsudin mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil. 3 tahun 2003, bayaran insentif subjek pendidikan layak dipertimbangkan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan yang mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris serta Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau menjalankan tugas rasmi secara langsung dalam bidang yang berkaitan dengan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi pegawai yang menggunakan kelayakannya secara langsung dalam tugas rasmi seperti termaktub dalam Pekeliling, mereka juga boleh dipertimbangkan sekiranya tugas yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan syarat-syarat Pekeliling di atas. Berkenaan dengan Jurulatih Utama atau JU yang tidak diberi elaun, Kementerian Pelajaran akan meneliti serta mengambil maklum mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin juga membangkitkan isu berhubung kadar bayaran petugas peperiksaan dan penilai skrip jawapan.

Untuk makluman kadar bayaran setiap skrip jawapan peperiksaan berbeza-beza mengikut peperiksaan dan mata pelajaran. Bagi peperiksaan UPSR, kadar bayarannya ialah RM0.75, PMR antara RM1.35 hingga RM2.00 dan SPM antara RM2.50 hingga RM5. Kadar bayaran tersebut dikaji setiap lima tahun dan pada masa ini kerajaan sedang membuat semakan untuk menaikkan kadar bayaran tersebut. Kadar bayaran pemeriksaan skrip jawapan untuk kertas STPM dan MUET pada mula adalah antara RM2 hingga RM7, kadar bayaran ini baru dilaksanakan pada tahun 2004.

Justeru Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menaikannya, walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran akan membuat kajian semula kadar bayaran bagi kertas STPM dan MUET ini pada tahun 2020. Berhubung dengan cadangan mengambil siswazah menganggur untuk mengisi kekurangan guru pada Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus, Kementerian Pelajaran mempunyai alternatif bagi mengatasi kekosongan guru disebabkan guru pergi berkursus dan sebagainya dengan menempatkan guru simpan dan kebangsaan.

Mengenai pengambilan guru terlatih pula, Kementerian Pelajaran mempunyai garis panduan tertentu untuk melayakkan seseorang mengikuti skim perkhidmatan pendidikan. Kementerian Pelajaran mengalu-alukan rakyat Malaysia yang berkecayaan memohon untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali, Kementerian Pelajaran sentiasa berhati-hati dengan memilih calon-calon guru dengan mengambil kira calon yang betul-betul berminat dan berpotensi kepada profesion perguruan.

Selain kelayakan asas mereka yang bersesuaian dengan bidang yang dipohon. Di antara proses tapisan yang dijalankan ialah *Malaysian Teachers Selection Test (M-Test)*, ujian bertulis bahasa Inggeris bagi sesetengah program khususnya guru Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik, inventori sahsiah guru selain daripada temu duga.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke pembangunan insan. Di samping isu-isu memartabatkan guru, kementerian juga tidak pernah mengabaikan tanggungjawab terhadap pembangunan modal insan. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana banyak memberi saranan dan idea-idea bernas untuk memperbaiki sistem pendidikan negara demi melahirkan generasi yang berguna serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Justeru itu pelbagai pendekatan dan program dilakukan oleh Kementerian Pelajaran agar insan yang kita didik dan yang kita asuh dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara. Dalam usaha kerajaan memastikan pendidikan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, faktor keciciran murid merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian serius. Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi terhadap pandangan serta cadangan beliau berhubung langkah-langkah menangani keciciran murid. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar

tahun satu bagi *cohort* 1997 ke 2002 yang tidak meneruskan persekolahan sehingga ke Tahun 6 adalah sebanyak 4.36%.

Namun demikian, pelaksanaan pendidikan wajib mulai tahun 2003 telah menunjukkan kesan yang positif, di mana kadar pelajar yang tidak meneruskan persekolahan sehingga Tahun 6 bagi *cohort* 2000 ke 2005 adalah sebanyak 1.98% sahaja. Jumlah pelajar Tingkatan 1 bagi *cohort* 1997 ke 2001 yang tidak meneruskan persekolahan sehingga ke Tingkatan 5 adalah sebanyak 15.93%. Bagaimanapun kadar ini telah berkurangan pada tahun-tahun berikutnya sehingga menjadi 9.55% bagi *cohort* 2001 ke 2005. Kadar pelajar yang tidak meneruskan persekolahan dari peringkat sekolah rendah ke sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan berkurangan iaitu sebanyak 10.92% pada tahun 1998 menjadi 8.12% pada tahun 2005.

Perlu dijelaskan bahawa peratusan itu bukan bermakna pelajar tersebut tidak bersekolah langsung, tetapi sebaliknya sebahagian daripada mereka meneruskan persekolahan di sekolah-sekolah bukan kendalian Kementerian Pelajaran seperti sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat, swasta dan lain-lain. Terdapat juga pelajar-pelajar tersebut telah berhijrah ke negara lain mengikuti keluarga atau telah bekerja. Kementerian berusaha agar kadar keciciran ini dapat dikurangkan seminimum mungkin. Justeru kerajaan telah melaksanakan pendidikan wajib serta menyediakan pelbagai bentuk bantuan di peringkat rendah dan menengah. Kementerian Pelajaran juga telah mengubah ko-kurikulum yang bersesuaian dengan kecenderungan dan minat pelajar seperti memperkenalkan mata pelajaran vokasional atau MPV di sekolah menengah harian biasa untuk pelajar yang kurang minat dengan akademik.

Sekolah-sekolah menengah teknik juga diperluaskan agar pelajar yang berminat dengan bidang teknikal dapat meneruskan pengajian mereka. Dengan cara ini kemahiran yang diperolehi boleh dijadikan asas kepada mereka untuk mencari pekerjaan tanpa bergantung kepada sijil peperiksaan akademik semata-mata.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus, perubahan-perubahan yang berlaku dalam beberapa mata pelajaran merupakan hasil semakan semula semua ko-kurikulum bagi setiap mata pelajaran yang dilakukan sejak tahun 2002 lagi. Semakan ini bertujuan menjadikan setiap mata pelajaran yang diajar relevan mengikut kesesuaian semasa. Bagi menghargai dan meraikan kejayaan murid-murid hampir setiap sekolah mengadakan hari pelajar cemerlang.

Walau bagaimanapun bentuk upacara hari tersebut adalah berbeza-beza mengikut kemampuan dan keputusan pihak pengurusan sekolah masing-masing. Kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan yang sangat baik daripada Yang Berhormat Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok dan akan meneliti cadangan tersebut sebelum dipraktikkan di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua bagi menyahut perubahan semasa yang berlaku sama ada di peringkat nasional dan juga cabaran di peringkat global, kerajaan telah memperkenalkan

pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau PBSMI mulai tahun 2003. Dengan pelaksanaan PBSMI yang masih awal ini sudah pasti pelbagai isu yang timbul mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan bajet kali ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Daud, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali, Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah membangkitkan tentang pelaksanaan PBSMI. Walaupun pihak Kementerian Pelajaran telah memberikan jawapan di Dewan yang mulia ini melalui jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan lisan, saya akan menjelaskan sekali lagi perkara tersebut pada sesi kali ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah diumumkan sebelum ini, kerajaan akan tetap meneruskan PBSMI walaupun kita sedar di peringkat permulaan ini terdapat beberapa perkara yang perlu dilihat, dinilai serta dikaji dengan lebih teliti agar pelaksanaan PBSMI ini akan dapat mencapai objektif yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah menjalankan kajian tahap kefahaman murid pada 2004 untuk menilai tahap kefahaman murid Tahun 1 dan Tahun 2, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 tentang kandungan pelajaran Sains dan Matematik berikutan pelaksanaan PBSMI. Hasil daripada kajian ini.....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh [Tuan Yang di-Pertua]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon sedikit masa Dewan keizinan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk Dewan mengalu-alukan kehadiran bersama kita ahli-ahli *National Assembly of Vietnam*. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: *Thank you. On behalf of the Malaysian Government, all of us here would like to extend a welcome to our special guests from the National Assembly of the Socialist Republic of Vietnam.*

At by His Excellency Ngo Anh Dzung Chairman of Vietnam Nation Friendship MP's Association and Vice Chairman of the committee for foreign affairs. This official visit, it is our wish of the Members of Parliament from both countries for further strengthen and enhance our bilateral relationship in all aspects. Once again welcome all of you.

Dato' Fu Ah Kiow: Terima kasih....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Hasil daripada kajian ini mendapati prestasi murid di luar bandar lebih rendah berbanding dengan murid di bandar. Walau bagaimanapun perbezaan pencapaian antara murid di bandar dan murid di luar bandar ini bukanlah sesuatu yang di luar jangkaan kerana perbezaan ini telah wujud sebelum pelaksanaan PBSMI lagi.

Ini disebabkan keadaan sosioekonomi dan lokasi sebahagian murid di luar bandar hanya bergantung kepada guru, rakan dan bahan sokongan di sekolah sahaja. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar mendapatkan tunjuk ajar tambahan untuk meningkatkan

penguasaan dalam PBSMI. Sehubungan itu Kementerian Pelajaran akan terus memberikan bantuan serta sokongan agar perbezaan tersebut tidak menjadi semakin ketara.

Beberapa strategi penyediaan PBSMI yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran seperti memberi bimbingan kepada tenaga pengajar dengan berbagai-bagai kaedah dan teknik serta pembekalan peralatan ICT, *teaching software*, *teaching 'cost ware'*, perisian pembelajaran, buku bacaan tambahan dan bahan sokongan ke sekolah adalah mengambil kira keperluan sekolah luar bandar.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat berdasarkan keputusan UPSR 2005, Kementerian Pelajaran berkeyakinan pelaksanaan PBSMI menampakkan hasil yang positif untuk mencapai objektif yang diharapkan, khususnya terhadap penguasaan bahasa Inggeris. Keadaan ini dapat dilihat dengan suasana persekitaran sekolah yang menekankan kepada penggunaan bahasa Inggeris telah membantu peningkatan bilangan murid yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi UPSR 2005. Walaupun kumpulan murid ini tidak terlibat dalam pelaksanaan PBSMI. Berdasarkan pemantauan situasi ini juga wujud di sekolah menengah, keputusan PMR yang tidak lama lagi akan diumumkan nanti adalah amat penting bagi kita mengadakan persiapan dan sebaik-baiknya untuk kesinambungan pelaksanaan di Tingkatan 4.

Hasil daripada keputusan PMR akan kementerian gunakan untuk menambah baik pendekatan pelaksanaannya dan menentukan bentuk program intervensi yang sesuai. Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial yang menular dewasa ini merupakan cabaran yang sangat besar dalam pembentukan insan. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran bersedia menghadapi cabaran ini dan akan memerangi hingga ke akar umbi. Sehubungan itu seperti saranan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat, Kementerian Pelajaran telah melakukan secara persendirian dan juga mendapatkan kerjasama dari pelbagai pihak, sama ada dari agensi kerajaan, pihak swasta, ibu bapa dan juga NGO dalam menangani gejala sosial ini agar tidak berleluasa. Kementerian Pelajaran mengharapkan kerjasama dari semua pihak bagi menangani masalah ini akan berterusan.

Penekanan terhadap aktiviti ko-kurikulum juga dititikberatkan sebagai usaha agar murid-murid menggunakan masa yang berfaedah di luar waktu belajar seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Aktiviti ko-kurikulum melibatkan aktiviti sukan, kelab dan persatuan. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat, Kementerian Pelajaran memang telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara dalam mencungkil bakat bagi melahirkan ahli-ahli sukan yang berjaya. Mengenai persatuan-persatuan yang diwajibkan di sekolah pula persatuan tersebut ditubuhkan berasaskan mata pelajaran akademik yang terdapat di sekolah seperti Persatuan Bahasa Melayu, Persatuan Sains Pertanian, Persatuan Geografi dan sebagainya.

Aktiviti yang dijalankan berdasarkan skop sukatan dalam mata pelajaran tersebut dan lebih kepada aktiviti praktikal seperti dalam Persatuan Sains Pertanian agar menjalankan aktiviti

berbentuk pertanian seperti berkebun sayur, menternak haiwan, membina taman bunga dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah saya dapat menjelaskan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bagi pihak kementerian sekali lagi ucapkan berbanyak terima kasih dan sudah tentu perkara-perkara ini, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan sudah tentu akan diambil kira untuk kita rancang supaya dapat kita memajukan tahap pendidikan untuk negara kita, sekian saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan panjang lebar serta jelas yang telah pun diberi. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.....[gangguan sistem rakaman]..... Yang Berhormat Tuan Chiu Tiang Chai, Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin, Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Senator Tuan Tan Bon You dan juga Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 dan telah membangkitkan beberapa isu tentang kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chiu Tiang Chai bertanya perlunya usaha memulihara dan mengekalkan warisan Baba dan Nyonya di Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat perlunya usaha mengekalkan warisan ini adalah kerana terdiri daripada latar belakang mempunyai sejarah dan budaya negara yang berbilang kaum sejak abad 15 lagi khususnya di Melaka.

Sebagai aktiviti berkaitan dengan usaha memulihara dan mengekalkan warisan Baba dan Nyonya di Melaka, telah dilakukan oleh kerajaan dengan kerjasama persatuan-persatuan Baba dan Nyonya yang terdapat di negeri ini seperti penganjuran seminar, pameran, persembahan kebudayaan dan pendokumentasian terhadap masyarakat itu sendiri. Kini terdapat

beberapa galeri khusus mengenai masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka dan di Muzium Negara serta penerbitan khusus mengenai masyarakat ini.

Beliau juga bertanya tentang peranan kerajaan dalam usaha memulihara dan mengekalkan sejarah warisan negara seperti sejarah penubuhan daerah Taiping. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya telah memohon peruntukan program pemeliharaan dan pemugaran tapak dan bangunan bersejarah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah sebanyak RM11 juta. Berdasarkan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan zon bersejarah Taiping telah diperuntukkan sebanyak RM8 juta bersekali dengan daerah Matang.

Beliau juga menyentuh tentang usaha yang boleh dilaksanakan kerajaan untuk memulihara dan mengekalkan semua bangunan bersejarah yang pertama dibina di negara ini seperti Stesen Keretapi pertama, balai polis pertama dan sebagainya. Usaha memelihara dan mengekalkan semua bangunan terutama yang bersifat pertama seperti balai polis, stesen keretapi, mahkamah, pejabat-pejabat kerajaan, muzium, perpustakaan dan sebagainya akan diberi keutamaan.

Melalui pengenalan Akta Warisan kebangsaan 2005 iaitu dengan izin *National Heritage Act* 2005 maka satu usaha yang lebih komprehensif akan dilakukan oleh kerajaan. Penwujudan buku Daftar Induk Kebangsaan pula akan menyenaraikan semua warisan ketara dan tidak ketara termasuk bangunan-bangunan bersejarah untuk dipantau oleh kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin menanyakan tentang berapakah buah filem yang harus kita terbitkan pada setiap tahun dan apakah bentuk filem yang akan diterbitkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak dapat menentukan berapa bilangan filem yang boleh diterbitkan setiap tahun kerana ianya bergantung kepada pengusaha-pengusaha filem untuk menerbitkan filem-filem mereka. Bentuk filem yang akan diterbitkan juga adalah bergantung kepada pengusaha-pengusaha filem. Mereka melihat dari segi *trend* minat penonton. Biasanya bentuk-bentuk filem yang diterbitkan adalah berbentuk komedi, remaja, muzikal dan yang berbentuk seram.

Beliau juga bertanya tentang bagaimana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menjalankan tanggungjawab dalam membentuk dan memajukan industri perfileman muzik dan seni tanah air. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pembangunan muzik tanah air, kementerian saya melaksanakan aktiviti seperti berikut:

- i) bengkel muzik kepada para penggiat seni muzik tanah air,
- ii) latihan muzik kepada para penggiat seni muzik tanah air,
- iii) aktiviti bimbingan muzik kepada pelajar sekolah melalui Program Tunas Budaya, dan
- iv) menganjurkan persembahan dan manifestasi muzik seperti Festival Muzik Kebangsaan.

Bagi pembangunan seni tanah air pula, kementerian telah melaksanakan Program Penyemarakan Seni Dan Budaya. Program ini merupakan satu program pembangunan kesenian yang komprehensif sifatnya. Segala bentuk aktiviti seni dan budaya tanah air dimuatkan dalam program ini. Kawasan liputan program ini juga meluas merangkumi kawasan-kawasan bandar, kampung-kampung tradisional, kampung baru, tanah rancangan dan kawasan penempatan baru. Program ini meliputi pelbagai kaum dan peringkat umur. Antara aktiviti yang mengisi program ini adalah seperti berikut:

- i) aktiviti merayakan seni dan budaya,
- ii) aktiviti persembahan seni dan budaya,
- iii) penganjuran festival-festival seni dan budaya.

Dalam industri perfileman pula, kementerian melalui FINAS memang bertanggungjawab memajukan industri perfileman tempatan. Satu dasar iaitu Dasar Perfileman Negara telah digubal dengan mengambil kira aspek pembangunan tenaga kerja, pembangunan infrastruktur, promosi dan pemasaran, modal dan insentif, pembangunan filem dokumentari dan animasi.

Beliau juga tanya tentang iaitu kerajaan-kerajaan negeri perlu memikirkan untuk membina satu panggung wayang mini di bandar-bandar seluruh negara bagi tujuan untuk menghidupkan semua filem bukan sahaja untuk hiburan tetapi filem adalah merupakan budaya yang dapat kita pameran. Usaha untuk menambahkan bilangan pawagam adalah usaha yang harus digalakkan. Dengan penglibatan kerajaan negeri sudah tentu akan mempercepat dan akan menambahkan lagi bilangan pawagam yang kurang terutama di negeri-negeri seperti Perlis, Kelantan dan Terengganu. Tambahan pula bilangan pawagam diharap dapat dilebarkan juga kepada peringkat daerah-daerah yang kini semakin berkurangan. Kini pengusaha pawagam lebih memberi tumpuan kepada pembinaan pawagam di bandar-bandar sahaja. Untuk menambahkan lagi pawagam yang sedia ada, kementerian saya telah merancang untuk membina mini pawagam di taman-taman budaya negeri.

Beliau juga menyentuh mengenai jawatankuasa mengkaji semula rancangan-rancangan televisyen yang dianggotai oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan dan Kementerian Penerangan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita supaya jawatankuasa ini juga dapat bergerak secepat mungkin bagi mengkaji program atau rancangan-rancangan televisyen yang diimport khususnya supaya tidak bercanggah dengan nilai-nilai budaya dan nilai-nilai kemanusiaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan. Sebuah Jawatankuasa Penempatan dan Pemantauan Garis Panduan Program TV telah menyediakan draf garis panduan program TV sebagai satu garis panduan yang akan diterima pakai oleh semua. Sekiranya ada isu yang berkaitan mengenai perkara ini, jawatankuasa ini akan bermesyuarat untuk mendapatkan kata putus dan cadangan penyelesaian.

Akhir sekali beliau juga menanya tentang pembinaan satu arkib untuk semua filem-filem tempatan. Kementerian telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi projek pembinaan Arkib Audio Visual di mana ini akan menempatkan bahan audio visual, termasuk juga filem. Sebanyak RM25 juta telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2006. Peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM5 juta untuk tahun hadapan. Arkib Audio Visual ini akan dibina di Kompleks Arkib Negara di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad pula menanya bentuk tema dan motif filem hari ini mungkin ada banyak perbezaan dengan mesej yang disampaikan dalam filem zaman dahulu iaitu mesej yang berunsurkan patriotisme, kecintaan negara dan kepimpinan, bagaimana kita boleh menyarankan kepada penerbit-penerbit filem hari ini supaya dapat menerbitkan filem-filem sedemikian. Seperti yang dinyatakan sebentar tadi, bahawa bentuk tema dan motif filem ini bergantung kepada pilihan pengeluar-pengeluar filem itu sendiri.

Kementerian melalui FINAS akan cuba menggalakkan pengusaha-pengusaha filem untuk mengeluarkan filem-filem sedemikian. semasa proses untuk meluluskan Skim Pinjaman Filem Cereka. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian juga telah merancang untuk mengeluarkan filem dokumentari termasuk filem yang berunsurkan politik dan budaya yang menggambarkan kecintaan kepada negara dan pemimpin.

Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin membangkit isu dan menanya, beliau ingin mengetahui tentang industri perfileman yang ada dalam negara kita ini benar-benar mencapai satu tahap yang begitu maju dan adakah mencapai kemenangan dalam pertandingan sudah cukup bagi kita membuat atau mencapai keuntungan dalam mengeluarkan filem yang baik.

Soalan Ahli Yang Berhormat ini mengenai dengan subsidi kepada pengusaha filem mempunyai persamaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani juga menanyakan mengenai adakah pengusaha-pengusaha filem akan memperoleh sumbang dari agensi kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak memberi apa-apa subsidi atau sumbangan kepada pengusaha filem. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menyediakan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha filem untuk menghasilkan filem-filem mereka.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani menanya adakah pengusaha-pengusaha filem akan memperoleh mana-mana sumbangan daripada agensi-agensi kerajaan untuk menampung kerugian dalam membuat filem yang bermutu serta mengkaji bagaimanakah filem yang bermutu itu mendapat sambutan daripada semua generasi termasuk generasi orang lama. Sebenarnya RM50 juta telah disediakan untuk pinjaman kepada pengusaha filem tempatan supaya dapat mengeluarkan filem-filem yang bermutu. Galakan

kewangan melalui pulangan balik duti hiburan filem merupakan usaha kerajaan mengurangkan kerugian dan seterusnya menghasilkan filem secara berterusan.

Yang Berhormat Senator Tuan Tan Bon You menanya adakah dengan memperbanyakkan panggung wayang ini akan mengurangkan orang ramai membeli VCD cetak rompak. Melalui bilangan pawagam yang bertambah terutama di bandar kecil, ini akan memberi kesan kepada pengurangan dan pendedaran filem VCD cetak rompak. Walau bagaimanapun, pembanterasannya memerlukan kesedaran dan sokongan dari seluruh rakyat.

Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam menyatakan rasa kurang senang dengan pokok pisang yang diikat di tiang elektrik yang tidak mempunyai tandan semasa merayakan Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali 2005 baru-baru ini. Mengikut adat India, pokok pisang untuk tujuan perkahwinan, perasmian atau perayaan hendaklah mempunyai tandan dan jika tanpa tandan itu adalah sedih. Selain itu beliau menyatakan pokok pisang hutan tidak digunakan dalam apa jua majlis.

Untuk makluman Yang Berhormat, persiapan hiasan semasa majlis Rumah Terbuka Deepavali 2005 adalah juga turut dianggotai oleh masyarakat India. Mereka sewajarnya memberi pandangan dalam aspek yang berbangkit, tetapi mungkin mereka terlepas pandang dalam perkara tersebut. Dengan kesedaran iaitu pantang larang kaum masyarakat India, maka saya percaya dalam masa-masa yang akan datang, tindakan sebegini tidak akan diulangi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma hendak pastikan adakah benar ada tandan petanda baik, tanpa tandan petanda buruk, adakah itu benar?

Dato' Wong Kam Hoong: Yang, ini pada saya...

Tuan Yang di-Pertua: Terpulanglah sama ada...

Dato' Wong Kam Hoong: Oleh sebab negara kita majmuk dan ada perkara-perkara sedemikian, kita ada kaum masyarakat Cina, kaum masyarakat India yang...

Dato' S. Veerasingam: Boleh saya bantu sedikit dalam perkara ini?

Dato' Wong Kam Hoong: Oleh sebab itu saya haraplah kalau ada apa-apa tindakan yang akan menyinggung masyarakat dengan tidak sengaja, kami minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan kepada rakan.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biasanya dalam perkahwinan dan juga dalam upacara-upacara rasmi yang membawa kegembiraan, kita gunakan pokok pisang yang berbuah dengan tandan sekali. Kalau kita gunakan tanpa tandan bermakna itu untuk kematian, bila orang meninggal dunia baru kita pakai macam itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Serupa dengan bagi kaum Cina di antara merah dan hitam.

Dato' S. Veerasingam: Ya, memang serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Ini bertentanganlah untuk kaum Melayu, kalau pakaian nasional dalam warna hitam selalunya tetapi orang Cina pantanglah kepada warna Cina. Untuk perayaan warna merah yang disukai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Puan Ratnam juga menyentuh tentang upacara majlis rumah terbuka Deepavali 2005 yang berketurunan Melayu cuba menyampaikan iaitu loghat dalam bahasa Tamil dalam teks rumi adalah salah dari sebutan sebenarnya. Mengenai dengan upacara majlis rumah terbuka Deepavali 2005, kementerian akan memastikan pengacara majlis pada masa-masa akan datang merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan apabila ingin menggunakan bahasa loghat satu-satu kaum supaya perkara yang boleh menimbulkan sensitiviti sesuatu kaum tidak berlaku.

Beliau juga menyatakan rasa kesal dengan majlis rumah terbuka Malaysia 2005 iaitu Deepavali yang telah diadakan baru ini memperlihatkan bahawa persembahan tarian klasik India oleh penari-penari menunjukkan bahawa mereka tidak memahami gerak tarian tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai tarian yang ditarikan oleh bukan masyarakat India adalah sengaja diadakan oleh kementerian saya kerana ianya berunsurkan penglibatan semua kaum supaya masyarakat pelbagai kaum akan lebih memahami aspek budaya dari kaum-kaum lain. Itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan dengan ini saya sekali lagi.....

Tuan Munusamy a/l Mareemutu: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan, Yang Berhormat hampir selesai tetapi tidak apalah.

Tuan Munusamy a/l Mareemutu: Tuan Yang di-Pertua saya mengalu-alukan cadangan dan juga hasrat kementerian supaya kaum-kaum lain juga memahami dan juga mempelajari tarian-tarian daripada sesuatu kaum. Tetapi apa yang kita cadangkan supaya tarian-tarian ini dipelajari secara teratur supaya mereka boleh membuat persembahan dengan teratur dan juga mengikut apa yang difahami oleh masyarakat itu supaya tidak mencemarkan kebudayaan sesuatu masyarakat. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan. Yang Berhormat patut memahami iaitu ini adalah satu perayaan rumah terbuka dan ini satu perayaan ikut adat resam. Sebab lain-lain organisasi iaitu NGO-NGO kaum masyarakat India hendak melibatkan diri supaya mereka dapat menunjukkan iaitu mereka merayakan bersama-sama dengan masyarakat lain. Ini bukan satu persembahan profesional di dalam pawagam atau teater sebab itu mungkin gerak-geri mereka tidak begitu profesional.

Selain daripada itu, kementerian kita juga menggalakkan iaitu kaum lain tidak egosentrik kepada satu aktiviti iaitu kita mengasingkan kalau tarian tradisional Melayu ditari oleh Melayu sahaja. Kita pun mengalu-alukan iaitu kaum lain, kaum India atau kaum Cina, melibatkan diri

untuk persembahan iaitu tarian-tarian kaum lain supaya kita hendak menunjukkan negara kita adalah negara majmuk dan berbilang kaum, berbilang agama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas pandangan, teguran dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Bagi pihak Dewan Negara, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kini saya menjemput Yang Berhormat yang mewakili kuasa-kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

2.55 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada enam Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan beberapa perkara. Pertamanya mengenai Unit Kaunseling yang dicadangkan diwujudkan di setiap Dewan Undangan Negeri atau kawasan Parlimen dan kaunselor tersebut mestilah terdiri dari kalangan mereka yang berpengalaman, berkeelayakan serta komited. Kementerian mengambil maklum sasaran tersebut. Buat masa ini kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara, ibu pejabat dan negeri telah mempunyai kaunselor yang berkeelayakan bagi mengendalikan kaunseling bergantung kepada keperluan kes melalui Unit Kaunseling yang diwujudkan.

Setakat ini kementerian mempunyai 70 orang kaunselor iaitu 38 orang di Jabatan Kebajikan Masyarakat, 14 orang di Jabatan Pembangunan Wanita dan 18 orang di LPPKN. Mereka mempunyai kelayakan ikhtisas dan mampu mengendalikan kes-kes kaunseling secara bersemuka ataupun melalui telefon. Antara kes-kes yang dikendalikan adalah penceraian, perkahwinan, pra-perkahwinan, kerjaya, tekanan, masalah kesihatan dan lain-lain termasuk kaunseling kepada para remaja. Kaedah pengendalian sesi dilaksanakan melalui kaunseling individu dan kaunseling berkelompok.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah mengenai pengiktirafan penubuhan Persatuan Ibu Tunggal sebagai satu NGO yang mendapat geran untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kekeluargaan. Kementerian sememangnya memberikan bantuan kewangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk Persatuan Ibu Tunggal untuk menjalankan program dan aktiviti mereka. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM3.8 juta. Bantuan khas kepada perbendaharaan kepada NGO-NGO untuk menjalankan program

peningkatan keupayaan wanita, terutamanya ibu tunggal melalui pelaksanaan program-program latihan pembangunan wanita dan keluarga.

Program-program ini dijalankan sama ada secara sendiri ataupun secara kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri dan kawasan Parlimen atau dengan NGO. Peruntukan ini turut diberikan kepada persatuan-persatuan ibu tunggal yang berdaftar di bawah majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia dan juga NGO-NGO yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan. Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya di sini mana-mana NGO atau persatuan ibu tunggal yang berdaftar adalah layak untuk memohon peruntukan bantuan khas perbendaharaan bagi menjalankan program mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat telah bertanya sama ada kementerian mempunyai formula untuk menangani gejala wanita profesional yang tidak berkahwin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, golongan profesional yang mengambil keputusan untuk berkahwin lewat atau tidak berkahwin langsung bukanlah satu perkara yang hanya berlaku di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya terdengar perkataan 'gejala' tadi. Adakah wanita profesional yang tidak berkahwin itu merupakan satu gejala atau satu perkembangan yang sihat ataupun lumrah dengan pembangunan negara.

Datuk G. Palanivel: Saya ingat ini bukan gejala. Saya ingat bukan sesuai. Ini sahaja satu perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Mungkin saya ingat Yang Berhormat yang minta soalan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat tersebut 'gejala' tadi.

Datuk G. Palanivel: Ya. Pakai perkataan 'gejala' tadi saya ingat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan....

Datuk G. Palanivel: Maksudnya berbeza-beza.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya mengguna perkataan "fenomena".

Datuk G. Palanivel: Ooh, fenomena! *[Ketawa]* Saya ingat bila pegawai-pegawai saya terjemah fenomena, dia jadi gejala. *[Ketawa]* Perkembangan lebih sesuai saya ingat. Ia merupakan satu trend global di mana semakin maju sesebuah negara, semakin ramai penduduk yang tidak berkahwin atau berkahwin dalam usia yang lewat. Di Malaysia, umur minimum bagi perkahwinan pertama meningkat daripada 23.5 tahun pada tahun 1980 kepada 25.8 tahun pada tahun 2000. Berdasarkan kepada statistik banci penduduk tahun 2000, terdapat pelbagai faktor yang mendorong seseorang itu berkahwin lewat seperti faktor ekonomi, kerjaya dan pendidikan.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-4 yang dijalankan pada tahun 2004 menunjukkan bahawa tahap pendidikan mempengaruhi umur perkahwinan di mana semakin tinggi kelulusan akademik seseorang itu, semakin lewat mereka berkahwin. Sebagai contoh, maklumat terperinci adalah seperti berikut:

| <u>Status</u> | <u>Umur Perkahwinan</u> |
|------------------|-------------------------|
| Tidak bersekolah | 20.7 tahun |
| Rendah | 21.6 tahun |
| Menengah Rendah | 21.7 tahun |
| Menengah | 23.4 tahun |
| Tingkatan Enam | 24.6 tahun |
| <i>Tertiary</i> | 25.6 tahun |

Oleh yang demikian, kementerian berpandangan bahawa keputusan untuk berkahwin atau tidak adalah merupakan keputusan individu yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan tiada formula khusus bagi memastikan golongan profesional wanita ini berkahwin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat telah mengutarakan isu gejala sosial pelajar-pelajar dan mencadangkan kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi mengenal pasti selok-belok latar belakang pelajar terbabit supaya perkhidmatan kaunseling sekolah dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan lain-lain agensi dalam menangani isu-isu gejala sosial. Penggubalan Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telah mengambil kira perancangan program dan kurikulum termasuk aktiviti kaunseling supaya dapat menangani penglibatan para pelajar di dalam isu gejala sosial. Satu panel penyelarasan isu remaja yang dipengerusikan oleh Kementerian Pelajaran serta diwakili oleh pelbagai agensi telah diwujudkan untuk melaksanakan Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara serta program-program bersesuaian agar penglibatan golongan remaja termasuk pelajar-pelajar sekolah di dalam gejala sosial dapat diatasi.

Melalui LPPKN, perkhidmatan kaunseling berkaitan remaja dijalankan secara individu dan kelompok yang diberikan melalui program kerjasama LPPKN negeri dengan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Kementerian turut mengalu-alukan saranan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff agar pendekatan menyeluruh secara Islam di dalam institusi kekeluargaan dimulakan di peringkat awal lagi. Dalam hubungan ini, melalui program kerjasama di antara LPPKN dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga, satu program baru berciri keislaman telah dilaksanakan untuk remaja iaitu "*smart solat*" bertujuan menerapkan nilai-nilai murni kepada para remaja.

Bengkel ini menggabungkan unsur-unsur rohani, praktikal dan jasmani yang dijalankan dalam bentuk ceramah, dialog dan aktiviti berkumpulan. Buat masa ini, program tersebut telah dimulakan dan dilaksanakan pada bulan Ramadhan. Sehingga 15 November 2005, 136 program

seumpamanya telah dilaksanakan di 136 kawasan Parlimen seluruh Malaysia yang melibatkan penyertaan 19,600 orang remaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee pula mengesyorkan agar kementerian melipatgandakan usaha ke arah mengenal pasti rakyat masih berada di tahap kemiskinan tegar. Pelbagai kemudahan dan skim bantuan telah disediakan oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu golongan tersebut. Namun demikian, usaha ini memerlukan komitmen secara bersepadu dari agensi kerajaan yang lain melalui pendekatan pembangunan insan yang dapat mengeluarkan mereka dari keadaan kemiskinan.

Langkah ini adalah selaras dengan usaha mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kelapan ke arah mengurangkan kadar kemiskinan mutlak kepada 0.5%. senario kehidupan rakyat yang masih berada dalam keadaan kemiskinan memerlukan kita semua untuk melihat semula strategi dan program pembasmian kemiskinan secara *holistic* dalam menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn telah mengemukakan cadangan untuk menubuhkan rumah perlindungan sementara atau *half way house* dengan izin, untuk wanita atau warga emas yang tinggal berseorangan di rumah apabila anak-anak keluar bekerja.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini telah terdapat 15 buah pusat jagaan harian warga emas yang telah beroperasi sepenuhnya sementara empat buah lagi masih dalam proses pembinaan. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian merancang untuk membina 10 buah lagi rumah pusat jagaan harian warga emas. Selain itu turut dirancang 50 buah pusat aktiviti warga emas yang akan ditumpukan di kawasan yang padat penduduk seperti di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin pula mencadangkan agar Program Literasi Undang-undang dapat diteruskan dan peruntukan dapat ditambah untuk menjalankan program tersebut. Kementerian ingin memaklumkan Yang Berhormat, Program Literasi Undang-undang ini merupakan salah satu program yang memang diberikan keutamaan dalam program pembangunan wanita setiap tahun dan akan diteruskan seperti cadangan Yang Berhormat. Program Literasi Undang-Undang yang telah dilaksanakan oleh badan pertubuhan bukan kerajaan dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga:

| Tahun | Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan | Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga |
|--------------|--|---|
| 2001 | 7 | - |
| 2002 | 25 | 143 |

| | | |
|------|-----|-----|
| 2003 | 33 | 163 |
| 2004 | 109 | 181 |
| 2005 | 11 | 67 |

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang turut disentuh oleh Yang Berhormat ialah sama ada Kementerian ada menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti punca mengapa golongan ibu atau bapa tunggal Melayu paling ramai tinggal di rumah-rumah orang tua. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian belum pernah menjalankan kajian seumpamanya.

Seterusnya cadangan Yang Berhormat agar rumah orang tua dapat diperbaiki dan kemudahan yang diperlukan ditambah dengan lebih baik dan lengkap. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM37.3 juta untuk menaik taraf rumah orang-orang tua yang sedia ada. Dengan peruntukan ini Kementerian berharap semua rumah orang tua dapat diperbaiki dan kemudahan dapat ditambah demi keselesaan penghuni. Akhir sekali berkenaan cadangan Yang Berhormat Datuk Idris Haji Buang supaya istilah ibu tunggal digantikan kepada istilah yang lebih sesuai.

Buat masa sekarang Kementerian belum bercadang untuk menukar penggunaan istilah ibu tunggal yang digunakan pada hari ini kepada satu istilah lain. Walaupun begitu Kementerian akan memberi pertimbangan sekiranya terdapat cadangan istilah yang bersesuaian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga persatuan-persatuan ibu tunggal. Sekali lagi pihak Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh pihak Kementerian dalam melaksanakan program dengan lebih lancar dan berkesan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi.

3.11 petang

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi lebih dikenali sebagai MOSTI dengan berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat demi usaha program dan strategi Kementerian. Masa depan ekonomi negara begitu banyak bergantung pada sejauh mana kita dapat menerapkan input sains teknologi dan inovasi dalam budaya kerja seterusnya dalam semua sektor ekonomi. Usaha ini sangat memerlukan minat dan gandingan semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mengenai sukatan yang diguna pakai untuk mengukur pencapaian Industri Bioteknologi Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri semasa menjawab soalan lisan berkaitan perkara yang sama pada 13 Disember tahun 2005 yang lalu sebagai bidang pertumbuhan baru dalam ekonomi negara, kerajaan menjangka menjelang tahun 2010 Industri Bioteknologi akan dapat menyumbang sebanyak 2.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK dan mewujudkan sebanyak 40,000 peluang pekerjaan. Seterusnya dijangka menjelang tahun 2020 akan menyumbang lima peratus kepada KDNK dan memberikan peluang pekerjaan kepada 160,000 pekerjaan.

Sudah semestinyalah dalam usaha mencapai siasatan di atas, kerajaan akan memantau aspek-aspek seperti jumlah pelaburan dalam Industri Bioteknologi, daya pengeluaran dan juga jumlah produk yang akan dihasilkan, tahap R & D dan inovasi oleh syarikat-syarikat serta tahap keberkesanan pengkomersialan R&D yang dihasilkan oleh universiti-universiti kita. Kerajaan juga akan menyelaraskan usaha menyediakan sumber-sumber ekonomi yang diperlukan oleh Industri Bioteknologi seperti pekerja-pekerja berilmu, *knowledge workers*, prasarana pembiayaan dan kewangan terutamanya modal teroka dan juga pasaran modal serta prasarana seperti pusat inkubator untuk latihan, teknologi telekomunikasi dan maklumat dan khidmat sokongan agar wujud satu konduksi *environment* ataupun keadaan sekitar kerja bagi industri untuk terus maju ke hadapan.

Usaha penyelesaian ini akan dilakukan menerusi *Malaysian Biotechnology Corporation* yang telah ditubuhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian MOSTI telah pun memohon peruntukan sejumlah RM3.1 bilion di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tujuan seperti yang dinyatakan di atas iaitu sama ada untuk pembiayaan dalam segi latihan dan modal insan dan termasuk jugalah pembangunan pusat-pusat kecemerlangan untuk bidang bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pertanyaan juga daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Puad, mengenai pelan tindakan yang telah dirumus untuk memastikan bahawa dalam usaha kita membangunkan Industri Bioteknologi termasuk *bio-pharmaceutical* kerajaan tidak mengabaikan hak asasi rakyat Malaysia terutamanya mereka yang berpendapatan rendah untuk terus mendapat ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan pada harga munasabah dan tidak membebankan.

Sebenarnya dengan wujudnya pusat-pusat kecemerlangan dalam bidang *pharmaceutical* dan juga *nutraceutical* dan juga dengan terhasilnya pakar-pakar di dalam kedua-dua bidang ini, dengan sendirinya industri ini akan dapat dibangunkan sama ada di dalam penghasilan modal insan termasuk jugalah menghasilkan produk-produk untuk pasaran tempatan dan juga pasaran luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar bioteknologi negara sememangnya mempunyai pendekatan serambang dua mata itu untuk membina kemakmuran ekonomi dan juga kesejahteraan sosial.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar. Saya diberitahu bahawa Kementerian Kesihatan dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengadakan pertukaran suka sama suka mengenai giliran. Selepas ini saya akan memanggil Kementerian Pengangkutan dan selepas Kementerian Pengangkutan Kementerian Kesihatan. Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya meneruskan. Kerajaan sentiasa mengambil berat dan melaksanakan tanggungjawab menyediakan khidmat dan produk penjanaan kesihatan yang boleh dicapai dan dinikmati oleh semua golongan rakyat dalam membangunkan bioteknologi penjagaan kesihatan ialah dengan menarik syarikat-syarikat *biopharmaceutical* untuk menjalankan operasi di Malaysia dengan matlamat agar syarikat-syarikat ini dapat menyediakan khidmat dan mengeluarkan produk yang bermutu tinggi serta dijual pada harga yang *very competitive* dan juga harga yang munasabah. Peningkatan ini akan disokong oleh pakej insentif yang sewajarnya yang akan ditawarkan oleh kerajaan kita daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan dan cadangan juga daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Haji Mohd. Puad supaya memperkemas kerjasama di antara institusi R & D dan sektor swasta sebagai rakan kongsi dalam industri dan pengkomersialan hasil R & D serta mengkaji semula sektor pembahagian royalti dan pengkomersialan hasil-hasil R & D .

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi telah mengambil berbagai-bagai langkah bagi mewujudkan kerjasama yang erat di antara institusi-institusi R & D . Institusi Pengajian Tinggi Tempatan, IPTA dan juga industri tempatan. Dalam pembiayaan geran R & D adalah disyaratkan supaya projek-projek hendaklah dijalankan berorientasikan permintaan pasaran.

Sehubungan dengan ini wakil-wakil industri dijemput untuk mengundi panel-panel penilaian projek bagi memberi input mengenai kesesuaian projek dengan permintaan dan keperluan industri. Sebagai contohnya sekarang kita ada skim dikenali sebagai IGS Industri Geran Skim, MGS Multimedia Geran Skim yang mana geran-geran ini adalah dipohon oleh pihak swasta bersama dengan pusat-pusat pengajian tinggi ataupun institusi penyelidikan tempatan untuk mendapatkan bantuan ini. Berkenaan dengan pembahagian royalti hasil daripada pengkomersialan R & D , kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan, bilangan lima tahun 1999 yang telah menetapkan pengagihan royalti bagi penyelidik-penyelidik universiti penyelidikan awam.

Bagi pembiayaan projek-projek R & D yang melibatkan pihak industri, perjanjian di antara MOSTI dan penerima geran akan ditandatangani bagi tujuan untuk menetapkan pengagihan royalti seperti yang saya sebut tadi ada dua kemudahan skim yang boleh dipohon bersama oleh industri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad yang menyarankan pegawai-pegawai yang terlibat dalam urusan pinjaman dan dana dalam bidang bioteknologi dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat salah satu daripada 9 perkara utama iaitu teras yang keenam, yang diberikan penekanan dalam dasar bioteknologi negara ialah pembangunan prasarana kewangan dan pembiayaan. Kerajaan sememangnya mengambil kira keperluan tersebut dan melalui Malaysian Biotechnology Corporation, kerajaan akan menyediakan latihan untuk ahli profesional dalam sektor kewangan Malaysia berkenaan penilaian ke atas cadangan projek bioteknologi, penilaian ke atas aset, *asset intellectual*, penilaian dan pengurusan risiko serta menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat modal teroka dari dalam dan luar negara untuk sama-sama turut membiayai usaha pendidikan dan pengkomersialan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng yang mencadangkan kepada kementerian supaya mengawasi aliran dana Malaysian Life Sciences Capital Fund, terutamanya untuk projek-projek usaha sama Malaysia dan syarikat luar ataupun asing serta memantau perbadanan yang mengendalikan dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2006, dana Malaysian Life Sciences Capital Fund ini akan diuruskan oleh MTDC (Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd) iaitu sebuah syarikat modal teroka di bawah pemantauan MOSTI. Sebagai tambahan Khazanah Nasional Bhd yang merupakan pemegang saham majoriti di dalam MTDC juga akan memainkan peranan yang besar di dalam memantau pengendalian dana serta juga bersama MTDC/MOSTI. MOSTI bersama-sama Kementerian Kewangan, Khazanah Nasional serta Bank Negara akan mengawasi aliran dana Malaysian Life Sciences Capital Fund ini melalui mekanisme pemantauan yang sedia ada dan yang mungkin dibuat daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha dan program serta strategi kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat membantu kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita dan rakyat kita keseluruhannya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kini saya menjemput Yang Berhormat yang mewakili kuasa-kuasa di bawah Kementerian Pengangkutan. Kalau tadi saya

mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kini Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. [*Tepuk*]

3.23 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih semua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meluahkan sedikit rasa tidak begitu senang dengan jawapan-jawapan yang saya akan kemukakan, yang ditujukan kepada MAS iaitu kemungkinan kalau sesuatu jawapan ini yang tidak jelas, saya minta izin Dewan ini untuk menjawab secara bertulis dan saya juga diberitahu pihak MAS akan memberi satu *briefing* kepada Dewan Senate pada malam ini. Jadi apa yang

Tuan Yang di-Pertua: Itu memang benar Yang Berhormat, kita telah menerima jemputan untuk diberi taklimat oleh pihak....

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Taklimat.

Tuan Yang di-Pertua: Malaysian Airlines System.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau ada jawapan-jawapan yang tidak memuaskan saya minta jasa baik Yang Berhormat dapat saya teruskan jawapan ini dan sebarang jawapan yang tidak memuaskan itu, tidak meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat, dapat dijawab pada malam ini ataupun saya akan menjawabnya dengan cara bertulis kemudian. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta izin sedikit, saya telah berpesan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa perbahasan...

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: [*Berdiri*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk dahulu Yang Berhormat, dengan izin, saya telah berpesan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan dalam Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat berhak menimbulkan isu-isu. Pihak kerajaan selaku pemerintah pula berhak untuk menjawab secara terus dan langsung. Untuk menjawab secara berhikmah atau berhelah itu juga hak kerajaan sebagai pemerintah dan juga berhak untuk tidak menjawab langsung. Ini merupakan perbahasan dan tidak perlulah Yang Berhormat kkuatir, tiap-tiap persoalan itu mesti dijawab seolah-olah soalan peperiksaan itu, ini perbahasan. Terima kasih, begitulah caranya saya hendak kendalikan perbahasan di dalam Dewan mewakili pemerintah, hak Yang Berhormat hendak jawab, hendak jawab sipi-sipi atau tidak mahu jawab langsung.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijak. Tuan Yang di-Pertua ingin saya merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Wan Nordin bin Che Murat berhubung dengan kerugian penerbangan MAS - RM100 juta adalah disebabkan pengurusan yang gagal memikulkan tanggungjawab dengan sempurna. Untuk makluman Yang Berhormat Wan Nordin bin Che Murat, setakat ini kenaikan harga minyak telah menyumbang kepada kerugian yang dialami oleh MAS. Pengarah Urusan baru MAS Encik Idris Jala telah mengumumkan usaha mengawal perbelanjaan akan dilaksanakan ketat dan satu *turn around plan* untuk MAS akan dibentangkan pada bulan Februari 2006.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee berhubung dengan isu mengenai tiga keping gambar berjumlah RM1.5 juta untuk pejabat Pengerusi MAS. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee MAS perlu membuat perbelanjaan dari masa ke semasa untuk menjaga taraf premis MAS. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee mengenai seorang warga asing yang bernama Chris Andrew dilantik sebagai *consultant* kepada MAS dengan bayaran RM7,525 sehari. Bagi pihak MAS jumlah yang dibayar kepada Chris Andrew sebagai *senior manager* tidak jauh berbeza dari *senior general manager* MAS yang lain dari segi pakej keseluruhannya. Menyentuh mengenai isu seorang.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, saya agak keliru juga tadi apabila disebut tentang lukisan bahawa ini adalah perbelanjaan dari masa ke semasa oleh MAS seolah-olah satu perkara yang amat menghairankan, maksudnya pembelian lukisan adalah sebagai perbelanjaan dari masa ke semasa untuk bangunan MAS. Jadi saya rasa ini tidak wajar dan saya ada menyebut juga bahawa, boleh atau tidak lukisan itu dijual balik dan diserahkan kepada MAS sebagai satu tanggungjawab sebenarnya oleh Pengerusi MAS yang membeli lukisan ini dengan harga RM1.55 juta. Apakah maksudnya jawapan hanya setakat untuk mengatakan perbelanjaan dari masa ke semasa? Saya rasa tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sekali lagi Yang Berhormat izinkan saya membuat sedikit penjelasan. Saya di sini ditugaskan kendalikan satu perbincangan lebih saya tidak diberi amanah untuk kendalikan soal siasat, interrogation. I am not here to preside over an interrogation I am here to preside over a debate, the Upper House of the Parliament of Malaysia.

Tahap ketelusan, *degree of transparency*, yang hendak dihayati oleh pemerintah adalah pilihan pemerintah. Pemerintah atau mereka yang mewakili pemerintah boleh memilih untuk tak mahu jadi telus langsung dan menghadapi rakyat dalam pilihan raya dalam keadaan itu. Atau pemerintah nak layan, memberi ketelusan sepenuhnya,. membongkar segala rahsia-rahsia

negara, itu pun pilihan pemerintah. Saya tidak boleh menidakkan hak pemerintah untuk memilih tahap ketelusan atau pun *the degree of the transparency in which they are held accountable*. *They choose what degree they are to be held accountable*. Jadi saya perlu berhati-hati di sini, supaya perbahasan tidak menjurus kepada soal-siasat atau pun *an introgation*. Jadi mendengar penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat, saya serahlah kepada Yang Berhormat untuk menangani perkara ini.

[Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rasa saya, saya tak perlu jawablah pasal perkara itu dan macam saya telah perkatakan daripada awal tadi, kemungkinan jawapan-jawapan ini tidak memuaskan, tapi saya minta, kemungkinan dalam masa pertemuan pada malam ini atau pun pada masa-masa hadapan, dapat saya jawabkan dengan cara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh mengenai isu seorang bekas *Senior Executive*..

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Yang Berhormat. Kalau saya diizin guna bahasa Inggeris, saya mohon maaf. *I cannot allow this debate to degenerate into an argument or an interrogation*. Jadi saya harap Yang Berhormat memahami pendekatan yang saya ambil, silakan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih. Menyentuh mengenai isu seorang bekas *Senior Executive* di British Airways bernama Peter Reads, yang dikatakan mula menjawat jawatan sebagai *Director Operation* di MAS, pelantikan Peter Read selaku *Director Operation*, bagi MAS telah pun diumumkan oleh Encik Idris Jala, Pengarah Urusan MAS. Berhubung dengan cadangan untuk menubuhkan sebuah badan penyiasatan, untuk menyiasat mengenai kerugian MAS yang dikatakan sebenarnya bukan berpunca daripada kerugian operasi domestik MAS, tetapi penyelewengan yang dilakukan di dalam MAS. Pengarah Urusan MAS Encik Idris Jala, seperti yang saya perkatakan awal tadi, akan membentangkan *turn around plan* untuk MAS pada bulan Februari 2006.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada cadangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, mengenai supaya MAS tidak perlu menghidangkan arak untuk penerbangan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini tidak mempunyai rancangan untuk tidak membenarkan MAS menyediakan minuman arak di dalam penerbangan antarabangsa. Sebagai sebuah syarikat penerbangan antarabangsa, MAS menyediakan perkhidmatan bagi penumpang yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Faktor persaingan dengan syarikat-syarikat antarabangsa lain dari segi perkhidmatan dan hidangan juga diambil kira. Dalam hal ini, MAS akan menghidangkan arak di dalam perkhidmatan hanya di atas permintaan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, mengenai pihak MAS telah melantik dan membayar konsultan Bina Fikir untuk memulihkan MAS dengan memperkenalkan WAU. Walau bagaimanapun, MAS masih lagi

mengalami kerugian. Apakah kos yang dibayar kepada pihak konsultan tersebut? Sama ada perlu pihak konsultan membayar ganti rugi atau memberi khidmat percuma kepada MAS? Ketua Eksekutif MAS yang baru perlu diberi kuasa penuh untuk melaksanakan pemulihan MAS tanpa ada campur tangan pihak-pihak lain dan perlu ada jaminan bahawa tiada pembuangan kakitangan melalui Skim VSS dalam proses pemulihan MAS. Untuk makluman Yang Berhormat

...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang terhormat minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih. Saya bukan..

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat kemukakan penjelasan yang diminta, saya ingin membaca Peraturan Mesyuarat 36. Dan bila saya baca Peraturan Mesyuarat 36 ini, hayatilah ia bukan seperti ada orang-orang Melayu, orang-orang Islam menghayati satu ayat dalam surah An-Nisa' dalam Al-Quran yang menyatakan bahawa, maka kahwinlah kamu, dua, tiga, atau empat. Walau bagaimanapun, kahwin hanya satu. Dia kata, Tuhan kata kahwin dua, tiga, empat dulu. Kita tak kira yang walau bagaimanapun. Jadi saya nak baca Peraturan 36 ini. 36 berbunyi, "seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap" kecuali betul-betul dalam surah An-Nisa'. Kecuali (a), jika mengeluarkan teguran berkenaan tertib mesyuarat. Kena sebut Peraturan Mesyuarat berapa? Apa sebab bangun ganggu? (b), jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah, dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi. Maka, semangat Peraturan ini ialah peluang bangun untuk minta penjelasan ialah satu keistimewaan sepertimana kebenaran kahwin dua, tiga, empat ialah satu keistimewaan, yang ditekankan hanya satu.

Jadi, janganlah salah guna peluang bangun mohon laluan itu untuk mula *interrogation*, kerana Dewan Negara tak boleh mengambil alih fungsi Lembaga Pengarah MAS. Dewan Negara tak boleh mengambil alih fungsi Mesyuarat Agung syarikat penerbangan MAS. Dewan Negara ada fungsinya dan berjalan mengikut peranan yang ditetapkan untuknya. Jadi silakan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas penjelasan tersebut. Cuma tadi apabila jawapan itu dikemukakan, dikaitkan dalam satu ayat Bina Fikir dengan VSS, maka dia tidak menjawab apa yang dibangkitkan iaitu apakah sebenarnya hujah-hujah yang dikemukakan oleh Bina Fikir bahawa mereka adalah penyelamat MAS dengan sistem WAU yang digunakan. Sebab itulah, bila diperkatakan tentang MAS terus rugi. Sepatutnya kita ingin tahu, apa sebenarnya langkah-langkah, tindakan, inisiatif yang telah diambil oleh MAS melalui Konsultan Bina Fikir dengan sistem WAU yang dipergunakan itu. Itu yang tidak diperjelaskan, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab saya mengatakan, ini pun..

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan pun diminta dengan bijak, maka jawapan pun hendak ditangani dengan bijak.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Itu sebab, saya telah mengatakan bahawa ini semua akan diambil kira dan inilah sesuatu yang akan dikaji oleh pihak pengurusan iaitu *Chief Executive* yang baru. Oleh sebab itu, beliau memerlukan masa hingga bulan Februari untuk mengkajikan semua kesilapan yang telah dilakukan dalam masa yang telah berlalu. Jadi sebab itu saya mengatakan, jawapan ini banyak berkaitan dengan apakah tindakan pelan *Chief Executive* ini untuk dia memulihkan keadaan dalam MAS.

Mengenai mengapa kaunter jualan tiket MAS terletak di aras ketibaan dan tiada kaunter di aras pelepasan seperti dilakukan oleh Singapore Airlines. Kaunter tiket jualan MAS hanya terletak aras di ketibaan dengan ruang yang lebih selesa memandangkan aras pelepasan yang mempunyai ruang agak terhad.

Berhubung dengan kenyataan *Air Asia* telah melaksanakan penjualan tiket melalui internet, mengapa MAS tidak melaksanakannya? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, MAS ada menyediakan perkhidmatan penjualan tiket melalui internet.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang meminta perkembangan semula pembinaan terminal bas di Butterworth, seperti yang telah kita maklumkan semasa jawapan lisan pada 13 Disember 2005, kerja-kerja awalan bagi pembinaan kompleks pelabuhan di Butterworth sedang dijalankan. Untuk makluman, pembangunan kompleks pelabuhan akan dilaksanakan oleh Penang Port Sdn. Bhd. yang juga akan menanggung kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff berkenaan keperluan sebuah pelabuhan di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, buat masa sekarang telah terdapat pelabuhan Kuantan dan pelabuhan Kemaman yang berupaya menampung keperluan eksport dan import di Pantai Timur. Dalam membina sesebuah pelabuhan, banyak faktor yang perlu dipertimbangkan seperti *feasibility* dan *viability* pelabuhan yang akan dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff yang meminta menyatakan kedudukan kewangan dan pengurusan KTMB terkini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, KTMB sering mengalami kerugian disebabkan pendapatannya yang tidak dapat menampung perbelanjaan. Usaha untuk menggandakan hasil adalah terhad disebabkan pelbagai halangan, *constraint*, terutamanya landasan, jambatan dan stok kereta yang uzur serta landasan tunggal yang menghadkan bilangan *train*. Di samping itu, KTMB terpaksa

menanggung kenaikan kos terutamanya kos bahan api, penyelenggaraan stok kereta dan perbelanjaan kakitangannya.

Sehingga November 2005, kerugian terkumpul KTMB bagi tahun ini ialah sebanyak RM100 juta. Kedudukan aliran tunai masih kukuh selepas kerajaan memberi suntikan kewangan ataupun *funding gap* sebanyak RM100 juta dalam bulan Ogos yang lalu. Sebenarnya bagi menampung kekurangan hasil demi untuk meneruskan perkhidmatan, untuk *essential service* ini, kerajaan telah memberi suntikan kewangan antara RM95 juta hingga RM160 juta setahun kepada KTMB.

Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah diperbadankan kepada Kereta Api Tanah Melayu Berhad pada 1 Ogos 1992 dan pentadbirannya diterajui oleh pengurusan dalaman. Pengurusan KTMB pada masa ini diterajui oleh Datuk Mohd. Salleh Abdullah sebagai Pengarah Urusan. Beliau telah berkhidmat dengan KTMB sejak tahun 1974. Sebelum dilantik sebagai Pengarah Urusan pada tahun 2002, beliau telah memegang jawatan Pengurus Besar Pengurusan Projek. Pengurusan Kanan KTMB yang lain merupakan pegawai dalaman KTMB yang mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang 'pengkeretapian'.

Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab kementerian yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tadi saya menjemput Yang Berhormat yang mewakili kuasa-kuasa Kementerian Pengangkutan, kini saya menjemput Yang Berhormat Menteri yang memegang kuasa-kuasa di atas Kementerian Kesihatan.

3.44 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2006 yang menyentuh perkara-perkara yang berhubung kait dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae ada menyentuh tentang wabak penyakit selesema burung yang melanda negara-negara di dunia terutama di benua Asia. Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai agensi kerajaan iaitu Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan. Di antara langkah-langkah pencegahan dan pengawalan yang telah diambil adalah:

- i) menjalankan pemantauan penyakit *Avian Influenza* secara aktif dan pasif di kalangan ternakan ayam, itik, burung dan burung liar;

- ii) melarang import unggas dan produknya dari negara-negara yang mengalami wabak *Avian Influenza*; dan
- iii) menyediakan satu pelan tindakan yang menyeluruh termasuk cara pemantauan, cara-cara pemusnahan ternakan dan dekontaminasi jika wabak ini berlaku di Malaysia.

Ketiga-tiga perkara yang disebut di atas dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kementerian Kesihatan. Dan langkah-langkah pencegahan dan pelan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan pula adalah seperti berikut:

- i) menjalankan pemantauan penyakit *Influenza Light Illness* atau penyakit *Atypical Pneumonia*, dengan izinnya dan pemantauan virus *Influenza*;
- ii) menyediakan satu garis panduan yang menyeluruh mengenai penyakit *Avian Influenza* jika ia berlaku di kalangan manusia. Di dalam garis panduan ini, perkara-perkara yang berhubung kait dengan pemantauan, tindakan kesihatan awam yang perlu diambil, isolasi, rawatan pesakit, protokol dan nasihat-nasihat kepada pekerja ladang dan kesihatan telah dinyatakan dan garis panduan ini boleh diperolehi di laman web;
- iii) menghasilkan kertas maklumat mengenai penyakit *Avian Influenza* dan disebarkan kepada orang ramai melalui laman web; dan
- iv) Bagi menghadapi kemungkinan berlaku *Pandemic Influenza*, kementerian telah menghasilkan dokumen yang dinamakan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan*.

Pelan ini secara umumnya menggariskan tentang kesiapsediaan dan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian dalam menghadapi *Pandemic Influenza*. Ia termasuk tindak balas perubatan dalam merawat dan menjaga pesakit selepas burung dan juga tindak balas kesihatan dalam mengawal penyakit daripada merebak. Ia termasuk memperkukuhkan sivil, pengesanan kes dan *contact* kuarantin kes di rumah dan penyaringan di pintu masuk, pemberian maklumat kepada orang ramai melalui aktiviti komunikasi, risiko dan polisi mengenai penubuhan tempat-tempat awam, pembatalan majlis keramaian awam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya minta izin. Bagi memanfaatkan kehadiran Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, sukalah saya menjelaskan bahawa penerangan yang saya buat mengenai Peraturan Mesyuarat 36 tadi ialah demi meningkatkan prestasi Dewan supaya menepati Peraturan-peraturan Mesyuarat. Janganlah penerangan saya tadi membuatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat takut langsung hendak minta laluan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak, perbincangan tidak hidup.

Tetapi boleh minta penjelasan, janganlah cabar untuk *pin down the answer* atau janganlah seolah-olah mahu soal siasat atau *interrogate*. Minta penjelasan dengan laluan yang

diberi untuk menjelaskan sesuatu perkara yang agak kesamaran faham. Jadi janganlah terlalu terkongkong dan jangan pula terlalu liar sehingga melampaui batasan-batasan Peraturan Mesyuarat. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua ialah panduan dan penyelarasan aktiviti yang perlu dijalankan dan diambil sebelum, semasa, dan selepas berlakunya *Pandemic Influenza*. Dia telah diselaraskan oleh jawatankuasa teknikal atau perancang bagi *Pandemic Influenza* yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Yang ketiga ialah peranan dan tanggungjawab kementerian dan jabatan lain, selain daripada Kementerian Kesihatan yang akan terlibat dalam menghadapi *Pandemic Influenza* dan ia diselaraskan oleh jawatankuasa antara kementerian bagi *Pandemic Influenza* dan ia dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan dan semua jabatan kesihatan negeri juga membuat persediaan di peringkat masing-masing dan Jawatankuasa Pandemic Influenza telah dibentuk dan diaktifkan di beberapa buah negeri. Bagi mendapatkan komitmen daripada semua pihak kementerian telah menyediakan satu memorandum Kabinet untuk memaklumkan kepada jemaah menteri mengenai kesiapsediaan yang telah dan perlu diambil bagi menghadapi *pandemic influenza*. Dalam memastikan pelan kesiapsediaan tersebut dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancangkan. Beberapa isu utama telah dikemukakan dan di antaranya ialah:

- (i) pemberian dan penyimpanan ubat anti *viral*;
- (ii) menaikkan taraf wad asing atau *isolation ward*, dengan izin, dengan kemudahan rawatan yang sepatutnya.

Menaikkan taraf kemudahan diagnostik di hospital seperti makmal, pemberian dan penyimpanan alat perlindungan diri, pemberian vaksin influenza kepada kakitangan dari perkhidmatan yang kritikal, memperkukuhkan *civilian* penyakit dan virus influenza dan pemberian maklumat kepada orang ramai melalui aktiviti komunikasi risiko. Latihan berterusan kepada kakitangan kesihatan dan perubatan dan akhir sekali ialah kajian dalam bidang berkaitan dengan wabak selesema burung termasuklah meningkatkan kefahaman perubatan berhubung dengan jangkitan virus ini, pembangunan vaksin baginya.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga membangkitkan tentang perlunya diperketatkan saringan di pintu masuk di negara ini bagi mengelak warga asing membawa bersama penyakit ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini jangkitan selesema burung adalah daripada unggas kepada manusia sahaja dan bukanlah daripada manusia kepada manusia. Maka, penyaringan di pintu masuk tidak perlu dilakukan buat masa ini. WHO juga tidak menganjurkan langkah penyaringan di pintu masuk di sesebuah negara bagi penyakit influenza manusia memandangkan virus ini boleh disebarkan oleh orang yang dijangkiti sebelum dia menunjukkan sebarang gejala influenza.

Menyentuh tentang isu kempen anti merokok 'Tak Nak', sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin yang mengatakan bahawa ia tidak

berkesan. Ingin dinyatakan bahawa kenyataan tersebut adalah kurang tepat. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian penilaian kempen media 'Tak Nak' bagi Fasal Pertama telah dijalankan pada Disember 2004 sehingga Februari 2005.

Kajian ini dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia. Bilangan responden kajian ialah sebanyak 4,578 orang yang terdiri daripada perokok dewasa 2,007 orang, bukan perokok dewasa 1,560 orang dan remaja 1,011 orang yang melibatkan responden dari 6 negeri iaitu Kedah, Johor, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Hasil kajian telah menunjukkan beberapa petunjuk positif berikutan dengan pelaksanaan kempen tersebut. Antaranya ialah:

- (i) berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan perokok, bukan perokok dan remaja tentang bahaya tabiat merokok;
- (ii) meningkatkan tahap pengetahuan akibat tabiat buruk merokok;
- (iii) dapat mendorong keinginan untuk berhenti merokok; dan
- (iv) berjaya menggalakkan remaja untuk tidak mula merokok.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian bahawa walaupun kesedaran meningkat tetapi sebahagian besar ini, kesedaran ini tidak tercermar dalam soal amalan dan tingkah laku dan mereka masih merokok. Apa yang perlu diperbaiki oleh Kementerian Kesihatan ialah penggunaan kaedah-kaedah yang lebih efektif untuk menyampaikan mesej-mesej anti merokok pada tahun-tahun yang akan datang supaya lebih meluas dan sampai ke peringkat akar umbi.

Berhubung permintaan supaya kerajaan membantu rakyat terutama golongan yang berpendapatan rendah bagi membeli ubat-ubatan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat *pharmaceutical* antarabangsa dan tempatan yang dikatakan begitu tinggi harganya dan tidak mampu dibayar oleh sebilangan besar rakyat negara ini. Ingin dinyatakan di sini bahawa harga ubat-ubatan yang ada di pasaran pada masa ini bukanlah ditentukan oleh pihak kementerian.

Walau bagaimanapun, bagi ubat yang dibekalkan kepada Kementerian Kesihatan pihak kementerian telah melaksanakan beberapa usaha untuk mengawal harganya iaitu melalui rundingan harga setiap tiga tahun dengan syarikat konsesi *pharmaceutical* iaitu *Pharma Niaga Logistik Sdn. Bhd.* Melalui cara ini harga ubat-ubatan untuk kegunaan kementerian adalah ditetapkan dan dikawal untuk tempoh 3 tahun. Bagi ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh syarikat konsesi, kementerian akan membeli melalui proses tender dan melalui cara ini harga ubat juga dapat dikawal untuk tempoh selama 2 tahun. Sekiranya sesuatu jenis ubat itu hendaklah digunakan oleh sesebuah hospital dalam amaun yang sedikit, pemberian runcit boleh dilakukan melalui proses sebut harga oleh hospital berkenaan.

Terdapat banyak ubat-ubatan yang didaftarkan dengan pihak berkuasa kawalan dadah untuk kegunaan pesakit dan sehingga Oktober 2005 terdapat 10,317 jenis ubat dan racun yang boleh dibekalkan oleh doktor dan ahli farmasi kerajaan. Ubat-ubatan ini telah disahkan selamat,

berkualiti dan berkesan dan para pesakit boleh memilih untuk mendapatkan rawatan sama ada dengan ubat *barbeton*, yang lazimnya lebih mahal atau sebaliknya menggunakan *generic* yang lazimnya lebih murah.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin penjelasan, setiap tahun berapakah kos yang negara kita terpaksa berbelanja dalam segi pengimportan ubat-ubat untuk keperluan hospital di seluruh negara sehingga sekarang?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbelanjaan yang ditanggung oleh Kementerian Kesihatan, untuk tahun ini dianggarkan Kementerian Kesihatan akan menanggung hanya untuk ubat-ubatan dalam nilai RM850 juta dan kebanyakan ini adalah ubat-ubatan hasil tempatan walaupun ada sebahagiannya kalau *Barberton* ia adalah import. Tetapi dari segi nilai saya tidak dapat bagilah dengan terperinci.....

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat sila teruskan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad ada membangkitkan tentang isu perlunya doktor-doktor perubatan diberikan kebenaran untuk mengamalkan *integrated medicine*. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sememangnya mempunyai hala tuju ke arah merealisasikan *integrated medicine*. Sejak tahun 1997, kementerian telah mengenal pasti badan-badan pengamal yang akan membantu kementerian dalam mendaftarkan pengamal-pengamal perubatan tradisional dan *complimentary*. Pada masa ini pendaftaran dan pengeluaran sijil adalah di bawah badan pengamal masing-masing dan ia bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian.

Setakat ini kementerian masih belum membenarkan doktor-doktor yang mempunyai kelayakan MBBS untuk mengamalkan perubatan tradisional dan *complementary* kerana mereka tertakluk dengan Akta Perubatan 1971. Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad juga meminta penjelasan kementerian tentang dakwaan bahawa terdapat seorang pesakit daripada Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Melaka yang telah dipindah ke wad Rawatan Rapi Hospital Kuala Lumpur tetapi meninggal dunia akibat wad ICU Hospital Besar Kuala Lumpur yang penuh.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes pesakit ICU akan dipindahkan dari satu hospital ke satu hospital yang lain amalan pemindahan perlu melalui sistem rujukan, di mana doktor dari hospital yang merujuk perlu terlebih dahulu memberitahu doktor di hospital di mana pesakit itu akan dipindahkan. Tindakan ini adalah untuk memastikan pesakit yang dirujuk mempunyai katil di ICU hospital yang akan dipindahkan dan juga untuk memastikan pemindahan

pesakit berjalan lancar tanpa masalah. Pihak kementerian akan menyasat tentang kes yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah kemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang perbahasan di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan ini akan diambil perhatian serta tindakan oleh kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Seterusnya saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pelancongan.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah sama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai Kementerian Pelancongan dan memberi pandangan serta cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam pada 13 Disember yang lalu telah memberi cadangan supaya Kementerian Pelancongan memperhebatkan lagi promosi pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam usaha untuk memperhebatkan promosi pelancongan. Di antara usaha-usaha tersebut adalah:

- i) memberi tumpuan kepada promosi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul dan *value for money*, dengan izin dirantau ini menerusi kempen pengiklanan antarabangsa dengan *branding* yang konsisten iaitu Malaysia Truly Asia dengan mensegmentasikan wilayah-wilayah pasaran mengikut kepentingan-kepentingan kehendak pasaran;
- ii) melaksanakan usaha-usaha pengiklanan *thematic* dan *tactical* dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi ketibaan lebih ramai pelancong berkualiti dari pasaran jarak sederhana dan jauh yang mampu berbelanja besar dan tinggal lebih lama di negara ini;
- iii) melipatgandakan usaha-usaha promosi pelancongan seperti menganjurkan misi galakan pelancongan, promosi makanan dan kebudayaan, mengambil bahagian dalam pameran pelancongan antarabangsa, menganjurkan seminar dan sebagainya;
- iv) menggalakkan program lawatan suai kenal untuk pengusaha pelancong dan wakil media asing dalam program yang dikenali sebagai *Mega Fam* atau lawatan suai kenal secara mega bagi memperkenalkan destinasi

- pelancongan dan acara-acara yang dianjurkan di negara ini seperti acara Karnival Jualan Mega, Citra Warna Malaysia dan sebagainya;
- v) memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi MICE atau dengan izin, (*Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions*) dengan memberikan penekanan terhadap keunggulan produk-produk pelancongan yang terlibat dalam bidang MICE dengan memberikan penekanan untuk mendorong persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan syarikat-syarikat multinasional supaya menganjurkan mesyuarat dan persidangan mereka di negara kita;
 - vi) mempromosikan produk khas seperti pelancongan kesihatan Malaysia Rumah Kedua Ku atau dikenali sebagai Malaysia *My Second Home*, pelancongan pendidikan atau *Edu-tourism* dengan izin, pelancongan eko atau *ecotourism* dan pelancongan sukan;
 - vii) bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan tempatan untuk memasarkan Malaysia amnya dan produk-produk pelancongan yang terdapat di Selangor khususnya di pasaran-pasaran antarabangsa melalui pembangunan pakej-pakej pelancongan;
 - viii) menyertai pameran-pameran antarabangsa pelancongan seperti *World Tourism Mart*, ITB (*International Tourism Bureau*) di Berlin, ATM (*Arabian Travel Mart*) CITM (*Chinese International Travel Mart*) dan sebagainya; dan
 - ix) bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan utama dan LCC atau dengan izin *low cost carrier* untuk menambah jumlah tempat duduk, kekerapan dan kemudahsampaian atau dengan izin *accessibility* kepada bakal-bakal pelancong daripada luar untuk datang ke Malaysia.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam supaya diadakan program lawatan ke destinasi pelancongan di sekitar negeri Selangor, sukacita dimaklumkan bahawa program lawatan ke destinasi-destinasi pelancongan adalah berdasarkan kepada susunan program yang dibuat oleh operator pelancongan dan pelancong akan memilih sendiri program lawatan yang diinginkan. Akan tetapi, Kementerian Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* ada menjalankan promosi bagi destinasi-destinasi seperti Kampung Kuantan di Kuala Selangor yang mempunyai kelip-kelip sebagai salah satu destinasi pelancongan berunsurkan eko pelancongan dengan daya tarikan utamanya iaitu kelip-kelip yang telah saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, Batu Caves juga dipromosikan sebagai destinasi pelancongan berunsurkan keagamaan dan Kampung Banghuris di Sepang pula sebagai destinasi *homestay*. Selain dari destinasi-destinasi berkenaan *Tourism Malaysia* juga turut mempromosikan acara-acara sukan bermotor seperti perlumbaan F1 yang diadakan di sekitar Sepang Selangor dan

Motor GP serta pelbagai lagi pelancongan sukan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan yang Menterinya berpakaian cerah pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad semasa sidang Dewan Negara pada 15 Disember berhubung dengan apartmen-apartmen yang tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan tidak melaksanakan pendaftaran dan pengelasan bagi apartmen-apartmen. Pendaftaran dan pengelasan yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan adalah bagi taraf bintang atau taraf orkid di mana ianya dibuat bagi hotel-hotel biasa sama ada diberi taraf bintang atau taraf orkid.

Oleh itu, jika terdapat aduan daripada orang ramai terutamanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkhidmatan hotel-hotel berdaftar dan dikelaskan oleh kementerian, maka pemeriksaan semula akan dijalankan ke atas hotel-hotel tersebut. Kementerian boleh menurunkan bintang atau orkid hotel-hotel tersebut jika didapati tidak menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan akan terus menjalankan usaha-usaha pemantauan dan promosi pelancongan yang agresif dari masa ke semasa bagi memastikan jumlah ketibaan pelancong dan jumlah pendapatan negara melalui industri pelancongan akan terus meningkat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya minta Yang Berhormat mewakili Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

4.09 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingham]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006, terutamanya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Datuk Jins Shamsudin dan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik kerana telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin membangkitkan isu cetak rompak CD/VCD yang telah menjejaskan industri muzik dan juga mengurangkan kutipan cukai kepada kerajaan.

Kegiatan cetak rompak CD menyebabkan panggung wayang dan kedai menjual CD ditutup kerana tidak dapat bersaing dengan CD cetak rompak yang dijual pada harga lebih murah. Malah dikatakan Malaysia mengeksport CD, VCD cetak rompak ke negara-negara luar. Oleh itu dicadangkan undang-undang yang mengharamkan penjualan CD, VCD di kawasan terbuka dikaji semula oleh kerajaan mengawal lesen yang mengeluarkan CD, VCD sistem *hologram* yang kurang sempurna, menetapkan kilang-kilang berkenaan dalam satu kawasan

custom bounded area dengan izin dan cadangan-cadangan lain bagi mengawal pengeluaran dan penjualan CD VCD cetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyedari kegiatan cetak rompak CD, VCD berlaku dan kementerian sentiasa berusaha bagi membanteras kegiatan cetak rompak bukan sahaja dari segi penguatkuasaan, malah juga meningkatkan kesedaran serta pendidikan di kalangan peniaga dan juga pengguna. Keputusan kerajaan untuk mengharamkan penjualan CD, VCD tempat-tempat terbuka sejak 8 Ogos 2001, adalah antara usaha untuk membanteras kegiatan pengedaran CD, VCD haram yang banyak dikesan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga yang beroperasi di tempat-tempat, seperti di kaki lima, gerai tanpa nombor dan pasar-pasar malam. Berasaskan kepada statistik kes tangkapan yang dibuat oleh Kementerian sejak 1 Oktober 2003 hingga 15 Disember 2005, 742 daripada keseluruhan 1,298 kes tangkapan adalah dibuat di tempat-tempat terbuka. Ini menunjukkan kegiatan pengedaran CD, VCD masih berlaku di tempat-tempat berkenaan.

Melalui pemeriksaan yang dijalankan, di dapati kegiatan CD, VCD cetak rompak, lebih cenderung dijalankan di tempat-tempat terbuka kerana mudah bagi peniaga-peniaga terbabit melarikan diri apabila tindakan diambil terhadap mereka. Dalam hubungan ini, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan penjualan CD, VCD di tempat-tempat terbuka. Berhubung dengan penipuan dalam penggunaan *hologram* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin, kementerian menyedari tentang perkara tersebut dan telah mengambil langkah-langkah yang lebih tegas bagi membanteras penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga.

Bagi tahun ini, sebanyak 1669 kes telah diambil di bawah perintah Perihal Dagangan Label Tulen 2002 melibatkan penyitaan produk cakera optik bernilai RM9.48 juta dan kompaun sebanyak RM856,470, kutipan daripada pihak-pihak berkenaan di peringkat pengeluar bagi tahun 2000 hingga November 2005. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan pemeriksaan khusus terhadap kilang-kilang cakera optik di mana sejumlah 38 kilang berlesen dan 31 kilang yang beroperasi secara haram telah diambil tindakan di bawah Akta Cakera Optik 2000 dengan melibatkan penyitaan barang-barang termasuk mesin dan peralatan membuat salinan yang bernilai RM109.70 juta. Kementerian juga tidak memperbaharui 6 lesen kilang cakera optik yang telah melanggar Akta Cakera Optik 2000.

Daripada jumlah tersebut, satu syarikat telah didakwa di mahkamah. Sebagai langkah membanteras aktiviti cetak rompak kementerian akan terus membekukan permohonan baru lesen cakera optik yang ada kandungan *pre recorded* yang telah dikuatkuasakan sejak 15 Mac 2001. Untuk makluman Dewan, sehingga Disember 2005, terdapat 38 buah syarikat yang dilesenkan bagi menjalankan aktiviti pengilangan cakera optik di negara ini. Berhubung dengan cadangan supaya kilang-kilang berkenaan ditempatkan dalam satu kawasan *Custom Bounded*

Area, kementerian berpendapat bahawa peraturan-peraturan pelesenan sedia ada mencukupi untuk mengawal kilang-kilang tersebut.

Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan tugas penguatkuasaan dengan:

- menambah bilangan pegawai penguat kuasa kepada 1,429 orang dalam tahun 2005 serta menubuhkan *intelligence unit*. Seramai 745 orang pegawai penguat kuasa akan diambil pada tahun 2006.
- pemasangan *scanner* berteknologi tinggi di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan penubuhan *special export unit* bagi mengawasi dan menghalang eksport barang-barang tiruan.
- penubuhan makmal forensik di Jabatan Kimia dalam tahun 2003 .
- penubuhan Mahkamah *Interactual Property Rights* pada pertengahan tahun 2006.

Berhubung dengan isu Malaysia sebagai sebuah negara yang mengeksport CD, VCD cetak rompak, kerajaan memantau perkara ini dan seperti yang dijelaskan di atas kerajaan telah mengambil langkah memasang *scanner* di pintu keluar negara khususnya di lapangan terbang untuk mengawasi, memantau dan menghalang kegiatan berkaitan.

Baru-baru ini Persatuan *Motion Picture Association* telah datang ke Malaysia, mereka memberitahu kepada kita bahawa eksport cetak rompak daripada Malaysia sudah kurang. Dahulu begitu banyak, sudah kurang dan mereka telah memuji tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan. Jadi eksport sudah kurang, tetapi ada juga CD, VCD cetak rompak dijual dalam negara seperti filem '*King Kong*' baru sahaja ditayangkan, dalam dua tiga hari kita pun telah merampas sebanyak 2,061 keping gambar filem '*King Kong*' itu dan ini kalau didenda boleh membawa hasil sebanyak RM4 juta. Ini bermakna kita terus mengambil tindakan tanpa tuan punya CD, VCD memberitahu kepada kita, pegawai-pegawai sendiri mengambil tindakan supaya kita boleh membanteras masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu tindakan ke atas peniaga-peniaga yang selalu mengaut keuntungan berlebihan pada musim-musim perayaan, tindakan kementerian atas mereka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, kementerian telah melancarkan Skim Kawalan Harga Barang-barang Pengguna 2005/2006 melibatkan 23 barangan terpilih bagi tempoh antara 15 Oktober 2005 hingga 28 Februari 2006. Matlamat skim kawalan harga berkenaan adalah untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan semasa rakyat menyambut musim-musim perayaan. Dahulu biasanya kita hanya mengawal pada musim perayaan sahaja, tetapi kali ini kita mulakan pada 15 Oktober dan kita akan mengawal barang-barang sehingga 28 Februari

2006. Ini adalah untuk menentukan supaya harga barang-barang keperluan adalah stabil dalam negara kita dan juga kita dapat mengawal inflasi setakat ini.

Jadi apa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian saya memang telah membawa hasil. Di mana kes-kes mereka menjual lebih daripada harga yang ditetapkan, kita telah mengambil tindakan dan juga kita telah mengambil tindakan atas kes-kes di mana mereka tidak mempamerkan harga barang-barang dan lain-lain. Fokus pemeriksaan bukan sahaja terhadap pasar-pasar basah, tetapi juga meliputi *supermarket* dan *hypermarket* di kawasan bandar dan juga luar bandar. Pada masa ini kementerian mempunyai 1,429 pegawai penguat kuasa yang sentiasa membuat pemeriksaan di seluruh negara demi kepentingan pengguna.

Berhubung dengan cadangan mencari kaedah baru yang lebih mudah dan ekonomik dalam mengendalikankan kawalan subsidi diesel, setakat ini kaedah baru mengawal kebocoran subsidi diesel masih di peringkat kajian oleh agensi yang berkaitan dan diperbincangkan dalam Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu meningkatkan perkhidmatan dan bilangan stesen minyak NGV natural gas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, kementerian sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan syarikat NGV Petronas Sdn. Bhd untuk meningkatkan perkhidmatan dan bilangan stesen minyak NGV selaras dengan usaha kerajaan mempelbagaikan sumber bahan api untuk sektor pengangkutan di negara kita.

Ketika ini terdapat 39 buah stesen Petronas yang membekalkan NGV di seluruh semenanjung Malaysia iaitu di Lembah Klang 31, Negeri Sembilan 2, Johor 5 dan Penang 1 dan stesen-stesen NGV sebanyak 12 sedang dibina dan juga Gas Malaysia Berhad yang menjadi tuan punya syarikat yang mengedarkan NGV ini bercadang supaya bagi menjelang tahun 2010 ada lebih kurang 90 stesen NGV di negara kita.....

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang puas hati mengenai dengan NGV. Bagaimana kita dapat menambahkan lagi NGV stesen sekarang banyak stesen-stesen yang tidak membekalkan NGV. Adakah perancangan pihak kementerian untuk memperbanyakkan lagi NGV stesen dan berapa lama lagi?

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada rancangan untuk mengadakan lebih banyak NGV stesen tetapi kita juga mengambil kira logistik di mana untuk membina sesuatu stesen untuk memberi NGV adalah mahal dan juga di mana ada saluran paip di situ kita boleh mengadakan stesen dan dengan perbelanjaan barangkali RM1 juta atau RM2 juta. Tetapi kalau kita perlu memasang paip dan membina stesen baru dan paip baru barangkali menelan beratus-ratus juta ringgit. Ini akan kita akan mengambil kira dan dari semasa ke

semasa kita akan mengadakan lebih banyak stesen jadi sudah ada rancangan untuk mengadakan 90 stesen apabila sampai tahun 2010. kepada

Kita juga merancang untuk mengadakan stesen di *highway* supaya kita cadang supaya mengadakan enam buah stesen daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Apabila ada enam buah stesen maknanya bas-bas semua boleh menggunakan NGV. Kerajaan berharap semua teksi dan NGV satu masa semua teksi dan bas akan menggunakan NGV satu masa yang tidak lama lagi.

NGV gas ini akan dijual pada 50% kos petrol jadi apa sahaja kos petrol juga harga NGV memang tetap 50% dan untuk pengetahuan Yang Berhormat semua setakat ini NGV dijual dengan harga 68 sen sebenarnya perlu dijual pada 81 sen kalau ikut harga petrol. Memang Petronas sekarang bagi subsidi bukan sahaja kerajaan bagi subsidi, Petronas pula bagi Petronas untuk menjual gas di harga 68 sen itu.

Akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul bajet 2006 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan memberi pandangan ke atas perkara-perkara yang melibatkan kementerian ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat mewakili Kementerian Pengajian Tinggi.

4.23 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas anggaran perbelanjaan tahun 2005 bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Sehubungan ini saya ingin memberikan maklum balas ke atas isu cadangan dan saranan yang telah diutarakan terutamanya kepada perkara-perkara khusus.

Tuan Yang di-Pertua isu pengambilan pelajar antarabangsa telah dibangkitkan dan dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Di maklumkan bahawa telah menjadi hasrat kementerian untuk memartabatkan dan memperkasa sektor pengajian tinggi negara supaya Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi bukan sahaja di rantau ini malah di peringkat global. Bagi menuju ke arah itu, kementerian telah dan sedang mengambil pelbagai langkah di antaranya termasuklah:

- (i) mempertingkatkan kualiti pengajian dan pembelajaran berdasarkan kepada amalan bijak antarabangsa;
- (ii) mempertingkatkan usaha untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap kursus pengajian dan kelayakan-kelayakan yang ditawarkan oleh institut pengajian tinggi negara ini;

- (iii) memeterai kerjasama di antara kerajaan dan Institut pengajian tinggi negara ini dengan kerajaan institut pengajian tinggi terkemuka luar negara melalui persefahaman dalam bidang pengajian tinggi;
- (iv) mempertingkatkan kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang sedia ada di institut pengajian tinggi bagi mewujudkan suasana yang kondusif dan selamat untuk pengajian, pembelajaran dan juga pendidikan;
- (v) menyediakan kemudahan insentif bagi universiti tersohor luar negara yang setuju untuk menubuhkan kampus cawangan mereka di negara ini;
- (vi) mempergiat dan memantapkan program pemasaran dan promosi pendidikan tinggi di luar negara untuk menambahkan kedatangan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka di Malaysia; dan.
- (vii) mempermudah proses kemasukan pelajar antarabangsa ke negara ini dengan kerjasama jabatan Imigresen Malaysia.

Kementerian menggalakkan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka di institut pengajian tinggi swasta manakala bagi institut pengajian tinggi awam pula ianya adalah diberi keutamaan kepada pelajar tempatan. Walaupun demikian seramai 5% pelajar antarabangsa dibenarkan juga melanjutkan pengajian mereka di institut pengajian tinggi awam. Ini dilaksanakan selaras dengan dasar kerajaan program pengantarabangsaan dan persefahaman dua hala dengan kerajaan dan Institut pengajian tinggi luar negara.

Kemasukan mereka sejumlah sedemikian ke IPTA tidak menjejaskan peluang pelajar bagi pelajar tempatan dan tidak merugikan negara kerana mereka mengikuti kursus yang bukan kompetitif seperti pengurusan perniagaan, teknologi informasi dan komunikasi, dan bahasa Inggeris. Kebanyakan mereka di program pasca ijazah yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Mereka telah dikenakan yuran pengajian yang lebih tinggi berbanding dengan yuran yang dikenakan kepada pelajar tempatan. Yuran-yuran tersebut termasuklah yuran pengurusan antarabangsa, yuran insurans dan polisi keselamatan, yuran asrama dan yuran permohonan.

Kemasukan pelajar antarabangsa ini secara langsung telah dapat mempertingkatkan lagi imej institut pengajian tinggi negara ini di arena antarabangsa. Bagi kemasukan ke institut pengajian tinggi swasta pula kelulusan yuran yang dikenakan mesti mendapat kebenaran kementerian. Lazimnya tiada halangan untuk kenaikan yuran tetapi mestilah berpatutan dan tidak terlalu tinggi jika dibandingkan dengan IPTS lain yang menjalankan kursus pengajian yang sama. Dengan isu rangking dan kualiti universiti pula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, suka saya maklumkan walaupun terdapat pelbagai kaedah dan kriteria yang digunakan oleh berbagai-bagai organisasi dalam penentuan *rangking* kementerian tetap komited untuk mempertingkatkan prestasi dan kualiti pendidikan tinggi secara

berterusan selari dengan dasar keperluan dan kepentingan negara melalui langkah-langkah yang telah dan akan diambil seperti berikut iaitu:-

- i. memantau kualiti dan kekuatan program pembelajaran di IPT tempatan melalui sistem jaminan kualiti secara berterusan;
- ii. melaksanakan sistem penarafan IPT untuk meningkatkan kualiti dan daya saing IPTA dan IPTS dengan merujuk kepada tanda aras antarabangsa. Proses tanda aras ini akan lebih menepati keperluan negara dari segi mengenal pasti tahap pencapaian, standard kualiti bagi tujuan penambahbaikan dan daya saing antarabangsa dalam menuju ke arah kecemerlangan dan keunggulan akademik;
- iii. menggalak lebih ramai ahli akademik berkecimpung dalam pendidikan dan untuk meningkatkan penyertaan dalam pertubuhan pendidikan di peringkat antarabangsa;
- iv. memberi insentif dan pengiktirafan kepada pendidikan serta menerbitkan penemuan mereka dalam jurnal impak yang tersohor;
- v. menambah baik nisbah pengajian dan pelajar
- vi. mempergiatkan usaha menarik kedatangan lebih ramai pelajar antarabangsa di peringkat pra siswazah dan meneliti mekanisme paling berkesan untuk menarik kedatangan tenaga akademik antarabangsa yang tersohor;
- vii. menyemak, mengubahsuai dan menambah baik kurikulum bagi meningkatkan persepsi majikan terhadap pelajar; dan,
- viii. mempertingkatkan kualiti kepimpinan universiti termasuk menambah baik proses pelantikan pengurusan tinggi IPTA.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan di universiti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, ingin saya maklumkan bahawa kementerian sedang giat menggalakkan IPT terutamanya IPTA mengorak langkah bagi mengesyorkan hasil kajian di dalam negeri dan di luar negara dalam menjadikan IPT negara bertaraf dunia.

Antara bidang kajian IPT yang telah berjaya dikomersialkan adalah seperti bidang bioteknologi, pertanian, produk pengguna, pembuatan atau perkilangan, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan persekitaran, veterinar, automobil, kesihatan, komunikasi dan ICT.

Bagi mengukuhkan lagi pengkomersialan R&D, maka kementerian telah merancang dan mengambil beberapa langkah yang di antaranya seperti berikut:.

- (i) mewujudkan unit pengkomersialan R&D di kementerian;

- (ii) mengadakan pertemuan dua pihak antara IPTA dan syarikat atau pihak luar yang berpotensi untuk mengkomersialkan hasil R&D;
- (iii) memberikan peruntukan atau sumber kewangan yang mencukupi untuk penyediaan produk;
- (iv) memberikan insentif dan ganjaran kepada penyelidik yang berjaya menghasilkan produk yang berjaya dikomersialkan;
- (v) menggabungkan unit yang menguruskan hal-ehwal pengkomersialan di IPT dengan entiti-entiti lain di luar IPT;
- (vi) mengadakan pameran dan *road show* dengan izin bagi mendekatkan IPT dengan industri dan memberikan gambaran tentang keupayaan universiti dalam pemindahan teknologi. Ini termasuklah muhibah dan memberi liputan meluas tentang aktiviti R&D yang mempunyai nilai-nilai pengkomersialan;
- (vii) menawarkan khidmat saintifik seperti pengujian makmal dan klinikal pengukuran pembangunan produk dan formulasi dan
- (viii) merangka satu mekanisme perlindungan harta intelek dan bayaran royalti. Pengkorporatan IPTA juga telah dilaksanakan pada tahun 1998.

Walau bagaimanapun, disebabkan kemelesetan ekonomi pada masa tersebut, proses pengkorporatan universiti telah ditumpukan kepada aspek pengurus tadbir atau *government* di universiti. Di samping itu, universiti telah digalakkan untuk menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti-aktiviti konsultasi, menganjurkan program-program akademik secara kerjasama dengan institusi pengajian tinggi swasta serta institusi luar negara di samping mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan. Pada masa ini proses pengkorporatan IPTA sedang diteliti semula oleh kementerian untuk membuat langkah-langkah baru agar pengkorporatan IPTA dapat dicapai sepenuhnya.

Kementerian juga telah merancang untuk melaksanakan pengelasan IPT yang di antaranya termasuklah universiti pendidikan yang akan melaksanakan R&D secara intensif dengan sebahagian besar sumber diperuntukkan ke arah penghasilan R&D yang boleh dikomersialkan. Usaha-usaha yang dilaksanakan ini juga adalah menjurus kepada pewujudan universiti elit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu pengangguran siswazah yang dibangkitkan dan dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, ingin saya maklumkan bahawa kementerian telah mempunyai strategi yang telah diambil dan sedang diambil tindakan sewajarnya untuk mempertingkatkan kualiti graduan yang secara langsung dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah. Di antara strategi dan tindakan yang sedang diambil secara berterusan adalah seperti berikut:

- (i) mengkaji penawaran kursus-kursus baru di IPT agar ianya sesuai dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga;
- (ii) meminta IPT memasukkan elemen-elemen yang menjadi pelengkap ilmu kepada pelajar seperti teknologi maklumat dan keusahawanan di samping menggugurkan kursus-kursus yang tidak relevan dengan keperluan semasa dan akan datang;
- (iii) mempertingkatkan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri, akademik profesional alumni dan agensi kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan khusus pengajian di IPT dan tenaga kerja di sektor-sektor ekonomi;
- (iv) menggesa IPT meningkatkan penguasaan bahasa.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti saya habis bahagian ini, saya bagi, ya. Menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris terutamanya dalam kursus sains dan teknologi dan lain-lain bahasa yang penting seperti bahasa Mandarin, Jerman dan Arab tanpa memikirkan bahasa Melayu bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi untuk memberi nilai tambah kepada siswazah.

- (v) melaksanakan kursus pengajian *double major* dengan izin, melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan kursus Pengajian Islam dengan Ekonomi, Pengurusan Perniagaan, Kewangan dan Sumber Manusia dengan Teknologi Maklumat;
- (vi) menilai semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar industri dan senario pasaran kerja;
- (vii) melaksanakan program latihan industri di industri awam atau swasta dalam tempoh tiga bulan atau empat bulan bagi pelajar di tahun akhir pengajian. Tempoh latihan ini telah dilanjutkan ke enam bulan seperti mana yang diminta oleh pihak industri bagi memantapkan lagi kemahiran pelajar;
- (viii) memberi pendedahan kepada mahasiswa dalam aspek-aspek kepimpinan pengurusan dan budaya kerja di industri dan
- (ix) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran.

Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mendengar semua aspek dan cadangan-cadangan baru untuk memastikan tahap kecemerlangan itu masih wujud di IPTA khususnya. Tetapi satu aspek yang disebutkan tadi tentang menumpukan pendidikan kepada beberapa universiti khas. Adakah ini bermakna universiti lain yang mana tumpuan penyelidikan itu tidak diberi, ia akan kehilangan satu aspek pendidikan yang penting? Bagi seorang pensyarah, satu daripada tugas yang penting ialah membuat penyelidikan dan mengeluarkan kertas-kertas tentang subjeknya. Kalau tumpuan penyelidikan hanya di universiti-universiti yang terpilih itu, maka apakah akan jadi kepada universiti lain yang mana tumpuan ini sudah diambil keluar daripada tugas mereka. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini, Kementerian Pengajian Tinggi tidak bertujuan atau bermaksud untuk memberi pengkhususan kepada universiti menjalankan R&D kepada beberapa universiti sahaja, tidak. Apa yang dimaksudkan ialah semua universiti masih mengadakan aktiviti dan projek R&D. Cuma, kita kena membezakan di sini, untuk universiti yang telah dipilih untuk dijadikan universiti penyelidikan, maka pemberat atau peratusan yang lebih tinggi akan diberi dalam aktiviti R&D.

Misalnya, untuk universiti yang telah dipilih sebagai universiti penyelidikan nanti, mungkin nisbah khusus pascaijazah adalah lebih tinggi kalau berbanding dengan ijazah pertama dan begitu juga kelayakan pengajar adalah lebih ramai mempunyai kelayakan Ph.D dan lebih banyak sumber kewangan akan diberi untuk menjalankan R&D. Tetapi R&D tetap menjadi sebahagian yang penting untuk semua universiti seperti dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa aktiviti R&D memang penting untuk memperkayakan dan juga dalam proses pembelajaran dan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu pengajian tinggi untuk Orang Asli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, ingin saya maklumkan bahawa bilangan masih kecil. Namun demikian, kementerian amat peka dan prihatin terhadap kepentingan pendidikan tinggi bagi Orang Asli. Oleh itu, kerajaan telah menempatkan pelajar orang Asli di sekolah-sekolah terpilih atau sekolah kawalan seperti sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah integrasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membantu pelajar berkaitan menikmati kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang baik. Kemudahan dan pertimbangan khas diberikan kepada mereka yang memenuhi kelayakan minimum untuk memasuki IPTA selepas melalui 12 tahun pendidikan.

Dengan usaha ini, maka lebih ramai pelajar Orang Asli berpeluang melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi. Mengenai penubuhan universiti sains perubatan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, ingin saya maklumkan bahawa buat masa ini kerajaan masih belum mempunyai rancangan tersebut kerana pada masa ini terdapat lapan buah IPTA yang menawarkan program perubatan dan sains kesihatan bersekutu. Penubuhan sebuah universiti baru akan mengakibatkan perbelanjaan yang

tinggi serta memerlukan penyediaan dari segi infrastruktur, peralatan, kemudahan, kumpulan tenaga manusia serta kepakaran.

Walau bagaimanapun cadangan ini boleh dipertimbangkan memandangkan Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan bagi penyakit-penyakit tropika seperti denggi, malaria dan selesema burung. Ianya juga dapat menyokong hasrat kerajaan untuk menjadikan negara sebagai sebuah pusat pelancongan serta kesihatan alternatif yang unggul di rantau ini. Oleh itu apa yang dilaksanakan sekarang....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sudah kah kerajaan mengenal pasti di manakah tempatnya di negeri Kelantan akan ditubuhkan universiti Kelantan sebagaimana yang digembar-gemburkan dalam pilihan raya kecil baru-baru ini. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu universiti Kelantan, pendirian Kerajaan Barisan Nasional ialah amat jelas iaitu ia merupakan satu janji pada pilihan raya umum tahun lepas dan juga pilihan raya kecil baru-baru ini, itu jika Kerajaan Barisan Nasional, parti Barisan Nasional menang dan mentadbir kerajaan negeri Kelantan, maka Kerajaan Barisan Nasional akan mengotakan janji pilihan raya . itu adalah sikap yang tegas oleh Kerajaan Barisan Nasional seperti kita telah mengotakan janji kita di negeri Terengganu. Jadi, itu adalah pendirian yang jelas.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sedikit Penjelasan... sebab apa yang difahamkan oleh rakyat Pengkalan Pasir, mereka faham sekiranya Barisan Nasional menang di Pengkalan Pasir, maka Kerajaan Barisan Nasional akan mewujudkan sebuah universiti. Jadi, saya ingin tahulah sudahkah dikenal pasti tapak untuk universiti tersebut.

Dato' Fu Ah Kiow : Saya ingin mengulangi dan saya harap Yang Berhormat mendengar baik-baik, jangan memutarbalikkan perkataan. Apa yang dijanjikan pada masa pilihan raya umum dan juga pada masa pilihan raya kecil ialah jika kita menang dan mentadbir kerajaan Kelantan. Itu adalah janji kita dan seperti biasa apa yang di janji oleh parti Barisan Nasional tetap dikotakan kalau itu menjadi satu kenyataan. Saya sambung penggulangan saya, mengenai universiti perubatan oleh itu apa yang dilaksanakan sekarang oleh kerajaan dan kementerian ialah mempertingkatkan kemudahan program pengajian perubatan yang sedia ada di IPTA dan menggalakkan sektor swasta menubuhkan IPTS perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya maklum dalam masa yang terhad ini jika ada isu-isu dan cadangan-cadangan yang tidak sempat saya menjawab, kementerian tetap memastikan supaya isu-isu yang dibangkitkan dan saranan yang dicadangkan diambil perhatian dan tindakan susulan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua : Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya memohon mencadangkan mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi pada hari Rabu 21 hari bulan Disember tahun 2005”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat mewakili Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjawab.

4.46 petang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atas perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Secara keseluruhannya kebanyakan isu yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat merangkumi lima perkara utama iaitu pembasmian kemiskinan, pembangunan prasarana desa dan *amenity* sosial, pembangunan ekonomi luar bandar dan pembangunan manusia.

Saya ingin menegaskan bahawa kementerian ini amat komited untuk menangani isu-isu yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha memajukan masyarakat luar bandar. Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu meminta kementerian ini mengkaji semula kos pembinaan rumah Projek Pembangunan Rakyat Termiskin PPRT sebanyak RM13,000 dan mencadangkan kos dinaikkan kepada RM17,000 manakala pelannya juga perlu diubahsuai. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah

menyediakan kertas cadangan kenaikan kadar bantuan rumah di bawah Program Bantuan Rumah bagi dibentangkan dalam Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan Program Kemiskinan di Bandar dan Luar Bandar yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam kertas tersebut kementerian ini telah mencadangkan kenaikan kadar bantuan rumah bina baru sekitar 30 hingga 40 peratus, kenaikan kadar bantuan rumah baik pulih sekitar 40 hingga 50 peratus, bantuan rumah bina baru adalah dua bilik ataupun tiga bilik mengikut keperluan dan bilangan isi rumah dan bantuan kos tambahan seperti kos pengangkutan dan pengurusan bagi menampung keperluan bantuan rumah terutama di kawasan-kawasan pedalaman, pulau-pulau atau kawasan yang jauh dari sumber bekalan pembinaan. Yang Berhormat Datuk Musa Haji Sheikh Fadzir menyarankan supaya projek...

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Laluan? Okey.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membuat penggulungan pada hari ini dan juga terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar di atas keprihatinan, komited dalam membangunkan Orang Asli. Tahniah saya ucapkan. Soalannya, saya ingin tahu mengenai ganti rugi terhadap tanaman Orang Asli yang telah musnah akibat pembangunan Bukit Lanjan di mana salah seorang daripada Pegawai Perhubungan Awam PKNS menjelaskan bahawa PKNS tidak pernah menawarkan ganti rugi dan perkara ini dianggap selesai. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri, beberapa Orang Asli termasuk Batin telah membuat rayuan di TV3 yang keluarannya pada 16 Disember yang lalu, memohon ganti rugi terhadap tanaman yang telah dimusnahkan.

Yang Berhormat, berdasarkan kepada Seksyen 11, Akta Orang Asli 1954 yang memperuntukkan bahawa sekiranya tanah Orang Asli diambil di mana terdapat pokok-pokok buah-buahan atau pokok getah di mana komuniti Orang Asli tersebut dapat membuktikan hak milik terhadap tanah tersebut, maka pihak berkuasa negeri akan membayar sejumlah pampasan yang difikirkan patut kepada komuniti itu.

Soalan yang kedua Yang Berhormat, berdasarkan kepada kemiskinan tegar yang tinggi, keciciran pendidikan, masalah pembangunan dan pemilikan tanah orang Asli dan lain-lain yang kita telah kenal pasti, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Orang Asli agar dapat memastikan pembangunan Orang Asli lebih terjamin menjelang tahun 2020. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih, sebenarnya apa yang saya jawabkan tadi tidak pun menyentuh lagi tentang hal ehwal orang Asli dan ini akan saya sentuh kemudian. Jadi saya akan memberi jawapan kepada kedua-dua soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, ini apabila saya sampai kepada bahagian orang Asli nanti dan ini saya susun supaya di peringkat akhir, supaya soalan-soalan ini akan dapat dikeluarkan.

Tentang pembangunan prasarana dan eminiti sosial Yang Berhormat Dato' Musa Haji Sheikh Fahir menyarankan supaya projek jalan kampung PTK yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya sepatutnya dilaksanakan oleh pejabat daerah. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum semenjak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengambil alih pelaksanaan projek jalan kampung dari Unit Perancang dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri mulai tahun 1981, ianya telah melalui pelbagai kaedah pelaksanaan. Kaedah yang terbaru dan senang diguna pakai ialah pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya.

Untuk makluman Yang Berhormat pelaksanaan PTK kementerian ini oleh JKR telah diluluskan oleh jemaah menteri pada bulan Mei 2004, dan pelaksanaannya telah dimulakan pada bulan Jun 2004. Walau bagaimanapun bagi negeri Sarawak kaedah pelaksanaan secara konvensional masih diteruskan iaitu pelaksanaan oleh pejabat Residen Ketua Daerah dan sementara bagi negeri Sabah pula pelaksanaan yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah JPPS dan pejabat daerah. Akhirnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar merasakan kaedah pelaksanaan oleh JKR ada memberi kesan-kesan yang positif seperti berikut:

- (i) Kualiti yang lebih baik sebab hasilnya menepati spesifikasi yang dibuat melalui kesungguhan JKR dalam menjamin spesifikasi tersebut dapat dipenuhi;
- (ii) Pemantauan yang lebih rapi dan kemas kerana kepakaran teknikal yang begitu banyak pada JKR dari segenap lapisan baik dari ibu pejabat di Kuala Lumpur di negeri-negeri dan juga di peringkat daerah. Oleh itu kita yakin jalan-jalan yang siap dan yang dilaksanakan mengikut kaedah JKR ini akan dapat bertahan lebih lama dari segi mutu yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafae menyarankan agar penyelarasan antara kementerian supaya kemudahan asas diambil kira dalam setiap projek pembangunan luar bandar seperti bekalan air, bekalan elektrik dan jalan terutamanya di negeri Sabah di mana terdapat sekolah yang dibina tidak mempunyai kemudahan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengadakan mesyuarat dengan kementerian dan agensi luar termasuk wakil daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan sememangnya ini merupakan satu masalah yang perlu ditangani bersama. Ia sememangnya terdapat umpamanya 809 buah sekolah yang masih lagi tidak mempunyai bekalan elektrik dan lebih kurang 1, 600 sekolah yang tidak mempunyai bekalan air yang baik.

Jadi dalam mesyuarat ini, yang akan disusuli oleh mesyuarat-mesyuarat yang akan datang kementerian telah bersetuju supaya keutamaan projek-projek di luar bandar akan diberi kepada kawasan-kawasan yang mempunyai sekolah-sekolah dan juga bangunan-bangunan

kerajaan dan bangunan awam yang tidak mempunyai bekalan asas ini, supaya apa yang tidak mendapat bekalan ini akan dapat disambung sebaik sahaja bekalan-bekalan ini disediakan di kawasan-kawasan tersebut. Tetapi terserah pula, kepada kementerian berkenaan untuk menyambung kepada premis masing-masing. Umpamanya kita sudah pun hampir 90 buah kampung yang berhampiran dengan sekolah telah disediakan dengan kemudahan elektrik tetapi penyambungan daripada kampung tersebut kepada sekolah mestilah dibuat oleh Kementerian Pelajaran sendiri. Jadi koordinasi dan kerjasama ini perlu dilakukan.

Yang Berhormat Datuk Kalakau bin Untol meminta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyediakan peruntukan lebih besar bagi kemudahan asas, jalan, air dan elektrik untuk daerah Tenom, Petagong, Matunggong dan Ranau di Sabah. Seperti mana yang kita maklum, bahawa Sabah sememangnya diberi keutamaan dalam peruntukkan untuk kemudahan-kemudahan asas ini. Kalau kita lihat bahawa secara keseluruhannya Sabah sentiasa mendapat peruntukan yang kedua terbesar di seluruh Malaysia kedua kepada negeri Sarawak. Umpamanya projek jalan kampung, Sabah mendapat peruntukan sebanyak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan RM60 juta yang merupakan 20 peratus daripada peruntukan keseluruhan bagi jalan luar bandar, RM51 juta bagi bekalan air luar bandar, RM21 juta bagi bekalan elektrik, RM42 juta yang merupakan bekalan elektrik, umpamanya merupakan 33 peratus lebih daripada satu atau pun 1/3 daripada peruntukan seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya bagi kawasan-kawasan yang disebut Tenom yang terkenal dengan kopinya, kopi Tenom jumlah peruntukan tahun 2006 untuk jalan kampung luar bandar, bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik ialah sebanyak RM10.9 juta, bagi Matunggong ialah RM18.8 juta, bagi Ranau pula RM28.24 juta dan ketiga-tiga daerah ini mendapat RM102.8 juta. Ini adalah satu peruntukan yang besar dan memang kalau dikira tidak mencukupi, memanglah tidak mencukupi kerana sumber-sumber kita yang masih terhad tetapi dari segi jumlah yang diberikan ini adalah di kalangan yang tertinggi, baik dari negeri Sabah mahupun dari daerah-daerah yang disebutkan tadi.

Dari segi pembangunan wilayah dan kawasan Yang Berhormat Tuan Haji Osman bin Bungsu mencadangkan agar kerajaan dapat membuat satu polisi agar pembahagian keuntungan ladang yang diusahakan oleh orang Asli di bawah FELCRA dan RISDA mengikut cara yang dibawa oleh FELDA. Buat masa ini, kementerian kita tidak bercadang untuk membuat dasar baru bagi pembahagian untung dan ladang yang diusahakan oleh orang Asli maka kita merasakan sistem yang diguna pakai oleh RISDA dan FELCRA Bhd ini adalah untuk membantu peserta terutamanya semasa perbelanjaan yang lebih diperlukan, kerana kita tahu bahawa RISDA dan FELCRA membayar dividennya ialah dua kali setahun iaitu pada Hari Raya Aidilfitri dan juga pada awal tahun persekolahan manakala FELDA dia bagi sekali sahaja. Kita juga dalam kajian kita tidak yakin bahawa apa yang dibawa oleh FELDA ini semestinya adalah lebih baik daripada apa yang dibuat oleh FELCRA dan RISDA kerana dalam satu contoh maklumat

yang kita perolehi dari FELDA sendiri berapa banyakkah pendapatan yang diperolehi oleh pekebun di bawah skim ini, kita diberitahu bahawa pendapatan bulanan peserta FELDA ialah minimumnya RM500 sebulan. Kalau selebihnya itu, maka dia dipotong sebahagiannya untuk kos-kos pengurusan dan sebagainya, kos pembangunan oleh FELDA tetapi kalau diperolehi kurang daripada RM500 ia tidak akan dipotong jadi kita boleh katakan RM500 ataupun lebih. Manakala upah pekerja FELCRA, sekiranya pekerja ini bekerja di ladang FELCRA ialah lebih kurang RM800 sebulan. Jadi ini pun sudah tidak ada perbezaan. Dari segi bonus atau insentif yang dipanggil dalam konteks FELDA, ia bergantung pada keuntungan yang diperolehi oleh FELDA Plantation. Keuntungan ini biasanya dalam tahun 2004, ia diberikan sebanyak RM1,500 bagi pekebun yang telah mendatangkan hasil dan RM1,000 bagi kebun yang tidak mendatangkan hasil atau pun yang dalam proses tanam semula.

Jadi kalau kira ini sebagai bonus tahunan atau pun insentif tahunan, berbanding dengan orang Asli dalam peserta FELCRA dalam tahun yang sama memperoleh RM2, 475 ringgit. Jadi saya tidak tahulah Yang Berhormat hendak tukar macam mana, sekejap lagi jadi kurang pula daripada apa yang diperolehi oleh masa ini sekarang. Jadi kita tidak jelas, apakah sistem yang dilalui ataupun diikuti oleh FELDA ini, semestinya memberi pendapatan yang baik tetapi dalam satu-satu perniagaan, dalam satu-satu urusan sudah tentu ia tidak boleh merugikan mana-mana pihak. Jadi ia sebagai bottom linanya bergantung kepada keuntungan.

Jadi kalau FELDA dan FELCRA, sama-sama untung, maka sudah tentulah apa yang diperolehi oleh tuan tanah yang melalui bonus, dividen atau apa jua yang dipanggil sudah tentu tidak dapat begitu berbeza di antara satu sama lain. Dari segi pembangunan manusia, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, dah tak ada. Tadi ada.

Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah Mohamad, yang masih ada dan masih *alert*. Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar, juga tak berapa nampak di sini, membangkitkan mengenai masalah kekurangan kemudahan di Tadika KEMAS, termasuk guru tadika yang tidak terlatih, atau kurang mahir dan menyarankan supaya pendidikan prasekolah dijadikan sebagai agenda utama pendidikan. Ini diakui, memang merupakan satu perkara yang penting. Dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sememangnya merasai pelbagai masalah yang dialami dalam sektor ini, dan bagi mengatasi masalah yang timbul sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat khususnya kekurangan kemudahan di Tabika KEMAS. Kementerian ini telah mengambil satu langkah yang menyeluruh untuk memperbaiki dan memajukan lagi sistem Tabika KEMAS ini.

Umpamanya, dari segi penyediaan bangunan dan persekitaran yang kondusif kepada pembelajaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian merancang untuk membina 1,443 bangunan Tabika baru bagi menggantikan bangunan yang masih menumpang dan menyewa, dan membaik pulih 2,921 bangunan dan melengkapkan peralatan 30% bagi tabika yang belum dilengkapkan, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM572 juta.

Dari segi peningkatan kualiti guru, mulai daripada tahun 2006, KEMAS akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk melatih dan meningkatkan, saya ingat Kementerian Pengajian Tinggi ke Pelajaran ini? Untuk melatih dan meningkatkan kemahiran di dalam profesionalisme guru hingga ke peringkat diploma seperti berikut.

Kursus Diploma semasa cuti ini dibiayai sepenuhnya oleh KEMAS secara percuma ia melibatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seramai 7,203 orang guru akan dilatih di maktab-maktab perguruan selama tiga tahun sembilan bulan. Kursus Diploma sepenuh masa, seramai 1,500 orang guru baru akan dilatih dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan untuk melayakkan mereka mendapat Diploma Perguruan Prasekolah.

Kursus Diploma Pendidikan Prasekolah, Unimaya, dengan kerjasama Universiti Malaya, kementerian juga akan membiayai pengajian seramai 1,012 orang guru yang telah mengikuti kursus tersebut secara persendirian sebelum ini, untuk melengkapkan dan melayakkan mereka mendapat Diploma dengan kos sebanyak RM6 juta bagi tahun 2006. Skim Perkhidmatan Guru Tetap.

Sekarang ini tidak ada Skim Perkhidmatan Guru Tetap Tabika, dia disandarkan ya. Secara kontrak, jadi apabila mereka dilatih mendapat kemahiran dan kelulusan yang lebih baik, skim perkhidmatan guru akan diwujudkan. Dari segi pengajaran dan pembelajaran akan diberi grant per kapita, bagi 200,000 kanak-kanak sebanyak RM100 setahun. Anak-anak tabika ini, yang pergi ke KEMAS nanti, akan memperolehi RM100 setahun supaya mereka dapat membeli peralatan yang bersesuaian dan bagi golongan yang miskin, miskin tegar, ditambahnya pula RM150 setahun. Bermakna miskin, miskin itu tegar, dia dapat RM250. Yang RM100nya untuk peralatan, RM150 lagi ini untuk uniform sekolah dan sebagainya supaya mereka nampak lebih segar, lebih cun ya, bukan Yang Berhormat Cun, apabila mereka pergi sekolah, di awal tahun.

Bekalan makanan tambahan, kalau dulunya dibiayai diperuntukkan 60 sen seorang. Kita ingat dia ini kecil, tak makan banyak. 60 sen cukup. Sekarang sudah diberi RM1.50 sen. Akan gemuklah anak-anak kita yang pergi Tabika KEMAS nanti, insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, mengapa tiada pejabat KEMAS di kawasan Parlimen baru? Beliau sungguh-sungguh minat kepada pejabat KEMAS di Parlimen baru.

Memang ini sebenarnya merupakan masalah sedikit yang sedang diatasi kerana kita masih mempunyai 25 kawasan Parlimen yang belum mempunyai pejabat-pejabat KEMAS sendiri. Dan ini akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita akan mengadakan beberapa kaedah. Pertamanya, kalau ada tanah yang sesuai dan sebagainya, kita bina bangunan KEMAS baru untuk kawasan Parlimen baru tersebut. Kalau tidak ada kita akan sewakan, ataupun kalau kita merasakan bahawa kawasan baru ini berhampiran dengan kawasan lama terutama bandar-bandar di mana kawasan Parlimennya lebih daripada satu, maka mungkin dia boleh berkongsi premis yang sama. Asalkan pegawai-pegawai KEMAS ini adalah berbeza,

yang ditentukan untuk di kawasan masing-masing. Dan ini juga masih merupakan satu masalah yang sedang diselesaikan bahkan terdapat sebanyak 894 kekosongan Penyelia-penyelia KEMAS. Gred S17, dan sekarang kita sudah pun menerima permohonan dari 4,000 pemohon untuk jawatan 894 dalam proses senarai pendek dan kita menjangkakan dalam bulan Mac 2006 ini, pegawai-pegawai ini akan dapat ditempatkan sepenuhnya.

Jadi, insya-Allah saya kira mana-mana yang masih merasakan kekurangan pegawai KEMAS di tempat mereka, adalah dalam proses penyelesaian masalah ini. Akhirnya Tuan Osman bin Bungsu, cukup banyak soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini. Meminta statistik bilangan pelajar Orang Asli yang belajar di sekolah rendah. Ini hal Orang Asli, dan lepas itu saya akan jawab soalan tambahan. Saya ada senarai semua ini, yang asli daripada 2000, 2001, tapi yang saya baca yang 2005 lah. Dari segi pelajar tabika ialah sebanyak 4,323 orang. Sekolah rendah 26,240 orang, sekolah menengah 8,488 orang. Yang telah mendapat tawaran IPTA 51 orang dalam tahun 2005, tapi kalau dikira mereka yang sudah tamat IPTA dari tahun 2000 hingga 2005 lah, 5 tahun yang kebelakangan ini, jumlahnya ialah 309 orang, Orang-orang Asli yang sudah tamat IPTA sepanjang 5 tahun yang lepas. Berhubung dengan masalah pampasan, daripada masalah tanah di Bukit Lanchang, Lancang ke Lanjan?

Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor telah pun berbincang dengan MK Land yang merupakan pemaju kepada tanah tersebut dan MK Land telah membuat bayaran pampasan sejumlah RM91,840,000. Kepada Orang-orang Asli yang merupakan 147 orang ketua isi rumah, maknanya keluarganya. 147 keluarga telah dibayar RM91,840,000 yang terdiri daripada peruntukan untuk ASB. Amanah Skim Bumiputera. RM5.9 juta pampasan untuk pokok, tanaman, kubur, RM7.9 juta dah bayar dah Yang Berhormat. Nanti nak bayar dua kali pula susah, *you know*. Tabung Amanah dibayar selama sepuluh tahun, RM10 juta. Perumahan, kerana orang-orang lain dapat rumah yang lebih elok kat situ. Kita pun nak pastikan sahabat, saudara kita Orang-orang Asli juga mendapat perumahan yang baik, RM7.9 juta untuk 147 isi rumah ini. Untuk pusat latihan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, bagi pula pusat latihan yang peruntukannya RM6 juta. Untuk infra dan kemudahan sosial RM53.3 juta.

Jadi, soal tak bayar pampasan, tambah untuk pokok, apa tu, saya pun tak tahulah. Ini maklumat yang saya perolehi. Saya bimbang mereka yang dah dapat ini, dia dah lupa dah. Dia harap orang lain lupa, dia nak minta balik. Ini Yang Berhormat Cun pun senyum. Jadi, maaflah ya, kerana terpandang dan terlihat. Satu lagi soalan yang ditimbulkan sama ada Kementerian Hal Ehwal Orang Asli perlu ditubuhkan. Dan kementerian tidak bercadang nak menubuhkan Kementerian Hal Ehwal Orang Asli ini kerana walaupun kita masih ada sedikit kekurangan, sedikit masalah yang dihadapi oleh kumpulan Orang Asli ini, saya rasa penyelesaiannya tidaklah merupakan dalam bentuk penubuhan satu kementerian. Kita sudah pun ada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, khasnya Ketua Pengarahnya dengan kakitangannya Orang-orang Asli sendiri yang bekerja dalam jabatan ini. Jadi saya rasa masih.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mungkin ada Orang Asli yang berhajat nak jadi Menteri?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Nak jadi Menteri, saya rasa tak pasti kerana Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang sudah lama wujud, tidak ada seorang pun lagi Ketua Pengarahnya datang daripada orang Asli. Jadi kita penuhi dahulu yang itu, mungkin satu masa nanti Insya-Allah akan ada bukan sahaja Senator tetapi juga Menteri-menteri datangnya dari kumpulan orang Asli. Yang pentingnya ialah kebolehan, kemampuan, berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara, tidak semestinya dikira dari kulit dari rupa.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan dan jawapan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tetapi tidak sempat dijawab.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sebelum habis ucapan itu. Boleh saya?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Boleh ke Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey lah sahabat saya, saya bagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, terima kasih. Saya nak tahu selepas memberitahu tentang usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian baru ini, adakah kita sudah sampai satu tahap di mana membasmi kemiskinan atau mendapat kemiskinan sifar itu sudah ke satu tahap yang memuaskan atau ada banyak usaha lagi yang diperlukan oleh Kementerian ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Pertamanya saya agak terkejut apabila dikatakan Kementerian baru, saya tidak merasakan bahawa Kementerian ini adalah Kementerian baru. Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini sudah lama wujud, sejak Allahyarham Tun Razak sendiri pernah menjadi Menteri Luar Bandar, pertamanya.

Keduanya, memang usaha masih banyak, kita sekarang berada dalam kadar kemiskinan kurang 5%, kita gerak ke arah kadar kemiskinan 0.5%. Tetapi dari segi kemiskinan tegar memang daripada 1% sekarang ini, kita bercadang untuk mencapai matlamat kemiskinan sifar dari segi kemiskinan tegarnya menjelang tahun 2009 atau 2010 sempena dengan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kalau kita lihat dari segi kejayaan yang telah kita capai di mana kadar kemiskinan dalam tahun 1970, di awal dasar ekonomi baru ialah 47% hampir 50% kita dalam jangka masa 30 tahun, daripada 1970, 35 tahun telah mengurangkannya kepada 5%. Ini satu *progress* yang cukup baik dan *progress* dan rekod yang baik ini sudah tentu mendorong kita untuk meyakinkan bahawa kita boleh mencapai kadar kemiskinan yang lebih rendah menjelang tahun 2009, 2010.

Sama ada sifar itu akan dicapai tahun 2009, banyak bergantung kepada usaha kita dan saya rasa setakat hari ini tidak ada usaha yang tidak dibuat, tidak ada kemungkinan yang tidak dicari, tidak ada pendekatan yang tidak dicungkil untuk memastikan bahawa kemiskinan ini benar-benar akan dapat dihapuskan kerana masih ramai yang menderita, masih ramai yang terseksa. Kita lihat sendiri macam Pengkalan Pasir baru ini, Yang Berhormat dari negeri saya Cik Siti Wan Kembang, banyak bila kita naik, saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak melawat rumah-rumah orang miskin itu sedih kita, sebab kita kerana melihat setelah sekian lama negara kita merdeka, masih ada di kalangan kita yang berada dalam keadaan yang sedemikian. Apabila pendapatan mereka hanya RM200 sebulan, hasil daripada anugerah kebajikan, ramai kita RM200 sebulan ini mungkin habis makan pagi di hotel-hotel.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ada Yang Berhormat, Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dari awal lagi dah bagi signal, saya bagi dia dulu.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya ada mempunyai satu soalan yang amat mudah ya. Dalam peruntukan Bajet tahun ini, RM700 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian untuk Skim Pembiayaan Ekonomi Desa dan Perumahan dan lain-lain. Kalau kita lihat kepada *calculation* yang amat mudah, kalau 4,000 perumahan dilakukan untuk 4,000 keluarga atau pun rumah, dalam satu tahun 4,000 kalau 10,000 diperuntukkan bermakna RM47 juta sahaja. Maknanya dalam lima tahun umpamanya 4,000 kali 5 bolehkah ini kita hapuskan segala, memenuhi segala perumahan untuk orang-orang miskin. RM40 juta tiap-tiap tahun untuk 4,000 kali 5. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: *Advantage* yang ada pada Yang Berhormat ialah Yang Berhormat dah buat *calculation* tu, saya belum lagi. Jadi untuk saya mengira dalam otak saya, ligat juga tadi tapi tak berapa nak sampai lagi jadi mungkin tak dapat saya beri satu jawapan yang memuaskan kerana yang melibatkan *figure-figure* dan fakta kalau tersalah cakap dah masuk dalam *record*, jadi saya tidak mahu komen. Okey, Yang Berhormat sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat mengenai dengan garis kemiskinan. Adakah kita masih mengguna pakai garis kemiskinan pada paras pendapatan isi rumah sebanyak tiga ratus lima puluh ringgit sebulan sedangkan kita tahu keadaan sekarang kos kehidupan begitu meningkat dan bilakah kerajaan, sebab saya dengar banyak kali bahawa garis kemiskinan ini akan dikaji semula dan saya ingin tahu bilakah garis kemiskinan ini akan dikaji kerana kita tahu dalam penghidupan di bandar contohnya, mungkin RM1,000 itu kita kena guna pakai sebagai garis kemiskinan.

Dan saya ingin tahu apa pandangan Yang Berhormat mengenai dengan keadaan di Pengkalan Pasir. Mungkinkah kerana tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada

perumahan kos rendah kerajaan yang tidak diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang menyebabkan rakyat negeri Kelantan tidak dapat menikmati rumah-rumah daripada pihak kerajaan, rumah kos rendah. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Baik Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah cuba

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, ini dah isi-isi baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah terjolok sarang tebuhan ni.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tak apa, biar dia jatuh. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tentang garis kemiskinan baru memang ini sudah pun diumumkan oleh kerajaan dari segi perlunya kajian dibuat, penelitian baru dibuat dan sudah pun dibuat oleh EPU, EPU yang membuatnya dan saya tahu ianya susah hampir-hampir selesai, bahkan dalam peringkat *final preview* dan sebagainya. Jadi biarlah EPU yang mengumumkan nanti dan saya percaya setelah dibuat kajian semula seperti ini, garisnya sudah berbeza tidak mungkin setelah sekian lama bahawa ianya tetap pada kadar yang sama.

Dari segi Pengkalan Pasir, mengapakah kemiskinan masih ketara? Mengapakah rumah-rumah orang-orang miskin yang masih lagi buruk? Memang seperti yang saya jawab dalam soalan beberapa hari yang lepas, memang dari segi peruntukan Kerajaan Pusat, Kelantan mendapat peruntukan yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Kerajaan Pusat tidak mengira dari segi kepentingan politik masih menyalurkan peruntukan yang paling tinggi baik dari semua aspek, dari segi kemudahan asas mahu pun dari segi pembinaan rumah dan juga membaiki rumah. Saya tahu kerana membaiki rumah ini, kita dibahagi di setiap kawasan Parlimen, setiap DUN, kita dapat baru-baru ini, peringkat baru ini, RM200 ribu setiap DUN untuk membaiki rumah, kita bagi RM2-3 ribu satu rumah untukbaiknya, beratus rumah. Ini sudah dijalankan beberapa tahun dan saya tahu tidak ada usaha-usaha yang sedemikian dilakukan di negeri-negeri lain kerana negeri lain kebanyakan rumah-rumahnya sudah okey lah, memang ada sesetengah tetapi peruntukan yang paling besar di Kelantan.

Jadi di samping peruntukan yang paling besar di Kelantan, keadaan di Kelantan masih jauh berbeza berbanding dengan negeri lain. Yang asasnya Yang Berhormat, ialah kita tidak boleh mengharap kepada bantuan untuk mengeluarkan kita daripada kemiskinan semata-mata. Ia mesti ada daya keupayaan, untuk orang-orang kita mencari rezeki, bekerja, mencari peluang, berniaga ke, makan gaji ke, bukan sahaja untuk kita tapi untuk anak-anak kita, yang sudah pun pergi belajar ke IPTA dan sebagainya, balik akhirnya tidak dapat pekerjaan di negeri Kelantan kerana peluang pekerjaan di negeri Kelantan cukup-cukup tidak ada.

Tidak ada penambahan baik dari segi jawatan kerajaan mahupun pekerjaan swasta, kalau hendak buat kerja, kerjalah sendiri-sendiri sehingga ada golongan yang keluar daripada IPTA lepasan universiti yang menjual burger. Saya lihat dengan mata saya sendiri, dengan

anak-anak berkeliaran di pinggangnya menjual burger. Lepas dari sebuah universiti begitu sedih, soalnya seberapa lamakah.....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Berapa lama lagikah Yang Berhormat? Soalnya polemik ini tidak akan berakhir. Yang Berhormat boleh cakap apa, di kedai kopi boleh cakap apa, penyokong-penyokong Yang Berhormat boleh cakap apa tetapi hakikatnya tetap hakikat, bahawa kita di negeri kita, orang-orang kita jauh ketinggalan kerana tidak ada peluang untuk kita memperbaiki diri kita dan kita tidak boleh mengharapkan semata-mata bantuan dari luar untuk kita memperbaiki nasib kita. Sekian Yang Berhormat terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang nampak kesungguhannya dalam memberi jawapan tadi. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Korperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Bajet 2006 kali ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan isu-isu mengenai kutipan balik pinjaman pendidikan MARA dan pengangkutan awam. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembayaran balik pinjaman pendidikan MARA sukacita dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kementerian sentiasa memantau dan mengambil berat ke atas pelajar-pelajar yang masih tidak membayar balik pinjaman mereka. Di antara tindakan yang telah diambil sehingga ini adalah seperti berikut:

- notis yang dikeluarkan 14 hari kepada 7,384 pelajar;
- saman kepada 2,029 pelajar;
- penghakiman kepada 2,481 pelajar;
- pelaksanaan kebankrapan kepada 434 pelajar;
- pelaksanaan, penyitaan dan penjualan kepada 39 pelajar; dan
- pelaksanaan saman penghutang dan kehakiman kepada 13 pelajar.

Hasil bagi tindakan yang telah dilaksanakan, seramai 3,529 orang daripada 12,380 peminjam tegar telah pun menyelesaikan pinjaman. 2,428 peminjam mengemukakan rayuan dan 1,862 orang telah menerima penjadualan semula kaedah bayaran balik hutang mereka. Selain daripada itu bagi meningkatkan keberkesanan kutipan balik pinjaman tersebut, MARA pada masa ini sedang melantik ejen kutipan hutang bagi menjejaki peminjam-peminjam tegar. Kementerian juga sedang menimbang langkah tambahan.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita diberitahu tentang tindakan terhadap penjamin? Adakah sebarang tindakan diambil terhadap penjamin pinjaman itu? Dan bolehkah kita diberi angka seperti kes-kes bilangan berapa-berapa dan sebagainya tetapi tidak sebut penjamin. Nampaknya tidak ada tindakan terhadap penjamin kerana penjamin juga satu aspek yang penting dalam perkara ini, terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah penjamin setakat ini kita kenakan tindakan, tetapi saya tidak ada angka spesifik untuk menjelaskan kepada Yang Berhormat.

Selepas ini mungkin kita akan bagi secara bertulis ataupun sekejap lagi mungkin kita akan boleh maklumkan kepada Yang Berhormat. Kementerian juga sedang menimbang langkah tambahan, iaitu untuk memberi pinjaman dan biasiswa pendidikan kepada anak-anak lain dalam keluarga peminjam tegar di setiap institusi pengajian MARA dan program pendidikan anjuran MARA. Ini satu tindakan yang terpaksa dilakukan kalau tidak ia tidak akan beri peluang kepada anak-anak lain yang ingin membuat pinjaman dari *loan* MARA. Kementerian sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai mutu perkhidmatan pengangkutan perdagangan bagi memenuhi keperluan orang ramai.

Sehubungan dengan itu kementerian telah menetapkan sasaran kualiti 5 tahun iaitu 2006 ke 2010 kepada perkhidmatan pengangkutan awam yang menekankan aspek-aspek keselamatan, keselesaan, kecekapan dan perkhidmatan mesra pelanggan. Di samping itu penguatkuasaan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan pemegang lesen memenuhi syarat-syarat lesen dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun kerjasama pengguna adalah sangat penting dalam usaha penguatkuasaan tersebut. Pengguna hendaklah memberi dan menyalurkan maklumat berhubung dengan kesalahan pengusaha-pengusaha pengangkutan kepada Lembaga Pelesenan. Kenderaan perdagangan LPKP supaya tindakan dapat diambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini LPKP telah menjalankan penguatkuasaan ke atas teksi-teksi di Pulau Penang dan seramai 28 pemegang lesen telah pun dikenakan tindakan. Kementerian sedar akan masalah sistem pengangkutan awam yang kurang cekap di seluruh negara termasuk juga di Lembah Klang. Walaupun tumpuan diberikan untuk menangani masalah pengangkutan awam di Lembah Klang.....

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Terima kasih, hendak dikenakan apa nama tadi itu per .28 penguasa lesen.....

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Pemegang.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed:pemegang kuasa lesen. Apakah tindakan itu berkenaan dengan tidak memakai meter?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ia termasuk tidak menggunakan meter dan lain-lain kesalahan yang didapati oleh pemandu teks.

Kementerian sedar akan masalah sistem pengangkutan awam yang kurang cekap di seluruh negara termasuk juga di Lembah Klang, walaupun tumpuan diberi untuk menangani masalah pengangkutan awam di Lembah Klang, tetapi sejak kebelakangan ini kerajaan turut mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah pengangkutan di kawasan-kawasan lain. Dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar yang ke-97 pada 26 Julai 2005, keputusan telah dibuat supaya setiap kerajaan negeri merangka pelan penyusunan semula sistem pengangkutan masing-masing. Sebagai contoh beberapa kerajaan negeri seperti Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor sedang mengambil langkah-langkah untuk menyusun sistem pengangkutan masing-masing dengan kerjasama kementerian.

Selaras dengan langkah yang sedang diambil oleh kerajaan negeri, kementerian tidak bercadang untuk memberi kuasa pelesenan kepada kerajaan negeri. Ini kerana sistem pengangkutan harus dilihat secara bersepadu dan menyeluruh yang mempunyai rangkaian perkhidmatan melintasi sempadan kerajaan negeri. Bagi sistem pengangkutan yang khusus beroperasi dalam negeri sahaja. Kementerian akan mengekalkan prosedur yang ada di mana setiap keperluan lesen hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya dapat diselaraskan.

Kedua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator M. Munusamy, sukacita saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini terdapat pelbagai dana untuk membantu PKS yang berkecukupan.

Di antara dana-dana tersebut ialah, pembiayaan modal teroka, tabung usahawan siswazah, tabung industri kecil dan sederhana dan tabung pemulihan perusahaan kecil serta skim-skim bantuan kewangan di bawah Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana SMIDEC dan *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* atau MIDF.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad telah membangkitkan beberapa isu mengenai kontraktor kelas F. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan telah pun menggaris strategi baru kontraktor kelas F dalam usaha membangun usahawan binaan yang berkualiti dan berwibawa.

Sehubungan dengan ini beberapa langkah telah dirangka dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan seperti berikut:

Pertama, mengadakan program pembangunan kontraktor binaan bagi meningkatkan pengetahuan, keupayaan dan kemahiran kontraktor melalui kursus dan latihan teknikal yang dianjurkan oleh PKK, dan di samping itu penekanan juga diberi dalam meningkatkan motivasi dan tahap pengurusan bagi membantu kontraktor dalam menguruskan syarikat dengan lebih cekap.

Kedua, menaikkan syarat modal syarikat daripada RM5 ribu kepada RM10 ribu dan menghadkan kerja-kerja cabutan undi untuk nilai RM50 ribu ke bawah sahaja. Bagi kerja-kerja cabutan undi, kebenaran menyertai cabutan undi hanya diberi kepada usia lesen tidak melebihi tiga tahun.

Ketiga, mensyaratkan setiap kontraktor yang ingin memperbaharui pendaftaran perlu menghadiri sekurang-kurangnya sekali kursus anjuran PKK ketika memohon pembaharuan. juga kontraktor yang mempunyai pejabat sendiri akan diberi pertimbangan keutamaan.

Keempat, kewajipan pemegang lesen beroperasi secara sepenuh masa. Bagi mereka yang bekerja tetap atau makan gaji tidak dibenarkan memiliki lesen Kelas F.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Ahmad: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan kontraktor kelas F, kita ada banyak kontraktor kelas F, kerja-kerjanya tidak banyak. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menggabungkan kontraktor kelas F sebagai satu syarikat untuk mengecilkan bilangan kontraktor kelas F supaya dapat mengendalikan projek itu dengan lebih berkesan dan bermakna. Sekian, terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Itu ialah merupakan satu daripada rancangan kerajaan dan sememangnya itulah kita galakkan supaya kontraktor kelas F yang ada ditambah pembaikan dengan mempunyai kemahiran yang berupaya untuk membuat pembinaan dan adalah cantik jika ia dikonsortiumkan dan berkongsi pejabat bagi kemudahan untuk mereka beroperasi dalam menjalankan projek-projek binaan yang diberikan kepada mereka. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Terima kasih. Yang Berhormat saya ingin mendapat sedikit penjelasan ataupun rancangan oleh pihak kementerian. Memandangkan bahawa jumlah kontraktor kelas F telah meningkat hampir 38 ribu orang berbanding dengan kontraktor-kontraktor lain kerana nisbahnya di...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa nisbah kontraktor dengan penduduk di Malaysia ini adalah satu orang kontraktor sedangkan perkhidmatannya kepada 350. Memandangkan hal ini, maka kerajaan telah mengambil langkah-langkah sebagaimana yang telah diterangkan Yang Berhormat untuk mengurangkan atau mengecilkan. Tetapi pada pandangan saya bahawa di dalam kita mengecilkan jumlah kontraktor ini, ia akan menjadi satu bebanan juga kepada mereka-mereka yang ada lesen-lesen ini.

Tidakkah terlintas di kementerian untuk melatih dengan lebih mendalam lagi kontraktor-kontraktor ini supaya menjadi kontraktor yang tulen kerana ia boleh menjalankan kerja-kerja yang

begitu baik yang banyak cabang di dalam bidang kontrak ini dan pengkhususan kepada bidang-bidang tertentu. Jadi, daripada kita mengurangkan kontraktor ini yang ada sekarang ini, kita memahirkannya di dalam jurusan tertentu. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, tugas kementerian memangnya hendak membangunkan usahawan. Dengan lambakan kontraktor kelas F sebanyak lebih kurang 35 ribu, ini bukan semua pun pemilik kontraktor kelas F berupaya ataupun mempunyai kemahiran untuk melaksanakan projek yang dianugerahkan atau diberikan. Dengan sebab itulah kementerian berpendapat ada baiknya kita kecilkan supaya mereka diberi latihan khusus untuk mereka dilatih sebagaimana cadangan Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kelas F yang ada hari ini setelah kita buat kajian didapati ramai yang tidak berupaya, yang bertukar tangan, yang ber"Ali Baba", tidak berpejabat dan tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan. Jadi, kita memang hendak bantu. Tetapi kalau ada ,konsortium ataupun kontraktor seperti Yang Berhormat, kontraktor kelas A, ini yang sebaik-baiknya dapat menjadi payung kepada kontraktor kelas F membantu, membimbing dan memantau setiap kerja daripada kita memberi lesen kepada mereka yang tidak berupaya untuk mendapatkan projek mahupun kerja-kerja daripada kerajaan dan mana-mana pihak .

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Ahmad: Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat berhak hendak beri laluan atau tidak hendak beri laluan. Kalau Yang Berhormat ada majlis dan hendak balik awal sedikit, tidak usah layanlah semua [*Ketawa*] Hendak layan?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tidak apa, kita bagi.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Pada hal banyak perkarayang saya sudah dengar banyak kali di Dewan ini. [*Ketawa*].

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Okey.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Ahmad: Tetapi ini Tuan Yang di-Pertua, ucap catatannya dia dan terima kasih kepada Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada cadangan pihak kementerian untuk menggabungkan konsortium kontraktor-kontraktor kelas F. Cumanya sekarang ini saya hendak bertanya pada pihak kementerian, adakah kementerian berhasrat untuk mengelaskan kontraktor-kontraktor menurut prestasi kerja dan prestasi kewangan kerana ini boleh menjadi insentif kepada syarikat-syarikat untuk memperbaiki prestasi mereka secara keseluruhan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop Itu merupakan satu cadangan yang baik. Daripada 46,000 kontraktor-kontraktor bumiputera kelas A, hanyalah baru ada sebanyak bilangan lebih

kurang 2,000 dan cadangan Yang Berhormat itulah sebenarnya yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih. Saya hendak sambung balik yang tertinggal tadi..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berada di sekitar menggulung perbahasan di atas hasrat kerajaan membelanjakan sekian banyak wang dalam mengejar beberapa objektif untuk negara. Saya tidak mahu perbahasan hanya menjurus pada kontraktor sehinggakan masalah keselamatan negara semua tenggelam. Itulah saya cuba bendung sukatan-sukatan masa memberi kepada supaya penggulungan ini meliputi strategi dan semua perhitungan utama dalam pembentangan bajet tersebut. Sila Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di kalangan bumiputera banyak sangat tumpuan sebagai usahawan kontraktor sebab itu kita perlu perjelaskan.

Jadi, yang keenam, kita ingin menghebahkan senarai kontraktor yang dikenakan tindakan tatatertib agar sekatan dalam menyertai perolehan kerajaan dapat diambil;

Ketujuh, menubuhkan sebuah panel kementerian dianggotai oleh kontraktor-kontraktor tempatan bagi menilai aduan-aduan berkenaan lesen yang di"Ali Baba"kan. Kelapan, kita ingin bangunkan sistem maklumat kontraktor bagi memudahkan pemantauan prestasi kontraktor yang menjadikan rujukan kepada agensi yang membuat pemilihan kontraktor untuk perolehan kerja kerajaan.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekian saja jawapan dari saya berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini, kementerian saya akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Sebab itu saya cuba meringkaskan masa bagi beliau menunggu nanti beliau tidak mahu datang lagi ke Dewan yang mulia ini. Jadi, saya menjemputlah bagi yang berkuasa mengenai bidang belia dan sukan untuk menggulung.

5.40 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, ada empat.....

Tuan Yew Teong Look: Maaf, Yang Berhormat! Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kementerian Wilayah Persekutuan, ya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya difahamkan sudah diadakan perkiraan supaya silih berganti, ditukar suka sama suka. Bagi peluanglah kepada Menteri kanan kita, terima kasih. Orang kanan bukan Menteri kanan, nanti Menteri lain marah pada saya pula.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 13, 14 dan 15 Disember Tuan Yang di-Pertua, empat soalan telah diutarakan oleh empat Senator. Izinkan saya menjawab soalan pada tarikh-tarikh soalan ditanya.

Pada 13 Disember Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir memberikan ucapan tahniah kepada kementerian atas kejayaan dalam Sukan SEA dan juga telah menimbulkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan harus menyediakan program-program yang relevan yang dapat diterima oleh belia masa kini dan berbincang dengan persatuan belia tempatan berkenaan dengan program yang sesuai untuk dianjurkan dan soalan ketiga ialah untuk kementerian mengkaji semula kaedah pemberian bantuan kepada persatuan-persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kejayaan Sukan SEA. Sebenarnya kejayaan ini adalah kejayaan Kerajaan Malaysia bersama persatuan-persatuan sukan, atlet dan juga Majlis Olimpik Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan visinya untuk cemerlang, gemilang dan terbilang telah membenarkan kewujudan Jawatankuasa Kabinet yang terdiri daripada 15 orang Menteri Kabinet. Jawatankuasa ini telah dapat bersama untuk memberikan pandangan supaya atlet-atlet dapat menjadikan sukan sebagai satu budaya dan satu kerjaya. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, formula ini dapat dipanjangkan kepada Sukan Komanwel tahun 2006 pada bulan Mac dan Sukan Asia pada hujung tahun 2006.

Berkenaan dengan isu relevannya program-program belia dan untuk dibincangkan persatuan belia telah menjadi budaya Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan bekerjasama dengan Persatuan Belia. Kewujudan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IPPBM) baru-baru ini adalah untuk memberikan panduan kepada pegawai-pegawai kementerian, terutama sekali kepada kawasan hitam, putih dan kelabu belia-belia kita di kawasan bandar dan luar bandar. Tidak semua, Tuan Yang di-Pertua, belia kita mempunyai minat yang sama.

Oleh itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia akan diwujudkan secara rasminya di bawah akta belia supaya peruntukan khas dapat diwujudkan dan harapan Kementerian Belia dan Sukan, institut ini dapat menjadi pemangkin bersama dengan persatuan belia supaya program-program persatuan belia tidak menjadi program yang ke arah pembaziran.

Berkenaan dengan cadangan bahawa kementerian harus mengkaji semula kaedah pemberian bantuan, kementerian sangat bersetuju. Ini adalah kerana kementerian melihat persatuan-persatuan belia memerlukan 100% bantuan daripada kerajaan. Sepatutnya persatuan belia mencari bantuan kewangan untuk program-program mereka tetapi disebabkan oleh keadaan ekonomi pada hari ini, tidak banyakkah syarikat-syarikat swasta sebagai contoh ataupun individu-individu yang mahu menaja program-program belia.

Itu sebabnya semalam, Tuan Yang di-Pertua, dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, Exco mewakili belia dan sukan di setiap negeri bersama dengan kementerian telah bermesyuarat

semalam dan telah dipersetujui bahawa sebanyak RM100,000 akan diberikan kepada pengarah belia dan sukan setiap negeri supaya ini di dalam bidang kuasa untuk membantu menjalankan program-program aktiviti belia dengan persatuan-persatuan belia.

Bagi Exco kerajaan negeri kementerian telah bersetuju untuk memberi pada tahun depan RM400,000 setiap Exco untuk menjalankan program-program belia dan juga program-program sukan tetapi program sukan, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan program sukan untuk semua bukan sukan prestasi tinggi. Sukan prestasi tinggi adalah tanggungjawab Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri. Itu sebabnya peruntukan RM400,000 kepada Exco kerajaan negeri adalah untuk menjalankan sukan untuk semua dan program aktiviti belia.

Pada 14 Disember, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah membangkitkan beberapa isu. Pertama sekali berkenaan dengan isu sukan, di mana Yang Berhormat Senator telah mencadangkan supaya kementerian memberikan keutamaan kepada bidang sukan dan juga mencadangkan supaya kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada kementerian melalui Tabung Amanah Sukan.

Jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, keputusan memberi penambahan peruntukan kepada kementerian adalah kepada Menteri Kewangan. Tetapi kementerian mengakui bahawa isu sukan menjadi isu yang sensitif di segi perbelanjaan kerana penajaan melalui minuman keras dan juga rokok tidak dibenarkan lagi. Pada tahun 60an, 70an dan 80an dahulu, banyak aktiviti sukan ditaja oleh syarikat-syarikat berkenaan. Tetapi Kerajaan Malaysia telah bersetuju dengan tindakan seluruh kerajaan-kerajaan di dunia supaya tidak menggalakkan penajaan sukan daripada syarikat-syarikat rokok dan juga syarikat-syarikat arak. Itu sebabnya Tabung Amanah Sukan diwujudkan dan tabung ini bidang kuasanya Menteri Kewangan.

Berkenaan dengan kementerian memberi keutamaan kepada bidang sukan tidak bolehlah menjadi 100% fokus kementerian kerana kementerian bertanggungjawab untuk melihat pembangunan belia dan juga sukan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan belia adalah untuk sukan dan sukan adalah untuk belia. Jadi, di sini kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, memberi keutamaan kepada belia dan sukan bererti membantu pembangunan agenda pembangunan belia dan sukan di dalam negara kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain juga mencadangkan kementerian menjalinkan hubungan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran supaya bakat dan minat dalam bidang sukan dapat dipupuk. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi adat kementerian bekerjasama bukan sahaja dengan Kementerian Pelajaran tetapi Kementerian Pengajian Tinggi. Kewujudan fakulti-fakulti sukan di universiti tempatan dan juga di sekolah-sekolah, terutama sekali Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar menunjukkan bukti hubungan tetapi diterima bahawa hubungan ini perlu dipanjangkan memandangkan semua atlet-atlet yang baru dicari oleh Kementerian Belia dan Sukan memang datangnya daripada alam persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain juga telah mencadangkan isu berkenaan Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi perhatian kepada persatuan belia yang dipimpin oleh pemimpin yang bukan lagi belia. Ini Tuan Yang di-Pertua isu yang sangat sensitif kerana negara kita tidak ada definisi umur belia. Kita tidak ada definisi umur belia dan di dalam Perlembagaan pun tidak adanya peruntukan untuk belia. Itu sebabnya Kementerian Belia dan Sukan mencadangkan pada tahun hadapan akta belia diwujudkan supaya definisi belia di bawah umur 40 tahun.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca surat khabar banyak pemimpin persatuan tidak setuju. Jadi, ini menjadi satu isu yang perlu didebatkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kementerian berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dapat menggunakan akal untuk memberikan keputusan yang bijak kepada kementerian supaya definisi belia ini dapat didefinisikan. Bagi pihak kementerian, kalaulah akta belia ini dapat diluluskan, insya-Allah, gerakan-gerakan belia di negara kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat perkataan yang lebih baik daripada 'akal' itu ialah perkataan hemat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Maaf, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan yang lebih baik dan kurang mungkin menyinggung ialah 'hemat' bukan 'akal'.

Datuk Azalina binti Othman Said: Khidmat?

Tuan Yang di-Pertua: Menggunakan 'hemah'.

Datuk Azalina binti Othman Said: Hemah. Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta belia ini dicadangkan untuk dibawa pada tahun depan, insya-Allah, dalam sidang yang diadakan untuk sesi yang pertama untuk tahun hadapan. Bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, akta ini bukan sahaja merangkumi isu umur belia tetapi juga merangkumi semua agenda-agenda, pendekatan-pendekatan kementerian supaya belia di dalam negara kita dapat mempunyai hala tuju yang dapat dilihat diwujudkan melalui perundangan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, pada 15 Disember ada dua jenis soalan yang telah dibawa. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim telah membawa isu berkenaan dengan kementerian harus mengenal pasti bakat-bakat baru dan menubuhkan maktab untuk pelajar, seperti maktab tentera dan kementerian perlu memberi pengiktirafan dan kebajikan yang sewajarnya kepada atlet dan juga jurulatih yang cemerlang dengan skim insentif atas ganjaran yang lebih baik seperti pemberian pencen.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, isu berkenaan dengan bakat-bakat baru ini memang menjadi budaya dan juga dasar majlis sukan negara untuk mewujudkan bakat-bakat baru melalui kerjasama dengan kementerian-kementerian yang relevan. Kita baru-baru ini telah melancarkan program *Talent Identification Programmed (TIP)*, melalui program cari *champion* ke atas program

lapan sukan teras yang telah dipilih jenis sukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku pengerusi jawatankuasa Kabinet.

Di dalam program ini terdapat dua tahap iaitu tahap satu antara 10 hingga 11 tahun dan tahap dua 12 hingga 13 tahun. Dan, di dalam program ini Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara supaya atlet-atlet yang mempunyai potensi dapat dipilih dan dimasukkan kepada program-program tertentu yang dilaksanakan bersama antara Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi seperti Program Tunas Cemerlang, Program Cemerlang 2010 dan juga Program Bakat Khas.

Insyallah Tuan Yang di-Pertua, hubungan ini yang dapat dijalinkan menunjukkan bahawa formula kejayaan atlet-atlet negara perlu dirancang bagi mereka di dalam umur alam persekolahan. Berkenaan dengan skim insentif seperti sekarang ada....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih, mengenai dengan bakat tadi, saya masih memerlukan penjelasan mengenai isu kebanyakan bakat-bakat baru kita yang berjaya ini datangnya daripada pelajar-pelajar sekolah dan termasuk pelajar yang masih menuntut di luar negara dan sebagainya. Tetapi masalah yang sering timbul kepada mereka ialah seperti mana yang saya tanya sebelum ini iaitu tentang peperiksaan kuliah mereka pengajian dan sebagainya yang menganggur latihan dan sebagainya. Jadi apakah perkara ini sudah pun dibincangkan dengan Kementerian Pelajaran, apakah alternatif untuk menyesuaikan isu ini, terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua memang diakui bahawa pendidikan anak-anak yang menjadi atlet-atlet yang berbakat sukan ini dijadikan keutamaan oleh Kementerian Belia dan sukan dan memang juga Kementerian Belia dan juga Kementerian Pelajaran sentiasa berbincang berkenaan dengan kebajikan. Kerajaan Malaysia tidak pernah berminat untuk hanya melahirkan jaguh sukan tanpa mempunyai jaguh sukan yang berpelajaran. Itu sebabnya kalau dikaji daripada atlet-atlet yang berjaya di Sukan SEA, atlet-atlet remaja kebanyakannya menjadi pelajar-pelajar di universiti tempatan dan mereka di universiti luar negara ada yang ditaja oleh kerajaan ataupun mereka mendapat penajaan kerana kecemerlangan mereka dalam bidang sukan tersebut. Tetapi tidak dinafikan menjadi keutamaan Kementerian Belia dan Sukan, pendidikan dan pelajaran anak-anak tersebut tidak boleh diabaikan kerana ini adalah tanggungjawab sosial kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan skim insentif, skim hadiah kecemerlangan sukan atlet remaja, persatuan sukan kebangsaan, jurulatih memang sentiasa menjadi skim yang diberikan keutamaan oleh Lembaga Pengurusan Majlis Sukan Negara. Penubuhan Unit Kebajikan Atlet pada tahun lepas adalah antara pendekatan baru Majlis Sukan Negara untuk menentukan bahawa kepentingan atlet masa depan dan juga kebajikan atlet semasa dan selepas aktif dalam sukan menjadi keutamaan kerajaan.

Contohnya, baru-baru ini, pemberian insentif kepada Nicole David yang diputuskan oleh Kabinet sebanyak RM200 ribu itu kerana konsistensi dengan izin oleh saudari Nicole Anne David untuk menjadi pemain squash nombor satu dunia. Ini menunjukkan bahawa budaya kerajaan memerintah Tuan Yang di-Pertua adalah menentukan bahawa balasan yang diberikan adalah berpatutan. Walau bagaimanapun, status hari ini masih kekal kepada RM160 ribu kepada atlet yang berjaya mendapat pingat emas dalam Sukan Olimpik dan pingat-pingat dalam sukan-sukan yang lain mempunyai senarai-senarai yang tertentu.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Puan Hajah Samsiah telah menimbulkan isu berkenaan dengan menyarankan supaya Bahagian Belia dan Bahagian Sukan diasingkan bagi mendapatkan pengurusan yang lebih baik dan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, struktur organisasi Jabatan Belia dan Sukan Negara sedia ada telah pun diasingkan. Pada tahun lepas, Bahagian Pembangunan Sukan telah dipecah, bukan sahaja kepada bahagian Pembangunan Belia, tetapi kepada Bahagian Pembangunan Sukan. Di bawah bahagian Pembangunan Belia, diwujudkan Bahagian Rakan Muda. Ini menunjukkan bahawa kementerian pada hari ini, mempunyai tiga orang Timbalan Ketua Pengarah, satu yang jaga isu belia, satu yang menjaga isu rakan muda dan satu menjaga isu sukan untuk semua diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan tiga orang Timbalan Ketua Pengarah. Ini menunjukkan bagi pihak kementerian, perlunya pengkhususan dan pengasingan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab kepada isu belia dan isu sukan.

Walaupun bagaimanapun, sukan prestasi tinggi pengkhususan oleh pegawai-pegawai di Majlis Sukan Negara. Tetapi, di Jabatan Belia dan Sukan, masih lagi seorang Pengarah di peringkat negeri menjadi Pengarah Jabatan Belia dan Jabatan Sukan. Di mana Jabatan Belia dan Sukan disatukan. Baru-baru ini di mesyuarat Jawatankuasa Kabinet pada awal tahun 2005, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Belia dan Sukan supaya di setiap negeri itu diwujudkan dua pengarah, satunya Pengarah Bahagian Belia dan lagi seorang Pengarah Bahagian Sukan di bawah Jabatan Belia dan Sukan, kerana sukan prestasi tinggi, pengkhususannya berlainan dengan sukan untuk semua. Penggerakan gerakan belia, keperluan bahagian belia juga adalah berbeza dengan sukan untuk semua. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang telah dijawab...

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Silakan.

Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan juga Menteri. Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan Yang Berhormat Menteri selama ini untuk menjayakan Kementerian Belia. Sekarang kita lihat, tahun ini dan dengar fasal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kalau kita hendak lihat kejayaan negara kita yang akan datang 20, 30 tahun akan datang, lihatlah belia dan pemuda

sekarang. Jadi bagaimana, pandangan Yang Berhormat Menteri, di atas untuk membendung belia-belia sekarang untuk menjadi belia-belia yang baik budi pekerti, supaya kita dapat menubuhkan satu ikatan Belia Hadhari. Apakah perancangan pihak kementerian untuk menjayakan program Ikatan Belia Hadhari supaya kita dapat menjayakan negara kita pada tahun akan datang, sekian terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian sentiasa berpegang bahawa tanggungjawab mengeluarkan belia Hadhari yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator adalah tanggungjawab semua pihak. Kementerian melihat tanggungjawab belia bukan hanya di bahu kementerian, memandangkan bahawa kementerian-kementerian yang ada dalam kerajaan kita pada hari ini, secara langsung ataupun tidak langsung mengendalikan program bersama belia. Contohnya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian sumber Manusia. Kementerian-kementerian ini mempunyai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *target* audiens yang sama, kebanyakannya generasi belia.

Itu sebabnya bagi kementerian Akta Belia sangat-sangat diperlukan, sekurang-kurangnya persatuan belia dan mana-mana individu ataupun organisasi yang mahu mengerakkan apa-apa program secara langsung ataupun tidak langsung harusnya mendapat satu panduan ke arah apa kah itu belia. Bagi pihak kementerian, kalau dikaji kepada isu wanita, di dalam Perlembagaan adanya perkara untuk melindungi wanita. Tetapi tidak kepada isu belia Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, bagi pihak kementerian, Insya-Allah, dengan adanya akta, sekurang-kurangnya belia dalam negara kita mengetahui yang paling penting apakah itu definisi belia sebenarnya.

Dengan kesimpulan itu Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian Belia dan Sukan, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan dan Insya-Allah ada jikalau mana-mana Yang Berhormat-Yang Berhormat masih mempunyai apa-apa soalan secara tidak rasmi ataupun rasmi, sila boleh kemukakan soalan kepada kementerian melalui saya secara bertulis ataupun secara lisan apabila berjumpa dan berbual. Insya-Allah, segala cadangan yang baik akan dapat dilaksanakan, dengan izin terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput wakil yang bawa kuasa-kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi, teksi sudah habis, bas pun habis, belia pun habis, pengajian tinggi pun habis, kini kepada ibu negara.

5.58 ptg

Setiasaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua.....

Tuan Yang di-Pertua: Kontraktor pun sudah habis.

Tuan Yew Teong Look: *[Ketawa]*... Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya akan menjawab soalan-soalan dan berusaha menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Pertamanya, sebagai menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee berkaitan pusat hiburan yang beroperasi tanpa permit, operasi lebih masa yang dibenarkan, wujudnya pusat pelacuran yang mana terdapat ulat-ulat yang bertindak sebagai bapa ayam untuk mendapatkan pelanggan. Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan pusat hiburan di jalan Doraisamy, kawasan ini merupakan kawasan premis kediaman yang terbiar. Premis-premis ini telah mendapat kelulusan tukar kegunaan dari Jabatan Perancang DBKL untuk digunakan sebagai premis perdagangan secara sementara. Premis-premis yang diluluskan oleh jabatan tersebut adalah sebagai restoran, pub atau cafe danurut refleksoloi. Kelulusan untuk aktiviti hiburan hanya diberikan kepada satu premis sahaja, iaitu The Loaf secara sementara untuk tempoh 3 bulan.

Namun ianya tertakluk kepada permohonan pembaharuan. Untuk makluman tempoh had masa operasi pusat hiburan yang dibenarkan adalah berikut :-

| Kawasan | Masa |
|---|-----------------------------|
| Di kawasan pusat bandar | Sehingga 3.00 pagi |
| Di kawasan tumpuan pelancongan | Sehingga 2.00 pagi |
| Di kawasan luar pusat bandar dan kediaman | Sehingga 12.00 tengah malam |

Mengikut siasatan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur didapati terdapat juga premis perniagaan yang mengadakan aktiviti hiburan tanpa pengetahuan dan kelulusan DBKL, tetapi ia hanya dalam jumlah yang kecil. Namun begitu DBKL di bawah Jabatan Pelesenan sentiasa membuat pemantauan dan tingkatkan penguatkuasaan yang berterusan di seluruh Wilayah Persekutuan termasuk kawasan Jalan Doraisamy, di mana di dalam masa yang sama juga DBKL sentiasa memantau keseluruhan aktiviti hiburan yang diadakan di premis yang berlesen bagi memastikan pengusaha mematuhi syarat kelulusan lesen seperti had masa beroperasi dan syarat-syarat lain serta sekatan yang berkaitan dengan kelulusan sesuatu lesen hiburan.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan wujud aktiviti pelacuran di Kuala Lumpur kegiatan 'ulat-ulat' atau 'bapa ayam' yang bertindak menjadi pelanggan, tindakan DBKL di bawah Jabatan Pelesenan adalah ke atas premis hotel di mana aktiviti tidak bermoral ini berlaku. DBKL bersama pihak polis sering kali mengadakan operasi bagi membanteras kegiatan tidak bermoral yang

berlaku di hotel-hotel di Jalan Bukit Bintang dan di sekitar Kuala Lumpur dengan mengambil tindakan menyita peralatan yang berkaitan dengan aktiviti hotel yang beroperasi tanpa lesen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator-senator banyak juga yang bermastautin di Kuala Lumpur tidak mahu minta penjelasan ke?

Tuan Yew Teong Look: Bagi hotel-hotel yang berlesen, lesen mereka akan dibatalkan serta menutup hotel secara fizikal bagi menangani masalah pelacuran ini. DBKL juga telah mengenal pasti kawasan dan premis yang menjadi tumpuan kegiatan tidak bermoral ini, yang mana di samping membanteras kegiatan pelacuran melalui kuasa-kuasa yang peruntukan di bawah Akta Hotel (WPKL) 2003. DBKL juga mengambil pendekatan jangka panjang iaitu dengan menasihatkan kepada pemilik premis yang terlibat dengan kegiatan berkenaan untuk menukar aktiviti perniagaan mereka.

Sehingga kini terdapat tiga buah premis yang telah menukarkan aktiviti perniagaan mereka dari hotel yang menjalankan aktiviti tidak bermoral ke perniagaan lain. Selain itu DBKL telah menubuhkan satu jawatankuasa dipanggil jawatankuasa keselamatan bersama polis dengan DBKL yang berfungsi sebagai satu badan untuk membantu mengatasi masalah gejala sosial di sekitar Kuala Lumpur seperti kes-kes jenayah ragut, perjudian haram, dan penyalahgunaan dadah. Jawatankuasa ini diketuai bersama Ketua Pengarah DBKL dan Ketua Polis Kuala Lumpur, di mana kekerapan mesyuarat jawatankuasa ini diadakan adalah dua bulan sekali. Operasi bersama yang diadakan adalah setiap minggu dan didapati banyak kebaikan yang diperolehi daripada operasi tersebut.

Datuk Haji Rizuan Abd Hamid: Minta laluan. Terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai operasi Dewan Bandaraya masih terdapat lagi wanita-wanita Islam yang bekerja di pusat-pusat hiburan, bekerja sebagai GRO dan mereka menjalankan kegiatan yang tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia GRO itu?

Datuk Haji Rizuan Abd Hamid: GRO ini macam *guest relation officer*.

Tuan Yang di-Pertua: *Government relation officer?*

Datuk Haji Rizuan Abd Hamid: Lebih kurangnya itu. Yang menjadi masalahnya Mufti Wilayah Persekutuan telah pun mengeluarkan fatwa yang tidak membenarkan wanita Islam bekerja sebagai GRO, tetapi kenapa pihak DBKL tidak memantau dan menangkap wanita Islam ini yang bekerja sebagai GRO apabila operasi dijalankan? Dan apabila kita baca surat khabar keluar dalam surat khabar yang kena tangkap itu adalah masih lagi wanita Islam. Minta penjelasan.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua memang ini adalah satu kenyataan bahawa ada wanita-wanita Islam bekerja sebagai GRO di pusat-pusat hiburan, tetapi setakat ini saya belum ada maklumat-maklumat yang berkenaan tentang kegiatan itu atau aktiviti itu. Walau

bagaimanapun pendapat Ahli Yang Berhormat ini memang akan diambil dengan serius oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan saya akan sampaikan pandangan Yang Berhormat ke kementerian saya supaya lebih menitikberatkan tentang kegiatan-kegiatan itu. Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan tentang permasalahan tempat-tempat maksiat yang sungguh mengejutkan kita dan dalam suasana kita melaungkan Islam Hadhari. Jadi saya mendapat maklumat daripada jawapan Parlimen bahawa dalam Wilayah Persekutuan sahaja mempunyai 264 buah kelab malam.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada juga boleh dikaitkan GRO dengan Islam Hadhari....

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Ya, sebab dia di bawah Kerajaan Persekutuan jadi saya ingin penjelasanlah. Jadi apakah pihak kerajaan membuat pemantauan terhadap kelab-kelab malam yang beroperasi dalam negara kita, yang kebanyakannya daripada tinjauan yang telah dibuat pembancuh-pembancuh arak adalah terdiri daripada golongan lelaki dan wanita Islam, yang membancuh arak bukan sahaja jadi GRO malah pembancuh arak itu adalah daripada lelaki dan wanita Islam yang menghidangkan arak kepada pelanggan-pelanggan. Dan juga saya ingin penjelasan berapakah bilangan pelacur yang ada setakat ini, dan adakah dia pelacur tempatan atau luar negara sebagaimana *response* daripada jawapan Menteri tadi. Sila kemukakan.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai bilangan pelacur memang saya tidak ada angkalah, walau bagaimanapun DBKL memandang serius dan untuk makluman Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Saya bimbang seketika, Yang Berhormat hendak jadi jaguh Yang Berhormat sebut angka.

Tuan Yew Teong Look: *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat tangkapan untuk GRO-GRO wanita Islam adalah di bidang kuasa JAWI, tetapi DBKL sentiasa bekerjasama dengan JAWI untuk menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu rumah urut yang membuat kerja-kerja maksiat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, untuk makluman Yang Berhormat Jabatan Pelesenan DBKL telah mengambil maklum tentang kegiatan rumah-rumah urut yang menjalankan kegiatan maksiat. Sehubungan dengan itu, pihak DBKL sentiasa membuat pemantauan yang berterusan dan serbuan terhadap premis-premis rumah urut yang dijalankan secara haram serta premis yang menjalankan kegiatan maksiat demi menjaga imej Malaysia. Antara lainnya, DBKL juga telah memperketatkan syarat-syarat bagi mendapat kelulusan lesen bagi menjalankan aktiviti urut yang selaras dengan peruntukan

undang-undang di bawah Undang-undang Kecil Establishment Kecantikan dan Kesihatan WPKL 2003 seperti berikut:

- (i) permohonan mestilah berumur 21 tahun ke atas dan mempunyai kelayakan dari pusat kesihatan atau tempat urut;
- (ii) premis untuk *establishment* pusat mengurut atau SPA hanya dibenarkan di premis hotel kelas bertaraf tiga, empat dan lima bintang sahaja;
- (iii) premis untuk *establishment* tempat mengurut hanya dibenarkan di premis rumah kedai atau kedai pejabat di tingkat bawah atau satu sahaja dan terletak di kawasan atau lokasi yang sesuai mengikut pendapat Dato' Bandar; dan
- (iv) premis rumah kedai atau kedai pejabat di tingkat satu yang digunakan sebagai premis mengendalikan tempat mengurut hendaklah mempunyai dua laluan tangga, untuk langkah-langkah keselamatan.

Sehubungan ini pihak DBKL amat memandag serius dan akan sentiasa membuat pemantauan yang berterusan bagi memastikan semua pengusaha rumah urut yang diberikan lesen memantau, syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah undang-undang supaya mereka tidak terdorong untuk menjalankan kegiatan maksiat di premis perniagaan mereka dan akan mengambil tindakan yang keras bagi pengusaha yang melanggar syarat-syarat perniagaan termasuk pengusaha yang tidak mempunyai lesen yang sah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator.....

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat memberikan syarat-syarat sebelum meluluskan lesen di rumah-rumah urut ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa anak-anak Melayu juga tidak dibenarkan bekerja sebagai tukang urut dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa bilik-bilik di dalam rumah urut ini mempunyai bilik-bilik sendirian yang bertutup dengan begitu rapi. Kenapa, tolong jelaskan. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk refleksologi memang ada wanita-wanita Islam bekerja di sana dan rumah urut lain sepanjang pengetahuan saya, tiada di Kuala Lumpur. Setelah Yang Berhormat menimbulkan tentang perkara ini, memang kementerian saya memandag serius tentang apa yang akan terjadi di Kuala Lumpur dan kita telah berbincang dan akan menjalankan langkah-langkah yang lebih keras ke atas menangani rumah urut ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok telah membangkitkan isu berhubung kebanyakan medan selera di Kuala Lumpur tidak "mesra pelanggan" di mana kerusi dan meja yang diletakkan tidak sesuai untuk pelanggan yang datang

bersama keluarga yang besar dan masalah saiz dapur yang kecil untuk menampung menu makanan yang banyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya medan selera yang dibina oleh DBKL adalah untuk peniaga kecil dan bukan peniaga bertaraf restoran. Maka, keperluan meja makan lazimnya tidak sebesar yang diperlukan di restoran. Tambahan lagi, medan selera yang dibina mempunyai ruang makanan yang terbuka. Ini menyebabkan kerusi dan meja ini perlu diletakkan untuk mengelakkan dari kecurian. Walau bagaimanapun, DBKL sedang membuat penambah baik.....

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau kita ingat semasa dahulu, ada cadangan pihak DBKL untuk bangunkan Chow Kit Road *market*. Sekarang ini sebagai *eye saw* dengan izin, jadikan sebuah *hawkers emporium* ataupun macam Pekan Rabu punya konsep, *dry and wet market* dengan izin. Jadi tanah yang sebenarnya lebih kurang tiga ekar di kawasan situ. Adakah pihak DBKL hendak terus merancang pembinaan *hawkers emporium* dengan izin ataupun Pekan Rabu punya konsep untuk menjayakan, membersihkan kawasan di situ. Bila ini dibangunkan, saya rasa kita dapat elakkan perkara-perkara yang jadi maksiat di kawasan di situ. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih Yang Berhormat. Memang perkara ini telah lama di bincang dan belum dijalankan lagi. Setakat ini kementerian pun juga ada beberapa kali berbincang hendak mempercepatkan projek membina semula pasar Chow Kit untuk kepentingan warga kota. Itu untuk makluman Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, DBKL sedang membuat penambahbaikan ke atas saiz dan susun atur kerusi dan meja di medan selera yang sedia ada mengikut keperluan. Pihak DBKL juga sedang mendapatkan maklum balas dari pengguna untuk projek-projek yang akan datang dengan memasang meja dan kerusi yang boleh diubahsuai mengikut keperluan jumlah dan kumpulan pengunjung yang datang. Untuk projek-projek yang sedang dijalankan dan juga projek-projek baru, DBKL telah mula menambahkan kepelbagaian saiz dan bilangan kerusi seperti dua tempat, enam dan lapan tempat duduk serta menyediakan kerusi dan meja jenis *stainless steel* // dengan izin, bagi menampung keperluan semasa.

Berkenaan reka bentuk dapur di medan selera yang dikatakan tidak mesra *cheft*, pada dasarnya saiz dapur kebiasaannya tertakluk kepada keluasan sesuatu tempat itu dan saiz *standard* bagi dapur adalah 10x10. Walau bagaimanapun, terdapat saiz dapur yang lebih kecil dari *standard* yang ditetapkan. Mengikut saiz sedia ada, kelazimannya para peniaga hanya dapat menyediakan menu di antara 10 hingga 15 jenis masakan sahaja pada sesuatu masa.

Sekiranya para peniaga ingin menyediakan menu yang lebih banyak lagi, menarik ramai pengunjung datang, mereka dinasihatkan supaya menjalankan perniagaan mereka di restoran, yang mana *saiz* restoran adalah lebih besar dan sesuai untuk menyediakan pelbagai menu makanan kepada para pengunjung. Sebagai maklumat lanjut, pihak DBKL sedia ada mempunyai sebuah unit khas iaitu Unit Aduan dan Penguatkuasaan yang akan memantau medan-medan selera di sekitar Kuala Lumpur dari semasa ke semasa dan bagi memastikan masalah ini tidak berulang.

Pegawai DBKL akan sentiasa mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan penjaja dan juga akan mendapatkan maklum balas dari peniaga-peniaga dan pelanggan-pelanggan dengan mengambil segala pandangan yang bernas bagi mewujudkan medan-medan selera yang dapat memenuhi permintaan dan keselesaan para peniaga dan pelanggan pada masa akan datang.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri, berkaitan dengan perkampungan setinggan, beliau memohon Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), apabila merobohkan setinggan, memberikan tempoh yang mencukupi untuk mereka berpindah dan menyediakan rumah dengan harga yang berpatutan dan Yang Berhormat juga menyarankan supaya permintaan penduduk setinggan hendak terus ke rumah kekal.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan setinggan yang dilakukan adalah mengikut prosedur atau tatacara yang terkandung di bawah Ordinan 1969. Bagi setinggan kediaman, mereka diberi tempoh dua minggu untuk berpindah ke rumah alternatif yang disediakan dan mengosongkan tapak setinggan yang didiami. Manakala bagi setinggan bukan kediaman, mereka diberi tempoh selama sebulan untuk mengosongkan tapak yang diduduki.

Bagi setinggan jenis bukan kediaman, tidak sebarang tempat gantian diberikan. Bagi setinggan kediaman di atas tanah kerajaan, pihak DBKL menyediakan sagu hati sebanyak RM1,000 bagi setiap keluarga. Bagi tujuan pemilihan setinggan, pihak kerajaan telah menyediakan rumah-rumah kos rendah (PBR) sebagai tempat tinggal alternatif atau gantian. Rumah-rumah yang disediakan ada juga dalam bentuk sewa iaitu sebanyak RM124 sahaja sebulan. Setakat ini keputusan Kabinet masih lagi kekal yang mana setinggan-setinggan akan dipindahkan ke rumah ganti yang akan disewa. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhirnya saya menjemput kementerian, wakil yang mewakili kuasa-kuasa Kementerian Kewangan supaya kementerian yang bertanggungjawab untuk menggulung perbahasan bajet. Yang Berhormat boleh habiskan dalam masa 40 minit?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Boleh, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6.20 petang.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2006 khususnya yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Banyak perkara yang telah ditimbulkan dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian terhadap semua teguran dan berusaha melaksanakan segala saranan dan cadangan membina yang telah dikemukakan. Ini semata-mata untuk memastikan bahawa pelaksanaan Bajet 2006 mencapai matlamatnya sebagai yang telah digariskan dan hasil faedahnya dapat di kecapi oleh segenap lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerja saya telah menjadi lebih mudah selepas hal-hal MAS telah pun disentuh oleh Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sektor pembinaan, Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad berpendapat kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan untuk sektor berkenaan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.1 bilion bagi penyediaan 26,000 unit kuarters untuk guru dan kakitangan beruniform serta RM2.5 bilion bagi projek kuarters PDRM yang mempunyai tiga bilik dan RM2.1 bilion bagi pembinaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah.

Sejumlah RM2.3 bilion dan RM2 bilion telah di peruntukkan kepada Sabah dan Sarawak dalam langkah pembangunan seimbang termasuk penyediaan infrastruktur dan kemudahan wam. Langkah tersebut dijangka akan memberi sumbangan kepada aktiviti sektor pembinaan. Untuk menggerakkan sektor pembinaan dengan lebih cergas lagi, pihak sektor swasta perlu memainkan peranan yang lebih besar khususnya dalam menerokai sumber pertumbuhan yang baru. Penyertaan syarikat-syarikat pembinaan di luar negara adalah juga digalakkan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan sektor swasta, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Mohd. Fuad bin Haji Ahmad ingin mengetahui kenapa sektor swasta tidak berperanan seperti yang diharapkan dalam membangunkan sektor ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sektor swasta semakin memainkan peranannya dalam pertumbuhan ekonomi negara. Data perangkaan menunjukkan bahawa sejak tahun 2003, sektor swasta semakin mantap dan perbelanjaan swasta terus memberi sumbangan utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Peratusan perbelanjaan sektor swasta kepada perbelanjaan permintaan dalam negeri meningkat daripada 62.9 peratus pada tahun 2003 kepada 66.6 peratus pada tahun 2005. Berbanding sektor awam, peratusannya berkurangan daripada 37.1 peratus pada tahun 2003 kepada 33.4 peratus pada tahun 2005. Tambahan pula, pada tahun 2004 sumbangan perbelanjaan swasta kepada pertumbuhan KDNK adalah sebanyak 7.4 mata peratusan berbanding dengan perbelanjaan awam minus 0.7 mata peratusan dan sektor luar minus 2.5 mata peratusan.

Pada tahun 2005 perbelanjaan swasta dijangka menyumbang sebanyak 4.5 mata peratusan dan pada tahun 2006, 5 mata peratusan manakala perbelanjaan awam menyumbang 1.8 mata peratusan pada tahun 2005 dan 0.2 mata peratusan pada tahun 2006. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan pelaburan sektor swasta masih belum mencapai tahap kedudukan ekonomi sebelum berlakunya krisis kewangan 1997/1998. Namun begitu, selaras dengan dasar-dasar kerajaan yang terus menggalakkan perniagaan *pro-business* dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk sektor swasta terus berkembang, kita yakin prestasi sektor swasta akan terus kukuh. Tuan Yang di-Pertua, mengenai galakan bagi aktiviti multimedia, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah mencadangkan supaya diberi galakan sepenuhnya kepada syarikat multimedia yang membuat pelaburan di luar kawasan *cyber cities*.

Untuk makluman Yang Berhormat, galakan bagi syarikat multimedia di luar *cyber cities* tidak diberi galakan sepenuhnya kerana ia tidak selaras dengan dasar untuk mengutamakan syarikat multimedia untuk menempatkan aktiviti di *cyber cities* di mana kerajaan telah membuat pelaburan yang tinggi. Bagi IPTA atau IPTS, insentif cukai 100 peratus telah diberi walaupun lokasi di luar kawasan *cyber cities* disebabkan insentif hanya diberi kepada fakulti terlibat dalam ICT sahaja dan bukan kepada kesemua fakulti di IPTA atau IPTS. Oleh sebab itu adalah tidak wajar dikehendaki IPTA atau IPTS yang diluluskan taraf MSC birokrasi *cyber cities*.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan layanan cukai ke atas perumahan kos rendah. Tadi, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin seterusnya juga ingin mengetahui syarat yang membolehkan pemaju perumahan kos rendah menuntut layanan cukai ke atas anggaran kerugian yang mereka alami sama ada projek perumahan kos rendah perlu diserahkan sebelum syarikat layak menuntut *off-site* itu. Untuk makluman Yang Berhormat layanan cukai yang dimaksudkan membenarkan anggaran kerugian dari projek rumah kos rendah ditolak daripada anggaran keuntungan dari projek bangunan hartanah yang lain. Kebenaran menganggarkan kerugian ini bertujuan membantu syarikat semasa membuat anggaran cukai kena bayar tahun semasa dan tidak mensyaratkan projek perumahan kos rendah tersebut disiapkan terlebih dahulu sebelum tolakan dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai anggaran cukai syarikat, Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar, mencadangkan supaya anggaran cukai kena bayar tahun semasa bagi syarikat diturunkan daripada tidak kurang daripada 85 peratus kepada 65 peratus atau lebih rendah daripada anggaran atau anggaran disemak tahun semasa memandangkan kesukaran pihak syarikat membuat anggaran yang tepat dalam keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu. Mengenai perkara ini, kerajaan baru sahaja mencadangkan supaya anggaran cukai kena bayar tahun semasa bagi syarikat diturunkan dari tidak kurang daripada 100 peratus kepada tidak kurang daripada 85 peratus mulai tahun taksiran 2006. Kerajaan akan memantau pelaksanaan cadangan tersebut.

Sungguhpun begitu, peruntukan semasa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 membenarkan syarikat menyemak semula anggaran tersebut pada bulan keenam dan kesembilan tahun kewangan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penurunan kutipan cukai syarikat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik membangkitkan perkara berkaitan kutipan cukai pendapatan syarikat yang menurun sebanyak RM719 juta jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, anggaran disemak cukai pendapatan syarikat 2005 yang dinyatakan dalam buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2006 adalah berdasarkan prestasi kutipan hasil 2005 semasa anggaran tersebut dibuat pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan cukai perkhidmatan, Ahli Yang Berhormat Senator juga bimbang jumlah cukai perkhidmatan yang dikutip oleh peniaga-peniaga tidak sampai kepada kerajaan. Kerajaan juga prihatin mengenai masalah ini sebab itu dalam peraturan yang ada sekarang, semua pemegang lesen cukai perkhidmatan dikehendaki mengikrarkan jualan dan membayar cukai perkhidmatan yang dikutip daripada pelanggannya kepada Jabatan Kastam setiap dua bulan sekali. Mana-mana pemilik atau premis peniaga yang gagal berbuat demikian akan dikenakan penalti. Bagi memastikan jumlah cukai perkhidmatan yang di ikrar dan dibayar, pihak Kastam Diraja Malaysia membuat pemeriksaan berkala ke atas akaun-akaun syarikat yang dilesenkan di mana semua invois yang dikeluarkan kepada pelanggan akan diteliti dan disemak.

Sebarang kekurangan bayaran tuntutan cukai tambahan berserta penalti akan dikenakan sehingga 50 peratus daripada cukai yang kurang dibayar. Selain daripada itu, pihak kastam juga ada menjalankan *street survey* kerana unit penguatkuasaan pelesenan akan membuat siasatan dan intipan mengenai syarikat-syarikat yang disyaki termasuk syarikat yang beroperasi tanpa lesen. Sekiranya didapati bersalah mengemukakan ikrar dan bayaran yang tidak betul, tindakan boleh diambil di bawah Akta Cukai Perkhidmatan di mana sekiranya disabit boleh dikenakan denda RM5,000 atau penjara dua tahu atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pengecualian cukai pendapatan. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin mencadangkan supaya sumbangan yang diberikan oleh Kementerian Penerangan diberikan kepada seniman dan seniwati yang uzur tidak dikenakan cukai pendapatan. Sebagai makluman, sumbangan yang diterima oleh seniman dan seniwati jika tidak berkaitan dengan profesionnya tidak dianggap sebagai pendapatan bercukai kerana mereka boleh menerima sumbangan dan tidak dikenakan cukai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan duti import kereta CBU dan CKD, Yang Berhormat Senator Datuk Roslan bin Awang Chik ingin mengetahui sama ada faktor *under declare* menyebabkan sejumlah RM428 juta duti import CBU dan CKD tidak dapat dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 Januari 2005 terdapat penyelarasan kadar duti import dan duti eksais untuk sektor automotif. Berikutan pengurangan kadar duti import dan peningkatan

kadar duti eksais tersebut, dapat dilihat pengurangan kutipan duti import untuk pengimportan kereta CBU dan CKD tetapi terdapat pula peningkatan di dalam kutipan duti eksais untuk kenderaan bermotor termasuk kereta CBU dan CKD Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan potongan cukai untuk suami. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae memohon supaya dipertimbangkan potongan cukai kepada isteri yang menjaga suami yang uzur dan saya ingin memaklumkan bahawa isteri boleh menuntut sebagai potongan pelepasan suaminya sebanyak RM3,000 jika suaminya tidak mempunyai pendapatan. Di samping potongan RM5,000 untuk penyakit yang serius dan RM5,000 lagi untuk alatan-alatan untuk bergerak bagi pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai subsidi diesel dan petroleum. Yang Berhormat Dato Dr. Chin Fook Weng membangkitkan peruntukan untuk subsidi diesel dan petroleum oleh Kementerian Kewangan adalah tinggi dan kerajaan tidak mampu meneruskannya. Beliau mengesyorkan supaya kerajaan jangan menggunakan pendekatan pemberian subsidi untuk mengatasi masalah. Alternatif lain perlu diusahakan seperti menyediakan sistem pengangkutan awam yang efisien supaya rakyat tidak menggunakan kenderaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi kerajaan ke atas produk petroleum diberikan bukan sahaja kepada sektor pengangkutan awam malahan ianya juga diberikan kepada sektor-sektor lain seperti nelayan dan bot sungai di Sabah dan Sarawak. Subsidi kerajaan adalah bertujuan untuk mengurangkan kos mengendalikan perniagaan bagi membendung kenaikan harga barangan keperluan serta meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh orang ramai kesan daripada kenaikan harga minyak mentah dunia. Kerajaan sememangnya tidak menggunakan subsidi sebagaimana mengatasi masalah kenaikan harga minyak petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hasil kutipan cukai rokok, Yang Berhormat Senator Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain mencadangkan supaya sebahagian hasil kutipan cukai rokok disalurkan kepada tabung amanah bagi membangunkan belia dan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Perlembagaan, sebarang kutipan hasil Kerajaan Persekutuan mesti dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Dana bagi tujuan pembangunan belia dan sukan pula boleh diperuntukkan melalui bajet tahunan melalui peruntukan tahunan Kementerian Belia dan Sukan. Ini kerana Malaysia tidak menggunakan konsep cukai diperuntukkan untuk pengguna akhir tertentu sahaja tetapi berdasarkan konsep bahawa keseluruhan kutipan hasil boleh digunakan untuk pelbagai jenis perbelanjaan tertakluk kepada peruntukan bajet.

Berkenaan dengan SME Bank, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Norraeshah binti Mohamad dan Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan isu berkaitan SME Bank menjadi keperluan maklumat-maklumat mengenai dana SME Bank disebarkan kepada usahawan-usahawan dan meminta pelaksanaan dana ini supaya telus, jelas dan efisien serta mesra pelanggan.

Untuk makluman, sehingga kini SME Bank mempunyai 15 cawangan iaitu kini dikenali sebagai Pusat Khidmat Pelanggan (PKK) di seluruh Malaysia bagi mempromosi produk pembiayaan dan khidmat nasihat kepada usahawan dan juga memproses pinjaman. Bagi memperluaskan lagi promosi ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan membentuk hubungan baik dan budaya pelanggan yang setia, SME Bank telah mengadakan program pemasaran *road show* di seluruh Malaysia. Sebanyak 10 program *road show* telah dijalankan dan seramai 1,975 tetamu hadir iaitu terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, UDA, NGOs, Dewan Perniagaan Cina dan India, pengurusan-pengurusan PKS dan ahli perniagaan setempat.

Selain daripada itu, sesi dialog dan taklimat juga telah diberikan pada National SMI Consultative Center, Persatuan SMI, Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia, Malaysian Furniture Industry Council, MATRADE dan juga agensi kerajaan yang lain. Usaha promosi juga telah dijalankan di dalam akhbar tempatan. Dalam usaha bank-bank untuk memastikan sistem penyampaian khidmat perkhidmatan yang lebih berkesan, pemprosesan pembiayaan telah dirombak semula bagi membolehkan bank memenuhi piagam pelanggan. Ini termasuk memberi kuasa melulus kepada PKK untuk pinjaman kurang dari RM250 ribu. Berdasarkan piagam baru bank, kelulusan pembiayaan kurang dari RM250 ribu perlu dilakukan dalam masa tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan lengkap. Untuk pembiayaan yang kurang daripada RM1 juta, kelulusan perlu diberi dalam tempoh 14 hari bekerja. Tempoh penyampaian maksimum adalah 45 hari untuk pembiayaan yang saiznya melebihi RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dana modal teroka. Yang Berhormat Senator Munusamy a/l Marimuthu memohon supaya kemudahan dana modal teroka dipanjangkan juga kepada masyarakat India bagi meningkatkan penglibatan kaum India dalam usaha perniagaan serta memperluaskan syer dalam sektor IKS. Untuk makluman Yang Berhormat, dana modal teroka yang disediakan oleh kerajaan adalah terbuka untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai yayasan hartanah Bumiputera, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan peranan dan operasi Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) yang ditubuhkan dengan dana sebanyak RM2 bilion. Untuk makluman, matlamat dan kuasa YAHB tidak sama dengan UDA. Tujuan penubuhan YAHB bukanlah sebagai mekanisme pelaburan, sebaliknya adalah untuk meningkatkan pemilikan hartanah komersial oleh bumiputera dan menyediakan lebih banyak ruang perniagaan yang strategik bagi usahawan bumiputera. Yayasan ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan maklumat terperinci mengenai YAHB akan diumumkan oleh Kementerian Kewangan dalam tempoh yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan caj perbankan, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan caj-caj perkhidmatan yang dikenakan oleh sistem perbankan dan mengenai maklumat tidak lengkap diberikan oleh syarikat insurans. Untuk makluman, Bank Negara Malaysia telah menggariskan polisi berhubung pengenaan caj dan *fee* oleh institusi perbankan. Dalam hal ini bagi penggunaan *fee* dan caj yang melibatkan akaun simpanan dan akaun semasa kepada semua warga negara Malaysia termasuk pemastautin tetap, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas berkuat kuasa pada 1 Februari 2005 yang mana bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dikehendaki menawarkan akaun simpanan asas dan akaun semasa asas kepada semua warga negara Malaysia termasuk pemastautin tetap.

Pemegang akaun tersebut dapat menikmati sekurang-kurangnya 14 urus niaga sebulan secara percuma yang terdiri daripada perkhidmatan-perkhidmatan perbankan seperti deposit cek dan tunai, pertanyaan akaun, pengeluaran wang, pemilihan dana dan di bawah institusi perbankan yang sama dan kemudahan pembayaran bil. Di samping itu, pemegang akaun juga layak melakukan dua transaksi *interbank Giro* yang dikenakan *fee* minimum tidak melebihi 50 sen setiap transaksi.

Intan edit

Bagi produk dan perkhidmatan selain daripada produk perbankan asas, dan produk dan perkhidmatan perbankan untuk individu dan PKS. Institusi perbankan dikehendaki memastikan *fee* dan *charge* yang dikenakan adalah berdasarkan kos sebenar. Dan selaras dengan polisi penempatan harga serta strategi pemasaran institusi perbankan. Dari itu, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan semua institusi perbankan supaya menyediakan butiran *fee* dan *charge* di semua cawangan dan laman web masing-masing untuk rujukan pengguna.

Bagi menjamin kepentingan pemegang polisi insurans kesihatan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan bagi perniagaan insurans perubatan dan kesihatan yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2006. Garis panduan tersebut akan memastikan bahawa pelanggan-pelanggan polisi perubatan dan kesihatan akan mendapat layanan lebih adil dan saksama. Semua produk polisi perubatan dan kesihatan dimestikan mematuhi keperluan garis panduan tersebut yang antara lain akan mengurangkan tempoh kelayakan ataupun menunggu bagi pemegang polisi berhak membuat tuntutan.

Garis panduan ini juga telah memperkenalkan tempoh membuat keputusan atau *preload period* selama 15 hari bagi membolehkan pelanggan menilai kesesuaian polisi yang baru dibeli dan juga mengehadkan caj-caj yang boleh dikenakan, termasuk komisen kepada pengantara-pengantara dan caj-caj perbelanjaan. Produk perubatan dan kesihatan mestilah disahkan oleh *actuary*, penanggung-penanggung insurans, dan butiran produk tersebut mesti dihantar kepada Bank Negara Malaysia sebelum produk tersebut dijual kepada umum.

Dengan pelaksanaan garis panduan yang tersebut, skim insurans kesihatan yang dilancarkan oleh syarikat-syarikat insurans akan bersifat adil dan saksama dan lebih bertanggung jawab bagi menjamin hak-hak pelanggan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Institut Perbankan Islam, Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, disyorkan supaya Institut Perbankan Islam ditubuhkan bagi melatih teknokrat sebagai pelopor industri ini benar-benar berwibawa di peringkat antarabangsa. Saya ingin maklumkan bahawa kerajaan telah pun menubuhkan Pusat Pengajian Kewangan Islam Antarabangsa ataupun *International Center For Education Islamic Finance (INCEF)*.

Ia berperanan sebagai badan yang mengkoordinasi, merancang dan melaksana usaha pembangunan modal insan untuk industri kewangan Islam di Malaysia. Membangun kepakaran untuk sistem kewangan Islam di peringkat global. Menawarkan program persijilan profesional dan Ijazah lanjutan. Dan sebagai pusat yang membekalkan penyelidikan dan pendidikan di bidang kewangan Islam. Program persijilan profesional dikenali sebagai *Certified Islamic Finance Professional* akan bermula pada 30 Mac 2006, program Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bermula pada penghujung tahun 2006. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *Government Link Companies, GLC's*, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd. Puad Zarkashi membangkitkan perkara ini, kebanyakan GLC diterajui oleh profesional yang tidak pernah bekerja dalam negara menggantikan profesional berpengalaman dalam negara.

Yang Berhormat berpendapat gabungan tenaga profesional luar negara dan dalam negara patut diutamakan bagi memastikan GLC melaksanakan tanggung jawab sosial. Sebagai penjelasan, perlantikan Ketua Pegawai Eksekutif, CEO GLC's yang berkelulusan luar negara tidak semestinya tidak berpengalaman dalam negara. Mereka pernah berkhidmat dan menerajui syarikat-syarikat tempatan. Dalam kumpulan pengurusan, gabungan tenaga profesional luar negara dan dalam negara sememangnya diamalkan. Bagi menyeimbangkan tanggungjawab sosial dan perniagaan, program-program khusus diwujudkan seperti penajaan projek kebajikan, kebudayaan dan sukan pihak vendor development.

Tambahan pula pasukan-pasukan dikawal selia oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada profesional tempatan. Dengan adanya program transformasi GLC, ketetapan dan panduan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan, terutamanya kepimpinan sentiasa diberikan penekanan. Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Wan Nordin bin Che Murat, supaya dilakukan pengauditan ke atas akaun syarikat-syarikat GLC dan mengadakan pemantauan serta kawalan ke atas Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pengarah. Ingin dijelaskan bahawa akaun-akaun syarikat GLC sebagaimana syarikat-syarikat lain, melalui proses pengauditan dalaman, di samping yang dijalankan oleh juruaudit bertauliah yang dilantik. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik termasuk wakil-wakil kerajaan adalah yang berpengalaman dalam memastikan kepentingan syarikat pemegang saham kerajaan dan negara terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri sedikit ucapan. Yang Berhormat Datin Chong Set Mui, bertanya dengan kenaikan cukai rokok dan minuman keras adalah amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun penyeludupan semakin berleluasa dan Yang Berhormat Datin Chong Set Mui mencadangkan agar kakitangan dan pekerja Jabatan Kastam diberi ganjaran bagi membendung dan membanteras kegiatan penyeludupan, kastam perlu mendahului penyeludup. Tuan Yang di-pertua, ganjaran hanya diberikan kepada *informer* sebagai langkah untuk membendung kegiatan penyeludupan. Bagi pegawai-pegawai, mereka menerima elaun tetap, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datin Naomi Chong juga berharap agar pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan lebih efisien dalam memproses kes cukai keuntungan hartanah dan duti stem kerana kelewatan menghasilkan kerugian kepada Perbendaharaan. Beliau juga mengharapkan Lembaga Hasil mempercepatkan bayaran balik cukai agar dapat mengurangkan kemarahan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah mempercepatkan bayaran balik cukai, tabung bayaran balik cukai pendapatan telah diwujudkan dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2005.

Dalam pengumuman Bajet 2006, tabung ini dijalankan, diperluaskan meliputi bayaran balik cukai keuntungan hartanah, duti stem dan cukai pendapatan petroleum. Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memberi keutamaan untuk memproses kes-kes bayaran balik cukai. Walau bagaimanapun, bagi membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri mempercepatkan proses bayaran balik cukai tersebut, pembayar cukai perlu mengisi borang penyata pendapatan yang diperlengkap berserta dengan pengiraan cukai yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Munusamy Marimuthu, ini berkenaan dengan skim prosper. Memohon kerajaan memperluaskan skim PROPER di bawah PUNB kepada masyarakat India bagi membangunkan IKS kaum India dan mengatasi masalah pengangguran siswazah India. Tuan Yang di-Pertua, skim PROPER di bawah PUNB diwujudkan khusus untuk membantu golongan bumiputera untuk terlibat dalam bidang peruncitan. Ia tidak diperluaskan kepada masyarakat India kerana ianya bertentangan dengan matlamat perwujudan PUNB itu sendiri. Untuk makluman, bank industri kecil dan sederhana ataupun bank SME turut menyediakan kemudahan pembiayaan sedemikian yang terbuka kepada semua kaum di bawah skim keupayaan perniagaan mikro, kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar - ini berkenaan dengan skim PROPER juga. Membangkitkan skim PROPER untuk membantu orang miskin, peniaga, meminta supaya jangan disyarat gerenti *collateral* dan *security*. Berpendapat pegawai PROPER adalah *security*nya kerana ketika meluluskan pinjaman yang dipohon, peniaga sudah pasti perniagaan boleh dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, dalam skim PROPER, untuk pinjaman RM200 ribu dan ke bawah, tiada penjamin diperlukan. Ianya dijamin oleh perniagaan yang dibuka oleh usahawan tersebut. Bagi pinjaman yang melebihi RM200 ribu pula, skim PROPER ini dijamin oleh Credit Guarantee Corporation (CGC, setakat amaun yang dibiayai oleh institusi

kewangan tempatan. Usahawan juga perlu membayar, menyediakan pembiayaan sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan kos projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan seterusnya menyokong undang-undang perbekalan 2006. Insya-Allah, apa-apa pandangan serta saranan yang telah dikemukakan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya dalam keadaan tak tahu nak buat apa. Ucapan dah habis.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Sikit sahaja. Ini berkaitan dengan ucapan. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Andaikan Yang Berhormat itu masih berdirilah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya, andaikan. Kementerian Pertanian, keliru saya jadi Datuk Ratnam, Datuk Ratnam jadi saya. Kementerian Kewangan pun langsung tak ingat persoalan saya.

Saya begitu banyak bercakap tentang pasaran modal, tentang *ValueCap* dan lain-lain, tetapi tidak ada satu pun jawapan mengenai perkara-perkara yang saya bangkitkan, saya rasa kecil hati. Saya harap kalau pegawai-pegawai yang berada di Dewan ini semasa saya membuat hujah-hujah saya tu, kalau dapatlah ingat kembali dan kalau boleh berilah jawapan bertulis ke, berbincang lepas ini tetapi jawapan harus diberi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya yakin pegawai-pegawai Kementerian Kewangan yang ramai ada di sini, mereka telah pun mengambil perhatian dan akan diambil tindakan atas apa-apa pandangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya tak boleh komen apa-apa sebab saya telah membuat, saya telah memberikan garis-garis panduan perbahasan dan hak-hak sebagai Ahli dan hak-hak kerajaan menangani perkara-perkara tersebut. Walau bagaimanapun kita hargai jaminan Yang Berhormat agar dileraikan perkara ini supaya tak kecil hati lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhirnya selepas enam hari berbahas, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu" telah disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat maka selesailah Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan dengan itu mesyuarat ditangguhkan. Dewan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.